



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan—Kebenaran [Ruangan 8397]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 8397]

### USUL-USUL:

#### Akta Kastam 1967—

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1986;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1986;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1986;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1986;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1986;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1986;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1986;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1986;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1986;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1986;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1986;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1986;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1986;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1986;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1986;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1986;

[Ruangan 8516]

[Ruangan 8517]

## KANDUNGANNYA—(samb.)

- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1987;
  - (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1987;
  - (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1987;
  - (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1987;
  - (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1987;
  - (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1987;
  - (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1987;
  - (xxiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1987;
  - (xxv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1987;
  - (xxvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1987;
- [Ruangan 8517]

### Akta Eksais 1976—

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10) 1986;
  - (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1986;
  - (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 12) 1986;
  - (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 13) 1986;
  - (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1987;
  - (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1987;
- [Ruangan 8549]

### Akta Cukai Jualan 1972—

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 1986  
[Ruangan 8551]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hakcipta [Ruangan 8552]

### UCAPAN PENANGGUHAN:

Bangunan Kompleks Kerajaan di Rantau Panjang—Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob [Ruangan 8583]

Pendaftaran Kolej General Practitioners Malaysia—Dr Chen Man Hin [Ruangan 8586]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ADBULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,  
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 19hb Mac, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*PENGUMUMAN  
TIMBALAN YANG DI-  
PERTUACUTI Y.B. DATUK JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN—KEBENARAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberi kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52, Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan, Ahli bagi Kawasan Keningau dari 9hb Mac hingga 20hb Mac, 1987.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANBANGUNAN TUANKU SYED  
PUTRA, PULAU PINANG—  
PENGUBAHSUAIAN

1. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Kerjaraya menyatakan kenapa kerja

pengubahsuaian Bangunan Tuanku Syed Putra di Lebuah Downing, Pulau Pinang memakan masa yang begitu lama hingga keselesaan kakitangan yang ditempatkan di bangunan tersebut kini terjejas dan tidak dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada orang ramai.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja membaiki dan mengubahsuaikan Bangunan Tuanku Syed Putra sedang dijalankan dan tempoh kontrak yang ditetapkan belum lagi tamat, iaitu dari 6hb Januari, 1986 sehingga 24hb Mei, 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila Bangunan Tuanku Syed Putra dikosongkan dan kakitangan-kakitangannya berpindah ke Bangunan KOMTAR, pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan yang menyewa di bangunan-bangunan lain pada ketika itu terus berpindah ke Bangunan Tuanku Syed Putra tanpa mendapat arahan terlebih dahulu, ini menyebabkan kerumitan untuk memperbaiki dan mengubahsuaikan bangunan tersebut. Oleh hal yang demikian, arahan telah dikeluarkan supaya mereka mengosongkan semula dengan segera supaya kerja-kerja pengubahsuaian dapat dijalankan dengan lancar dan teratur, tetapi sebaliknya mereka enggan berpindah. Oleh itu, pihak pemborong terpaksa juga menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian bangunan tersebut dalam suasana kakitangan Kerajaan sedang bekerja. Ini telah

menyebabkan timbul ketidakselesaian kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan itu.

Oleh yang demikian, untuk mengatasi perkara ini, Kerajaan telah meminta pihak pemborong menjalankan kerja-kerja mereka selepas waktu pejabat dan pihak pemborong telah bersetuju dengan cadangan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, disebabkan masalah-masalah yang dihadapi itulah kerja pengubahsuaian telah mengambil masa yang panjang.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah kerja-kerja ubahsuaian dijalankan dan berapakah kos pengubahsuaian ini? Sama ada Kerajaan Persekutuan telah membeli bangunan ini dari Kerajaan Negeri. Jika ya, berikan kosnya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, saya menjelaskan Bangunan Tuanku Syed Putra telah dibeli daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan harganya \$5 juta. Bangunan ini telah dibina pada tahun 1959, tingginya 10 tingkat.

Kerja-kerja pengubahsuaian yang dijalankan adalah:

- (a) Sistem kalis air perlu ditukar kepada jenis yang lebih baik untuk mengelakkan kebocoran lagi.
- (b) Semua simen rendering dan woodwool installation kepada roof slab, dengan izin, terpaksa dikeluarkan dan besi tetulang yang karat perlu diganti dengan b.r.c. mesh.
- (c) Kerja-kerja mengeluarkan woodwool adalah sangat rumit. Kerja kontraktor tidak dapat berjalan dengan lancar dengan

adanya pekerja-pekerja Jabatan Pos dan lain-lain sekali di sana. Pada masa ini tingkat 8 telah disiapkan dan kerja ini boleh dapat diselesaikan sebelum satu tarikh yang saya tetapkan tadi.

Ketiga, kos kontrak adalah \$3,775,823.55 dan kontraktor ialah Kangar Syarikat Perdagangan Pergabungan Sendirian Berhad. Kemajuan kerja ialah 24% sekarang dan kemajuan kerja mengikut jadual mesti kita mengadakan 55%, tetapi kita jalankan sekarang 24% sahaja, seperti masalah yang saya bangkitkan tadi dalam jawapan saya.

#### KOMPLEKS LPN DI KEDAH/ PERLIS—PENYELEWENGAN

2. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada penyiataan ke dalam tuduhan-tuduhan mengenai rasuah dan amalan-amalan curang yang berlaku dalam kompleks-kompleks LPN di Kedah dan Perlis telah selesai; jika ya, nyatakan hasil penyiataan tersebut dan tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat itu.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, antara tahun 1984 hingga bulan Januari tahun ini sebanyak 11 kes penyelewengan di kalangan kakitangan LPN di peringkat kompleks di Kedah dan Perlis telah dapat dikesan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 6 kes yang melibatkan 10 orang kakitangan telah selesai di mana 5 orang telah didapati bersalah, manakala 5 orang lagi didapati tidak bersalah. Mereka yang didapati bersalah dikenakan berbagai-bagai tindakan, termasuk dibuang kerja dan ditahan kenaikan gaji.

Sebanyak 5 kes yang belum selesai masih dalam penyiataan oleh pihak BPR, Polis dan LPN sendiri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu cuma 5 orang sahaja yang terlibat daripada jumlah kakitangan LPN yang begitu ramai. Ini menunjukkan bahawa penyelewengan ataupun rasuah yang terlibat adalah kecil kalau dibandingkan dengan kepentingan LPN secara keseluruhan.

Apakah cara yang Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengambil satu tindakan yang lebih positif untuk menaikkan semula nama baik LPN kerana LPN adalah cukup penting dari segi strategi pembangunan negara, kerana amalan rasuah yang kita sebutkan ini terlampau kecil sebagaimana yang selalu diheboh-hebohkan oleh Parti Pembangkang.

Kedua, apakah amalan jurang ini cuma melibatkan pegawai-pegawai LPN sahaja atau pihak-pihak lain juga terlibat seperti petani, pemborong-pemborong beras dan juga pengilang-pengilang ataupun mungkin pihak-pihak lain.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak adanya tangkapan-tangkapan di atas siasatan-siasatan mengenai penyelewengan telah menunjukkan prestasi atau imej yang baik di kalangan pekerja-pekerja LPN dan, insya Allah, sekiranya tiada lagi komplek-komplek dari pihak petani-petani mengenai LPN, ini akan membuktikan LPN dari segi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja telah dapat meningkatkan lagi imej LPN. Saya percaya pada tahun ini komplek mengenai perjalanan LPN sangat berkurangan, ini menunjukkan prestasi pekerja-pekerja LPN dan pegawai-pegawainya telah meningkat.

Mengenai penyelewengan-penyelewengan yang terbabit, ia melibatkan

berbagai-bagai pihak, tetapi mana-mana pihak yang terlibat ialah pegawai-pegawai LPN, maka tindakan-tindakan yang tegas dan sewajarnya akan diambil.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat ada berkata bahawa 5 orang ada didapati bersalah dan tindakan yang diambil ialah, di antaranya, menahan kenaikan pangkat dan lain-lain. Tetapi Yang Berhormat tidak menyebut mereka yang didakwa di mahkamah di bawah Akta Korupsi. Mengapa mereka tidak ditangkap dan didakwa di mahkamah?

Kedua, dalam siasatan mengenai penyelewengan dan korupsi kompleks LPN di Kedah dan Perlis, adakah pihak yang berkuasa dapat bantuan daripada Menteri Besar Kedah yang sendiri dalam tahun lalu ada mengatakan bahawa penyelewengan dan korupsi LPN bermaharajalela dan adakah beliau membuat fitnah atau adakah beliau sudah masuk Parti Pembangkang dan membuat teguran-teguran tersebut dan adakah usaha dibuat supaya dapat bukti-bukti daripada Menteri Besar Kedah?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama mengenai kes-kes yang dibawa ke mahkamah yang mana telah diputuskan oleh mahkamah untuk tindakan, sudah tentu dia akan dikenakan hukuman melalui mahkamah. Tetapi mana-mana kes yang mana tindakan diambil melalui proses jabatan, maka tindakan jabatan telah pun diambil.

Mengenai apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai saranan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, kemungkinan apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah ia disalahsampaikan dan mungkin laporannya tidak tepat dalam surat

khobar. Walau bagaimanapun, penyelewengan-penyelewengan telah pun disiasat dan dalam siasatan kita tiadalah penyelewengan yang begitu menyeluruh sekali seperti yang disebutkan dalam surat khobar. Sebab itu saya ingin menyatakan di sini bahawa tuduhan atau saranan Ahli dari Tanjung itu tidak tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir)*

### KEMATIAN BAYI

**4. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kadar kematian bayi "infant mortality rate" bagi tahun 1986; dan
- (b) apakah langkah yang telah diambil supaya "infant mortality rate" dapat dikurangkan ke peringkat antara 12-14 seribu.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1985, kadar kematian bayi di bawah umur 1 tahun ialah 19.4 bagi setiap 1,000 bayi yang dilahirkan hidup. Angka-angka bagi tahun 1986 belum lagi dapat dilaporkan.

Langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan kadar kematian bayi termasuklah:

- (i) Negeri-negeri dan daerah-daerah yang dikenalpasti mempunyai kadar kematian bayi yang tinggi sedang diberi perhatian yang khas untuk mempertingkatkan liputan perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak serta jagaan bayi;

- (ii) membina lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan kesihatan. Melalui kemudahan-kemudahan kesihatan ini, perkhidmatan-perkhidmatan jagaan ibu mengandung, ibu bersalin dan lepas bersalin diberikan. Perkhidmatan kesihatan bayi termasuklah pelalian yang diberikan;

- (iii) memberi nasihat dan pendidikan kesihatan kepada ibu-ibu yang mengandung dan juga kepada keluarganya melalui ceramah-ceramah di klinik-klinik dan di kampung-kampung menerusi persatuan-persatuan sukarela, bahan-bahan percetakan dan media massa;

- (iv) strategi tertentu telah pun dilaksanakan untuk mengurangkan kematian bayi yang berumur bawah 1 bulan. Strategi-strategi ini adalah penggalakan penyusuan ibu, pengesanan dan rawatan penyakit kuning di kalangan bayi-bayi yang baru lahir, dan pengendalian kes-kes jangkitan pernafasan. Aktiviti-aktiviti untuk memperbaiki lagi taraf kesihatan dan pemakanan ibu digiatkan untuk mengurangkan kadar kurang berat lahir di kalangan bayi baru lahir yang merupakan faktor utama kematian bayi dalam peringkat ini.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bagaimana kedudukan dengan kadar. Apakah kadar yang disebutkan tadi kadar secara keseluruhannya dan bagaimana kedudukan di antara bandar dan luar bandar?

Kedua, apakah langkah-langkah yang disebutkan tadi juga ditekankan di peringkat luar bandar kerana kadar

kematian bayi di luar bandar adalah tinggi dan punca utama dikatakan sebagai environmental disease, dengan izin, dan apakah langkah-langkah yang disebutkan tadi ditekankan juga di peringkat luar bandar dan apakah langkah-langkah itu dikira sebagai mencukupi untuk menghapuskan environmental disease tersebut.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, memang kadar kematian bayi di luar bandar lebih daripada kawasan bandar-bandar yang boleh dikatakan di setengah kawasan luar bandar lebihkurang 50% lebih dari kawasan perbandaran. Langkah-langkah yang saya sebutkan tadi memang ditegas dan ditumpukan khususnya kepada kawasan-kawasan di mana kadar kematian bayi adalah lebih dan memang kawasan-kawasan luar bandar yang terkandung di dalam tumpuan kita.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab-sebab kematian bayi ini. Adakah Yang Berhormat sedar kematian bayi ini kebanyakan disebabkan oleh malnutrition, dengan izin. Menurut satu siasatan yang dijalankan oleh IMR, malnutrition berlarutan dan serius di beberapa tempat seperti di negeri Sarawak di kawasan pendalaman dan di negeri Kedah di kawasan Baling dan di Johor di kawasan Mersing. Siasatan dijalankan di tempat tersebut itu. Apakah langkah-langkah Kerajaan akan mengambil untuk mengatasi masalah malnutrition ini.

Kedua, selain daripada malnutrition, pengagihan perkhidmatan kesihatan di luar bandar dan di bandar, jurangnya agak besar dan masalah itulah yang terbesar. Bagaimana Kerajaan akan mengimbangkan pengagihan perkhidmatan kesihatan ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kampar tidak dengar jawapan saya. Pada akhir jawapan saya, saya kata aktiviti-aktiviti untuk memperbaiki taraf kesihatan dan pemakanan ibu digiatkan untuk mengurangkan kadar kurang berat di kalangan bayi yang baru lahir kerana faktor itulah merupakan faktor utama kematian bayi. Jadi, ini memang dalam perhatian kita.

Mengenai pengagihan kemudahan-kemudahan kesihatan di luar bandar, saya rasa kita mempunyai satu rangkaian atau liputan kemudahan kesihatan khususnya untuk menjaga kesihatan ibu dan bayi-bayi yang di kalangan Dunia Ketiga ini terbaik sekali. Liputannya adalah melalui pusat-pusat kesihatan, pusat kesihatan kecil, klinik desa, klinik bidan dan sebagainya, sampai pada masa ini saya rasa di kawasan-kawasan Semenanjung kita ada kawasan di mana klinik lebih jauh dari 4 batu daripada satu kemudahan. Ini adalah satu pencapaian yang saya rasa adalah satu yang sangat menggalakkan. Tetapi usaha kita adalah untuk menumpukan perkhidmatan ibu dan bayi-bayi ini terhadap ibu-ibu yang dalam golongan risiko tinggi yang mungkin akan mengalami kerumitan dalam kelahiran atau bersalinan itu atau bayi-bayi yang dilahirkan itu dalam lingkungan bahaya.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, ada dua faktor yang mengancam bayi-bayi di negara kita iaitu, satu, susu tepung. Ada banyak keraguan berkenaan susu tepung daripada Eropah sebab ada terdapat satu insiden Chernobyl, banyak orang takut susu tepung ada contaminated dengan racun nuklear, racun sisa dan lain-lain. Apakah langkah Kerajaan sudah ambil untuk mencegah susu tepung yang contaminated, dengan izin, masuk ke negara kita?

Kedua, Hepatitis B yang sekarang serang banyak bayi dalam tiap-tiap buah negara. 10% sampai 50% penduduk di negara kita jadi carrier hepatitis B dan barangkali banyak ibu-ibu jadi carriers. Ini ada jadi satu ancaman kepada bayi. Apakah langkah Kerajaan, misalnya vaccination untuk mencegah hypothesis B?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal mengenai keselamatan susu tepung itu adalah terlalu keluar daripada soal pokok. Tetapi saya ingin menyatakan mengenai program atau penggalakan kepada penyusuan ibu atau, dengan izin, breast feeding, bahawa kita memang memberi galakan yang penuh. Tetapi nampaknya dalam zaman moden, ada banyak ibu-ibu yang merasa bahawa penyusuan ibu itu bukanlah satu yang moden dan mereka takut badan mereka rosak, tidak cantik dan sebagainya. Saya sendiri harap bahawa pihak seperti Yang Berhormat doktor sendiri dapatlah memberi galakan yang lebih kerana penyusuan ibu adalah satu usaha atau satu sumbangan yang sangat kuat untuk menentukan kesihatan bayi-bayi itu.

Mengenai soal yang kedua, carrier atau pembawa kuman hepatitis ini memang terdapat satu keadaan yang luas di mana ibu-ibu khasnya ibu-ibu daripada keturunan Cina, jadi carrier. Sejauh yang boleh kita mengenalpasti keadaan kesihatan ibu-ibu yang mengandungi khasnya mereka yang dalam risiko tinggi iaitu mempunyai beberapa characteristic yang menjadikan ibu itu risiko tinggi dan menjalankan ujian-ujian yang perlu untuk menentukan kesihatan ibu itu untuk menjaga keselamatan bayi yang dilahirkan nanti. Kita belum dapat mengadakan satu program yang luas sekali, yang menyeluruh di Malaysia kita ini untuk mencegah hepatitis melalui vaccination kerana vaccination itu adalah satu yang mahal sekali.

## MEROKOK KETIKA MEMANDU— KEMALANGAN JALANRAYA

**5. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan telah membuat bancian berapa banyakkah kemalangan jalanraya disebabkan seseorang pemandu yang terlibat itu merokok semasa memandu. Jika ada, sila nyatakan jumlah yang terlibat dan kalau tidak, sama ada Kerajaan bercadang membuat bancian tersebut dan bila.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, cadangan untuk mengadakan perundangan bagi melarang pemandu-pemandu merokok semasa memandu telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Sehingga hari ini, Kerajaan tidak pernah membuat bancian mengenai kemalangan jalanraya yang disebabkan oleh pemandu-pemandu merokok semasa memandu, dan oleh itu, tidak mempunyai perangkaan mengenai kemalangan jalanraya yang berpunca daripada merokok semasa memandu.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mencadangkan bahawa merokok di dalam masa memandu tidak ada angka-angka sama ada dikatakan menjadi satu kemalangan atau tidak? Dan jugakah Kerajaan akan menetapkan sama ada Kerajaan ingin membuat satu undang-undang di mana apabila pemandu-pemandu kereta mestilah dua tangan pegang kepada steering dan tidak boleh lepaskan tangan itu. Adakah undang-undang itu dicadangkan seperti yang dicadangkan oleh Menteri Kerjaraya? Adakah undang-undang ini akan dibentang di Dewan yang mulia ini?

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Insya Allah, sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan yang ada ini larangan merokok semasa memandu hanya boleh dikuatkuasakan ke atas pemandu-pemandu atau konduktor kenderaan perkhidmatan awam sahaja, atau dengan izin, public service vehicles dan tidak kepada pemandu-pemandu kereta persendirian. Memanglah pemandu-pemandu hendaklah gunakan kedua-dua tangan, tetapi kalau dia gunakan satu tangan, takkan kita hendak pergi cek pula tangannya sebelah sahaja yang memandu.

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** Soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ada kajian tentang hendak pegang steering dengan kedua-dua tangan sekali, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita pegang kereta, satu kita kena pegang gear. Jadi, kita tidak mungkin boleh gunakan dua tangan sekali. Undang-undang ini telah cuba dilaksanakan di negara-negara Barat, tetapi setelah dikaji semula bahawa perkara ini tidak begitu praktikal. Yang keduanya, selalunya bila kita memandu pada malam hari, kalau kita makan kacang dan sebagainya boleh menghilangkan mengantuk. Jadi, bukankah ini juga sudah dibuat kajian mengenai perkara ini?

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Tangan sebelah untuk gear itu, takkan gear hendak pegang sepanjang masa (*Ketawa*). Saya tidak mempunyai pengalaman untuk makan kacang dalam kereta dan saya harap Ahli Yang Berhormat tidak mengamalkan. Kalau ada kawan-kawan tolonglah nasihat jangan buat.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengatakan kemungkinan undang-undang untuk mencegah pemandu-pemandu menghisap rokok semasa memandu dan ada juga disebutkan tadi ada juga undang-undang yang ada hari ini iaitu melarang pemandu dan kondaktor menghisap rokok. Tetapi saya ingin tanya Yang Berhormat apakah Yang Berhormat sedar bahawa menghisap itu selalunya melegakan perasaan dan kadang-kala memberi ilham kepada pemandu itu sendiri.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, ini terserah kepada yang melakukannya.

#### KOD "BRAILLE" DALAM WANG KERTAS MALAYSIA

**6. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab kod "braille" tidak dicetak ke atas wang kertas Malaysia yang baru.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kod "braille" untuk orang-orang buta tidak dimasukkan ke dalam wang kertas rekabentuk baru Malaysia disebabkan ianya tidak bermanfaat kepada orang-orang buta, terutama sekali apabila wang kertas tersebut telah lusuh. Sebelum membuat keputusan untuk tidak menggunakan kod "braille" ini, Bank Negara Malaysia telah menghubungi pihak Persatuan Orang-orang Buta. Daripada kajian menyeluruh di kalangan ahli-ahli Persatuan tersebut, telah didapati bahawa kebanyakan orang-orang buta bergantung kepada saiz wang kertas itu untuk mengenalkannya. Dengan itu mereka tiada halangan terhadap penanggalan kod "braille" daripada wang kertas rekabentuk baru.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

*(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar.

*(Soalan No. 8 Y.B. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar tidak hadir)*

### PASUKAN KESELAMATAN DI PULAU BANGGI

9. **Tuan Joe Ojhi Supiring** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan oleh sebab Pulau Banggi (Balambangan) adalah pintu masuk orang-orang pelarian, lanun-lanun dan juga penyeludup-penyeludup bahan-bahan bahaya ke Malaysia daripada Negara Asing seperti Filipina. Adakah Kementerian ini bercadang untuk memperluaskan penempatan secara batalion, pasukan keselamatan di tempat itu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bercadang untuk membesarkan penempatan pasukan keselamatan di Pulau Banggi (Balambangan) kerana satu kompeni tentera yang ditempatkan di kawasan tersebut adalah mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekarang ini terdapat satu seksyen anggota Polis Hutan di Karakit, Pulau Banggi yang ditugaskan untuk memeriksa pendatang-pendatang dari Filipina sebelum mereka mendarat di Kudat dan kawasan sekitarnya. Di samping itu bot-bot polis merin, kapal-kapal TLDM dan kapalterbang Unit Udara Polis juga digunakan untuk menjalankan rondaan di kawasan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu kenyataan bahawa pelarian-pelarian

Filipina telah menjadi suatu ancaman kepada ketenteraman dan keamanan Negeri Sabah dan juga Negeri Sarawak. Adakah pihak Kerajaan akan mengamalkan atau melaksanakan dasar yang sama yang mereka amalkan terhadap pelarian-pelarian dari Vietnam iaitu mengamalkan satu dasar "shoot to kill" terhadap pelarian-pelarian Filipina supaya mereka tidak akan masuk ke negeri Sabah dan mengancam keselamatan penduduk-penduduk Sabah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kadangkala cogan kata yang diwujudkan misalnya "shoot to kill" tidak bermakna kita akan menembak sesiapa kerana tidak ada seorang Vietnam pun yang kita tembak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ya, tetapi saya maksudkan bahawa cogan kata tidak semestinya praktikal daripada apa ayat itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini kata-kata, omong-omong kosong sahaja seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, omong-omong kosong sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan berbahas.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jadi, cogan kata kita buat tetapi tidak semestinya kita mesti buat mengikut sepertimana yang tercatat dalam ayat itu. Mungkin ia merupakan satu lambang, mungkin ia merupakan satu ayat yang menakutkan. Jadi, kalau sekiranya kita memikirkan bahawa cogan kata itu bersesuaian di Sabah mungkin kita fikirkan untuk dilaksanakan.

## MENERAPKAN FAHAMAN ISLAM DI RTM

**10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah positif ke arah penerapan fahaman Islam yang sedang dan akan dijalankan melalui radio dan televisyen dan juga alat-alat sebaran am di bawah Kementerian Penerangan. Dan adakah sebarang langkah yang dibuat untuk menyebarkan kefahaman Islam kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri (Filem atau sebagainya).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan menerusi RTM dan Jabatan Penerangan sebagai media Kerajaan sememangnya terlibat dan sentiasa memberikan kerjasama sepenuhnya dalam usaha-usaha menerapkan kefahaman Islam kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Bagi menyebarkan kefahaman ini rancangan-rancangan agama Islam terbitan RTM adalah meliputi aspek-aspek seperti akidah, Fardu Ain, kekeluargaan, ekonomi, sosial dan politik, serta juga hal-hal semasa yang menyentuh umat Islam.

Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk memperbaiki lagi mutu persembahan rancangan bagi menarik minat penonton-penonton terutamanya yang masih muda untuk mengikuti program-program bercorak keagamaan.

Bahan-bahan dan risalah-risalah penerangan mengenai agama Islam terbitan Jabatan Penerangan adalah juga disebarkan kepada pelajar-pelajar luar negeri melalui pemberian pita-pita audio dan video kepada Kedutaan-kedutaan untuk disebarkan kepada pelajar-pelajar kita.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Penerangan bercadang memberi peluang dan ruangan di TV

dan Radio untuk menyebarkan nilai-nilai lain-lain agama melainkan agama Islam, memandangkan dalam Perlembagaan kita adalah diberi hak-hak kebebasan untuk semua agama juga.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam program-program rancangan Televisyen, kita memang menyebarkan nilai sejagat yang diterima oleh semua golongan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah sebaran-sebaran mengenai fahaman Islam akan mengandungi saranan bahawa sebaran ini atau akan menggalakkan umat-umat Islam supaya jangan menyebarkan Islam kepada kanak-kanak yang belum sampai 18 tahun supaya kuasa-kuasa yang ada kepada ibu bapa seperti yang termaktub dalam Perlembagaan tidak akan dicabul.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, program-program agama yang ada dalam rancangan-rancangan yang disiarkan oleh Televisyen adalah sudah tentu untuk meningkatkan kefahaman Islam di kalangan umat Islam di samping untuk memberi kefahaman kepada rakyat tentang pengertian agama Islam itu yang sebenarnya.

## KOR JURUTERA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

**11. Drs Sulaiman bin Mohamed** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah beliau sedar bahawa Kor Jurutera Angkatan Tentera Malaysia berkemampuan membina jalan-jalan di luar bandar, jika ya, setakat ini adakah Jabatan Kerja Raya pernah meminta Kor Jurutera membina mana-mana jalan di luar bandar; jika tidak, mengapa.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini Kementerian tidak pernah meminta Kor Jurutera Angkatan Tentera untuk membina jalan-jalan di luar bandar atas sebab-sebab yang tertentu. Di antara sebab-sebab itu ialah:

- (a) Kor Jurutera Angkatan Tentera mempunyai tugas-tugasnya sendiri dan oleh itu adalah tidak wajar membebankan Kor tersebut dengan memintanya untuk membina jalan-jalan di luar bandar;
- (b) kemungkinan akan wujudnya masalah pentadbiran dan juga pengurusan pembinaan jalan di antara Kementerian dan Kor Jurutera Angkatan Tentera; dan
- (c) dengan bertambahnya bilangan pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan maka bilangan-bilangan kerja secara kontrak juga perlu ditambah.

Dalam hal ini adalah tidak wajar kerja-kerja pembinaan jalan diberi kepada Kor Jurutera Angkatan Tentera kerana ini akan mengurangkan peluang pemborong-pemborong untuk mendapat kerja.

Perkara ini amat penting lagi dalam konteks kemelesetan ekonomi yang dialami sekarang di mana peluang kerja telah berkurangan dan bilangan pemborong masih besar, malahan meningkat dari setahun ke setahun. Atas sebab-sebab itulah Kerajaan tidak meminta Kor Jurutera Angkatan Tentera untuk membina jalan di luar bandar.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri itu sangat bertimbang rasa kepada golongan usahawan tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri juga

harus bertimbang rasa kepada Kerajaan. Kalau kita boleh komitkan Kor Jurutera Angkatan Tentera Malaysia membuat sesuatu jalan ataupun sebagainya tentu sekali menyelamatkan wang negara. Apakah langkah-langkah selain daripada Yang Berhormat Menteri katakan tadi untuk memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu pihak pengusaha dan juga pihak Kerajaan sekaligus.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kami tadi bukan ertinya kita tidak menggunakan Kor Jurutera Angkatan Tentera tetapi mereka bukan digunakan untuk kontrak-kontrak biasa. Jikalau ada juga kerja-kerja kecemasan, dalam suatu masa darurat kita mesti menggunakan mereka. Tetapi kerja-kerja yang kita sedia ada sekarang tidak mencukupi untuk mencari makan. Sebab itu mengapa kita berikan Kor Jurutera Angkatan Tentera untuk menjalankan kerja apabila ramai kontraktor-kontraktor dalam negara kita boleh juga menjalankan kerja dengan lebih kelibar.

## INDUSTRI PERUMAHAN— KELEMBAPAN

**12. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu daripada sebab utama berlakunya kelembapan di dalam Industri Perumahan adalah tindakan-tindakan beberapa Pemaju Perumahan yang tidak bertanggungjawab, bermoral, tamak, mementingkan diri sendiri melakukan pemerasan kepada pekerja-pekerja, kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal, institusi kewangan dan akhir sekali pembeli-pembeli, dengan berselindungkan kepada projek-projek perumahannya yang kebanyakannya tinggal terbengkalai atau lewat untuk disiapkan. Kiranya

pihak Menteri sedar, terangkan berapa banyak projek yang terbengkalai dan yang lewat disiapkan yang masih ada pada masa ini dan sejak bila projek itu dimulakan. Apakah tindakan Kerajaan supaya perkara serupa ini tidak berlaku lagi pada masa-masa akan datang agar kepentingan rakyat terpelihara, ekonomi negara dapat dipulihkan dan pemaju-pemaju yang terlibat diambil tindakan sewajarnya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedar sebab-sebab utama berlakunya kelemahan dalam industri perumahan dan tidaklah semuanya disebabkan oleh perkara-perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Sehingga 31hb Disember, 1986 jumlah skim perumahan yang terbengkalai di dalam perhatian Kementerian adalah sebanyak 126 projek. Dari jumlah ini 20 projek telah dapat disiapkan sepenuhnya dan bakinya yang berjumlah 106 projek berada dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Tindakan Kementerian ini supaya peristiwa yang serupa tidak akan berulang lagi adalah seperti berikut:

- (1) Mengkaji semula Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 supaya ianya lebih ketat dan sempurna;
- (2) Mengesan kelemahan projek dengan lebih awal lagi;
- (3) Mempastikan bahawa pemaju mestilah memberikan laporan kemajuan kepada Kementerian;
- (4) Melesen pemaju-pemaju yang benar-benar berkemampuan; dan
- (5) Meminta kerjasama Penguasa-penguasa Tempatan memberikan feed-back mengenai

projek-projek yang sedang berjalan kepada Kementerian selain daripada pemaju itu sendiri.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pembeli-pembeli rumah yang menjadi mangsa projek perumahan yang terbengkalai atau lewat disiapkan atas sebab pemaju perumahan telah menjadi bankrupt dan tidak ada kemungkinan melanjutkan projek perumahan itu.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau satu-satu pemaju menjadi bankrupt maka syarikat itu adalah jatuh di bawah receivership, satu perkara yang akan diusahakan oleh Public Trustee.

### JALAN SENTUL PASAR KE SIMPANG LEBUHRAYA KARAK

**13. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah Kementerian akan meluaskan jalan dari Sentul Pasar ke Simpang Lebuhraya Karak bagi mengelakkan kesesakan lalulintas di Sentul Pasar hari ini.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun mempunyai satu rancangan untuk meluaskan jalan-jalan bagi Jalan Sentul dari Jalan Ipoh ke Lebuhraya Karak. Kerja-kerja pembinaan ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Setakat ini kerja-kerja meluaskan Jalan Sentul Fasa 1 iaitu dari Jalan Ipoh ke Jalan Kovil Ulu, dan Fasa II iaitu dari Jalan Kovil Ulu ke Lorong Sentul Pasar telah pun disiapkan.

Seterusnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dan sedang merancang supaya pelaksanaan meluaskan Jalan Sentul Fasa III iaitu

dari Lorong Sentul Pasar ke Jalan Sentul Sehaluan, dimulakan dalam tempoh tahun 1987 ke 1989. Projek ini memerlukan perbelanjaan sebanyak \$4.3 juta di mana separuh daripada tanah di situ akan diambil balik. Dalam hubungan ini, permohonan peruntukan telah dibuat dan pelaksanaan projek ini adalah bergantung kepada peruntukan yang boleh diperolehi kelak.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Soalan tambahan. Bercakap tentang jalan di Wilayah Persekutuan, saya ingin bertanya bilakah pula jalan di antara Setapak ke Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak akan diperbesarkan.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jalan-jalan berkenaan ianya akan diperbuat mengikut peringkat demi peringkat dan sekarang ini Jalan Setapak pun kita sudah besarkan, cuma hendak menunggu sama ada jalanraya Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak akan dapat disambung ke kawasan yang berkenaan sebelum ianya dapat diteruskan iaitu dari peringkat yang ada sekarang. Maknanya, pada masa ini Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak itu masih terhenti di kawasan yang berkenaan dan apabila masanya tiba kelak untuk dihubungkan dengan jalan Setapak maka ianya akan diperbuat.

#### **LEMBAGA KOKO/INSTITUT PENYELIDIKAN KOKO**

**14. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilakah pertubuhan Lembaga Koko dan Institut Penyelidikan Koko akan diwujudkan. Sila sebut di mana mereka akan ditempatkan dan apakah objektif dan tujuan pertubuhan masing-masing, apakah rancangan yang sudah dilaksanakan sekarang supaya mengurangkan kandungan asid dalam koko kita dan meningkatkan mutu keluaran koko ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama sedang merangka Rang Undang-undang bagi penubuhan Lembaga Koko Malaysia yang dijangka dapat dibentangkan di Dewan ini pada hujung tahun ini juga, insya Allah.

Fungsi Lembaga ini termasuklah penyelidikan dan pembangunan serta kemajuan pasaran dan pengawalan yang melingkungi persijilan, pendaftaran serta pelesenan. Penempatan Lembaga ini akan ditentukan kemudian kelak.

Penubuhan Lembaga Koko Malaysia akan dapat memberikan satu fokus kebangsaan dan pendekatan pembangunan industri koko yang lebih selaras dan bersepadu, terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pemasaran antarabangsa. Selain daripada itu, melalui pendaftaran dan pelesenan, Lembaga ini akan dapat mewujudkan amalan baru industri koko yang lebih teratur.

Pihak MARDI telah pun berjaya menghasilkan teknologi untuk mengurangkan kandungan asid biji-biji koko Malaysia melalui proses "fermentation". Dengan proses ini, biji-biji koko Malaysia akan boleh menandingi biji-biji koko antarabangsa dari segi kandungan asid dan rasa. Pihak MARDI juga sedang memperkenalkan teknologi ini kepada pihak-pihak yang memproses biji-biji koko seperti pekebun-pekebun kecil, persatuan-persatuan peladang, syarikat-syarikat memproses dan juga syarikat-syarikat ladang koko.

Mengenai mutu keluaran koko pula, usaha yang sedang dijalankan oleh MARDI dan Jabatan Pertanian Sabah ditumpukan untuk mengeluarkan baka-baka koko yang boleh

memberikan hasil yang tinggi dan juga tahan dari penyakit tanaman-tanaman koko.

**Dr Eng Seng Chai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan meningkatkan mutu keluaran koko kita, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membesarkan biji-biji koko ini memandangkan adalah diberitahu bahawa di pasaran dunia berlaku kekurangan permintaan koko kita sebab biji-biji koko kita ini kurang besar berbanding dengan keluaran lain-lain negara.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa dari segi kualitinya, biji-biji koko keluaran negara kita tidaklah begitu tinggi kalau dibandingkan dengan keluaran biji-biji koko daripada negara yang terkemuka seperti Ghana dan seterusnya. Walau bagaimanapun, sepertimana yang saya telah sebutkan tadi, usaha dan penyelidikan telah dijalankan dan untuk pengetahuan Yang Berhormat penyelidikan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Sabah baru-baru ini telah mencapai kemajuan dari segi perasa koko, selain daripada mewujudkan biji koko yang lebih besar. Kerjasama Jabatan ini dengan MAS Confectionaries dari Australia telah berjaya memperbaiki perasa koko Sabah untuk setanding dengan biji koko keluaran daripada negara Ghana umpamanya.

#### **JALANRAYA BERUNGIS/TUARAN KOTA BELUD—PEMBINAAN**

**15. Tuan Maidon bin Pansai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah perkembangan atau kemajuan mengenai rancangan pembinaan mengenai Lebuhraya yang menghubungkan Pekan Tuaran dan Kota Belud atau yang dipanggil Berungis/Tuaran Kota Belud

Highway. Bilakah kerja pelaksanaannya dijangka akan bermula.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kerja-kerja merekabentuk jalanraya Berungis/Tuaran Kota Belud telah pun siap. Kerja-kerja pra-kelayakan para penender-penender telah pun dijalankan. Walau bagaimanapun, tender bagi projek ini tidak dapat dipanggil sekarang kerana tiada peruntukan disebabkan keadaan ekonomi negara sekarang.

#### **PENDIDIKAN KOMPUTER DI SEKOLAH**

**16. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa sekolah-sekolah Kerajaan hanya dibenarkan untuk membeli komputer-komputer NEC dari Business Computer Sdn Bhd apabila pihak sekolah memohon kebenaran daripada pihak yang berkuasa. Apakah ini dasar Kerajaan bahawa sekolah-sekolah mesti membeli komputer NEC dan tidak dibenarkan membeli komputer-komputer NEC adalah paling sesuai untuk digunakan di sekolah. Nyatakan sama ada Kementerian Pelajaran akan menjalankan satu sistem ke atas perkara ini dan mengumumkan laporannya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, penyata dalam soalan Yang Berhormat ini tidak benar. Pendidikan komputer di sekolah-sekolah adalah melalui dua strategi, iaitu secara formal melalui mata pelajaran "Pengenalan Kepada Komputer" yang diajar dalam waktu sekolah dan secara bukan formal melalui kelab komputer sekolah sebagai kegiatan-kegiatan ko-kurikulum. Bagi tujuan pengajaran "Pengenalan Kepada Komputer" mikrokomputer dibekalkan oleh

Kementerian Pelajaran kepada sekolah melalui proses tender. Kerajaan tidak memberi sebarang peruntukan kewangan untuk pembelian komputer oleh kelab sekolah masing-masing. Dengan yang demikian, kelab bebas berusaha sendiri membeli sebarang model mikrokomputer mengikut kemampuan dan pilihan masing-masing. Walau bagaimanapun, penubuhan kelab komputer sekolah hendaklah dirujuk kepada Pendaftar Sekolah-sekolah, iaitu Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kampar.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat tahun lepas berapa buah mikrokomputer telah dibeli oleh Kementerian dan dibekalkan ke sekolah-sekolah mana.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta notis Yang Berhormat.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, mulai April, 1986 kita ada 20 buah sekolah di seluruh negara yang ada komputer yang diberikan oleh Kementerian. Tiap-tiap satu sekolah 5 buah komputer yang berbagai jenis.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Nama sekolah.

**Tuan Woon See Chin:** Nama-nama sekolah itu saya minta notis dan saya harap Ahli Yang Berhormat boleh membantu saya untuk menyiasat juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan, saya ingin betulkan ayat bahagian (b), perkataan "teknik" hendaklah diubah kepada perkataan "tektik". Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 17.

## HOSPITAL BARU TELOK INTAN

**17. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) kenapakah pembesaran Kompleks Hospital baru Telok Intan, Perak yang menelan belanja lebih daripada 100 juta ringgit itu dikaitkan dengan penduduk daerah Sabak Bernam, Selangor; dan

(b) adakah dengan mengaitkan nama Daerah Sabak Bernam ini sebagai satu helah atau tektik Kementerian Kesihatan bagi melambat-lambatkan pembinaan Hospital Daerah Sabak Bernam.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang telah memahami perkataan itu sebagai "tektik". Dalam pelaksanaan/pembinaan satu-satu projek kesihatan, ianya adalah dibina untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk tanpa dihadkan atau dibatasi oleh sempadan-sempadan daerah ataupun negeri. Oleh kerana Hospital Baru Telok Intan adalah hanya 30 kilometer dari pekan Sabak Bernam adalah wajar bahawa penduduk-penduduk di Sabak Bernam menggunakan perkhidmatan yang serba lengkap yang akan diberi dari Hospital Baru di Telok Intan itu sebagai langkah sementara sehingga Hospital Daerah Sabak Bernam dapat dibina. Perlaksanaan projek Hospital Daerah Sabak Bernam di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima adalah ditangguhkan

berdasarkan peruntukan baru yang tidak mengizinkan keutamaan diberi dalam melaksanakan projek itu.

Sebagai langkah sementara, penduduk-penduduk Daerah Sabak Bernam dapatlah menggunakan kemudahan yang akan diperolehi nanti dari Hospital Baru di Telok Intan apabila ianya disiapkan kelak menjelang bulan April tahun ini juga.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Adakah benar bahawa projek Hospital Telok Intan yang dirancang pada mulanya telah meningkat perbelanjaan lebih kurang \$20 juta oleh kerana pertambahan yang begitu tinggi sehingga Kementerian ini tidak dapat mengagihkan pula kewangannya untuk tempat lain.

Kedua, adakah kerana Daerah Sabak Bernam ini merupakan sebuah daerah luar bandar berbanding dengan Telok Intan merupakan pusat bandar, kerana itu ia diberi keutamaan daripada Sabak Bernam.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, memang hospital baru untuk Telok Intan telah pun dirancang lebih 20 tahun dulu dan keadaan hospital lama yang digunakan sekarang adalah dalam keadaan yang amat tidak memuaskan sebab itulah, hospital baru Telok Intan diberi keutamaan bukan untuk menjejaskan peluang Sabak Bernam, memakan belanja yang lebih dan adakah belanja yang lebih itu telah menjejaskan kemungkinan Sabak Bernam dapat hospital itu, saya tidak dapat menyatakan, tetapi apa yang dibina di Telok Intan itu adalah sebuah hospital seperti yang kita telah rancang dan kos yang telah meningkat itu adalah untuk memenuhi rancangan yang kita telah adakan, kos nampaknya telah meningkat dalam 20 tahun ini.

## KELUARGA YANG CACAT AKAL—GAMBARAN

**18. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada pihak Kementerian memiliki data dan gambaran mengenai masalah keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang cacat akal atau anggota. Apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan kapasiti Kerajaan dan masyarakat untuk menampung masalah keluarga yang kurang bernasib baik ini.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat mempunyai data mengenai orang cacat termasuk mereka yang cacat akal dan cacat anggota. Data ini diperolehi melalui sistem pendaftaran orang cacat yang dijalankan oleh Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah. Setakat ini ada seramai 33,111 orang cacat yang telah berdaftar di Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan bagi membantu orang cacat dan keluarga mereka. Pelbagai jenis perkhidmatan dan bantuan disediakan termasuklah latihan penempatan pekerjaan, bantuan geran pelancaran, bantuan membeli alat-alat ataupun anggota tiruan dan juga bantuan elauan pekerjaan. Segala bantuan dan kemudahan ini disediakan untuk membantu orang-orang cacat dan keluarga mereka di dalam proses pemulihan.

Di samping itu Kerajaan sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada pertubuhan-pertubuhan

kebijakan sukarela untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk menampung keperluan orang-orang cacat akal seperti mengadakan pusat-pusat harian dan sebagainya. Kerajaan memberi bantuan geran kepada pertubuhan kebajikan sukarela pada tiap-tiap tahun untuk membolehkan mereka bergerak dengan lebih lancar lagi dan menambah kemudahan serta perkhidmatan mereka dari semasa ke semasa.

Sebagai satu usaha di segi penglibatan ibu bapa dan masyarakat, Kerajaan telah memperkenalkan Program Pemulihan Dalam Komuniti. Melalui program ini Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi latihan dan kemahiran kepada ibu bapa dan keluarga untuk membolehkan mereka menjaga sendiri anak atau ahli keluarga yang cacat. Dengan cara begini sahajalah maka seorang kanak-kanak yang cacat itu boleh terus hidup bersama keluarganya dan tidak perlu lagi dimasukkan ke pusat-pusat latihan atau jagaan di tempat-tempat lain. Sebagai satu usaha untuk membolehkan seorang cacat yang terlatih yang didapati tidak sesuai bekerja di luar oleh sebab kecacatan mereka, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan juga beberapa pertubuhan sukarela menyediakan kemudahan bengkel terlindung untuk membolehkan mereka melibatkan diri di dalam pekerjaan yang sesuai bagi orang-orang cacat berkenaan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peminta-peminta sedekah yang terdiri daripada kanak-kanak cacat yang terdapat di sekitar ataupun di tempat-tempat tertentu sudah tergolong di dalam mereka yang sudah didaftarkan? Kalau tidak, apakah langkah untuk mendaftar mereka ini dan mengelakkan daripada kanak-kanak cacat ini meminta sedekah di tempat-tempat tertentu?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya peminta-peminta sedekah yang terdiri daripada kanak-kanak cacat belum lagi tergolong di dalam kumpulan yang telah didaftarkan kerana jika sekiranya kita telah mengesan ataupun mengenalpasti mereka yang berkenaan, biasanya ditempatkan di Rumah Kanak-kanak Cacat yang sedia ada. Oleh itu jika ada maklumat daripada Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, maka Kementerian Kebajikan Masyarakat sedia untuk mengambil mereka bagi ditempatkan di rumah-rumah yang kita ada.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah pihak Kementerian memberi bantuan kepada orang-orang yang cacat akal yang mana di kampung-kampung ramai mereka ini dikurung dan sebagainya oleh keluarga dan keluarga-keluarga mereka itu daripada golongan yang susah dan miskin? Adakah pihak Kementerian dapat memberi bantuan kepada mereka yang berkenaan ini?

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, jika sebuah keluarga yang miskin mempunyai anak-anak cacat akal dan lain-lainnya yang memerlukan bantuan daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat, maka Kementerian bersedia memberikan bantuan itu berdasarkan kepada pendapatan ataupun kedudukan kemiskinan keluarga yang berkenaan. Oleh itu bolehlah sesiapa yang mengetahui, melaporkannya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berhampiran.

#### TUDUHAN TERHADAP PENERBIT DRAMA RTM

**19. Tuan Adam bin Abdul Kadir** minta Menteri Penerangan menyatakan oleh kerana adanya

laporan bahawa seorang pegawai tinggi Kementerian Penerangan menuduh penerbit-penerbit drama RTM sebagai "bodoh", adakah tuduhan itu satu "fact" atau kebenaran. Apakah pula langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi penerbit-penerbit berkenaan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu penerbitan rancangannya. Tuduhan oleh seorang pegawai tinggi bahawa penerbit-penerbit RTM "bodoh" itu timbul daripada perbuatan separuh penerbit yang mengongkong pergerakan artis-artis sehingga persembahan mereka menjadi kaku dan tidak menarik. Tuduhan itu bukanlah dibuat dengan tujuan untuk memperkecil-kecilkan keupayaan atau ditujukan kepada semua penerbit. Ianya semata-mata bertujuan untuk mencabar penerbit-penerbit yang tidak mahu berusaha untuk meningkatkan mutu penerbitan-penerbitan mereka supaya lebih berusaha untuk menghasilkan penerbitan-penerbitan yang lebih bermutu dan baik untuk ditonton dan didengar umum. Walau macam manapun, salah faham yang dimaksudkan yang timbul itu telah pun diselesaikan dan penerbit-penerbit TV telah berjanji untuk memperbaiki mutu penerbitan masing-masing.

Langkah-langkah wajar juga telah pun diambil untuk meningkatkan daya kreativiti mereka dengan mengadakan kursus-kursus penerbitan di IPTAR dan di luar negeri di samping menyebarkan idea-idea baru dan menyusun semula penjadualan rencana TV.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana soalan saya tadi, perkataan "bodoh" itu dikeluarkan

oleh seorang pentadbir. Jadi dalam perkara ini, saya ingin tahu apakah langkah-langkah untuk memastikan bahawa golongan pentadbir tidak mencampur tangan dengan golongan profesional di dalam menjalankan kerja-kerja profesionalismenya di dalam RTM?

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahawa teguran "bodoh" ini bukanlah merupakan satu "fact" yang boleh dianggap serius tetapi ianya merupakan satu teguran daripada "boss" kepada anak buah umpamanya. Jadi oleh kerana perkara ini telah pun tersebar sama ada melalui akhbar ataupun lain-lain sumber, persefahaman telah pun diadakan di antara yang menyampaikan hujah-hujah dan orang yang ditujukan. Jadi dengan itu masalah seperti itu tidak lagi timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 7, 8 dan 20 hingga 89 adalah diberi di bawah ini).*

### SABAH FOREST INDUSTRIES SDN BHD

**3. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya sisa-sisa daripada kilang kertas di Sipitang Sabah (Sabah Paper & Pulp Industries Sdn Bhd, Sipitang) tidak mengalir ke Laut China Selatan dan menjejaskan penghidupan laut di kawasan tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Sebenarnya tiada kilang yang bernama Sabah Paper & Pulp Industries Sdn Bhd di Sipitang, tetapi

terdapatnya sebuah kilang yang bernama Sabah Forest Industries Sdn Bhd. Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Kilang Kertas Sabah Forest Industries Sdn Bhd telah dikehendaki menjalankan Penilaian Kesan-kesan Alam Sekitar supaya faktor-faktor yang boleh menjejaskan kualiti alam sekeliling dikenalpastikan dan selanjutnya langkah-langkah pembedahan dirancang. Penilaian ini telah dijalankan dan pihak kilang telah dikenakan langkah-langkah kawalan untuk menentukan tiada kesan-kesan serius akan berlaku kepada kualiti air di Teluk Brunei.
- (ii) Rekaan kemudahan-kemudahan pengeluaran kilang serta sistem kawalan pencemaran yang dicadangkan telah disemak dan didapati menurut cadangan Penilaian Kesan-kesan Alam Sekitar yang telah dijalankan. Kilang telah dikehendaki memasang sistem pengolahan yang moden dan berkesan selaras dengan teknologi yang wujud.
- (iii) Jabatan Alam Sekitar akan mengawasi kilang dari masa ke semasa untuk menentukan pengilang mematuhi kehendak undang-undang.
- (iv) Pihak kilang dikehendaki bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk menjalankan program pengawasan untuk mengawasi kualiti pelepasannya dan kualiti air di Teluk Brunei supaya penghidupan laut tidak terjejas.

## PENAGIH DADAH

7. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah penagih-penagih dadah yang menjalani pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan di seluruh negara sejak Pusat-pusat ini ditubuhkan. Butirkan mengikut pecahan bangsa dan agama;
- (b) daripada jumlah yang telah dipulihkan selama itu, berapa ramaikah yang telah dimasukkan semula ke Pusat ini bagi menjalani pemulihan; dan
- (c) apakah jenis-jenis kursus yang diberikan di Pusat-pusat Pemulihan ini bagi membolehkan mereka kembali ke pangkuan masyarakat dan hidup berdikari.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Bilangan penagih dadah yang telah menjalani pemulihan sejak tahun 1975 di seluruh negara sejak Pusat-pusat Pemulihan ditubuhkan adalah seramai 14,146 orang. Mengikut bangsa adalah seperti berikut:

Melayu ..	9,129 orang
Cina .. ..	3,545 orang
India .. ..	1,385 orang
Lain-lain ..	87 orang
Jumlah ..	<u>14,146 orang</u>

- (b) Dari jumlah yang menerima pemulihan, seramai 1,403 orang atau 12.6% telah kembali masuk semula ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah sama ada buat kali yang kedua atau ketiga ataupun keempat.
- (c) Konsep latihan yang dijalankan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah adalah "Tough and Rugged" yang mana ciri-ciri latihan adalah pembinaan fizikal

psikologikal dan sosial adalah dititikberatkan. Dari segi latihan fizikal atau latihan membangun semula kesihatan badan dan mental, mereka didedahkan kepada senaman dan kawad supaya mereka bertambah sihat. Tanpa badan dan otak yang sihat, latihan-latihan selanjutnya tidak akan dapat diikuti dengan baik.

Dari segi latihan Psikologikal pula, kerja-kerja rundingcara sama ada individu atau kelompok dijalankan untuk membincangkan masalah yang mereka hadapi. Di samping itu agama dan amal ibadat juga dimestikan untuk membina Rohaniah yang baik dan sihat.

Dari segi latihan sosial, kelas-kelas tatanegara dan perpaduan rakyat diadakan untuk membina kesedaran sivik dan tanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia yang sejati, bertanggungjawab dan menghormati Rukunegara. Di samping itu latihan vokasional seperti kimpalan, rotan, copper tooling, membaiki kereta, kerja-kerja binaan, pelihara ayam, itek, ikan, pertanian dan sebagainya. Ini semua bertujuan supaya pelatih-pelatih ini akan mendapat kemahiran untuk menampung masa hadapan mereka.

Aktiviti-aktiviti ini dijalankan dalam 4 fasa dan tiap-tiap pelatih dimestikan melalui ke empat-empat fasa sebelum mereka dibebaskan. Semasa dalam fasa 3 dan 4 mereka ini akan dipulihkan secara beransur-ansur untuk tujuan dibebaskan yang mana kebanyakan aktiviti-aktiviti ini dijalankan di luar Pusat. Ini adalah bertujuan supaya mereka secara tidak langsung didedahkan semula dengan keadaan di masyarakat untuk menghindarkan "cultural shock". Dengan yang demikian mereka dapat menyesuaikan diri untuk pulang ke pangkuan masyarakat dengan azam

yang baru, lebih bersemangat terhadap dirinya, keluarga dan masyarakat.

### PEMILIKAN SEKTOR KOPERAT—PENCAPAIAN

**8. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa setakat ini pencapaian pemilikan sektor koperat pada tahap 18% oleh Bumiputera, 51% oleh rakyat bukan Bumiputera dan 31% oleh pemodal luar membayangkan bahawa rakyat bukan Bumiputerah yang mendapat manfaat yang lebih dari DEB, apakah usaha yang diambil untuk membetulkan nisbah ini kepada sasaran iaitu 30:40:30; adakah ini dapat dicapai sebelum 1990 memandangkan kekayaan negara mungkin susah membesar sebelum 1990.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman):** Perangkaan sebenar mengikut dokumen RML mengenai pencapaian pemilikan sektor koperat sehingga 1985 ialah kira-kira 18 peratus oleh Bumiputera, 57 peratus oleh Rakyat Malaysia yang lain dan kira-kira 25 peratus oleh orang-orang Asing, bukannya 51 peratus oleh rakyat bukan Bumiputera dan 31 peratus oleh pemodal luar sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan sedar bahawa pencapaian ini masih menampakkan ketidakseimbangan, khususnya antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Bagaimanapun, kita juga harus ingat bahawa pencapaian Bumiputera di tahap kira-kira 18 peratus adalah satu pencapaian yang memuaskan, jika dibandingkan dengan kedudukannya sebelum DEB mula dilancarkan yang hanya 1 peratus sahaja. Prestasi tersebut juga menunjukkan bahawa pada keseluruhannya semua kaum telah

mendapat manfaat dari perkembangan sektor syarikat.

Kerajaan telah pun menyatakan hasrat untuk terus berusaha ke arah pencapaian matlamat 30:40:30. Bagaimanapun, jangkaan Kerajaan masa ini menunjukkan pencapaian sepenuhnya pada tahun 1990 tidak mungkin berhasil. Seperti Yang Berhormat sendiri akui, faktor terpenting yang menyebabkan hal ini ialah kesukaran-kesukaran ekonomi yang sedang dialami oleh negara sejak akhir-akhir ini. Dokumen RML telah meramalkan pencapaian Bumiputera akan hanya mencapai 22 peratus, Rakyat Malaysia yang lain 52 peratus dan kepentingan Asing 26 peratus. Usaha-usaha yang akan terus dijalankan menjelang tahun 1990 pada asasnya ditumpukan kepada aspek menggalakkan pertumbuhan syarikat dan pelaburan baru serta mengadakan suasana pelaburan yang sihat supaya matlamat perkongsian hakmilik di bawah DEB dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

## PEMBELI RUMAH

**20. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah berkesan yang diambil untuk melindungi kepentingan para pembeli rumah.

**50. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan berniat untuk meminda "Housing Developers (Control and Licensing) Regulations 1982" dan mengenakan kawalan yang ketat terhadap pemajuan perumahan supaya pemaju-pemaju tidak lari selepas pembeli-pembeli telah membuat bayaran berperingkat. Kalau tidak, nyatakan apakah sebab-sebabnya. Nyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian

Yang Berhormat untuk membantu pembeli-pembeli kalau pemaju-pemaju telah memberhentikan projek. Kalau belum nyatakan sebab-sebabnya.

**Dato' S. Subramaniam:** Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

Kementerian ini sedang mengkaji Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982 dengan tujuan mencadangkan pindaan-pindaan yang perlu dan sesuai bagi menjamin dan melindungi kepentingan para pembeli rumah.

Apabila cadangan-cadangan pindaan terhadap Akta tersebut siap disediakan kelak, ianya akan dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pembeli-pembeli apabila projek dihentikan adalah seperti berikut:

- (1) Mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberikan penerangan berhubung dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek.
- (2) Meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli-pembeli.
- (3) Membuat kajian kemungkinan ("feasibility study") ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan.

Sehingga 1hb Januari, 1987, pihak Kementerian bersama-sama Jawatankuasa Pembeli telah berjaya menyiapkan 11 projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara di mana 9 daripadanya telah pun mendapat Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan.

## SKIM PERKESO

**21. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan menyemak semula keseluruhan skim Perkeso dan menaikkan kadar bayaran berbagai faedah untuk ahli-ahli Perkeso oleh kerana kadar bayaran faedah sangat kecil berbanding dengan jumlah besar caruman yang diterima oleh Perkeso; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk menjadikan skim keselamatan sosial pekerja lebih komprehensif dan sama ada Perkeso akan menggunakan sebahagian hasil terkumpulnya untuk menggalakkan keselamatan dan kesihatan industri.

**Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):**

- (a) Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Rang Undang-undang Keselamatan Sosial pekerja (Pindaan) (DR. 1/87) yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 10hb Mac, 1987, pembayaran faedah di bawah Skim Bencana Kerja (Employment Injury Scheme) dan Skim Pencen Ilat (Invalidity Pension Scheme) kepada pekerja-pekerja dan tanggungan mereka, akan ditingkatkan. Bayaran mengikut kadar baru akan dikuatkuasakan pada tarikh kebelakangan, iaitu mulai 1hb Januari, 1986.
- (b) Semasa Rang Undang-undang tersebut dibahaskan di Dewan ini, persoalan yang sama juga telah dikemukakan dan ketika menggulung perbahasan, jawapan telah diberi bahawa Akta Keselamatan Sosial

Pekerja, 1969 telah pun dipinda sebanyak 3 (tiga) kali dengan tujuan untuk memperluaskan lagi skop skim-skim keselamatan sosial serta meningkatkan kadar bayaran faedah-faedah.

Salah satu daripada matlamat penting skim keselamatan sosial ialah untuk memupuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Langkah-langkah ke arah ini sentiasa diambil dan mulai tahun 1986 bantuan kewangan diberi kepada Pertubuhan-pertubuhan sukarela bagi menerbit dan mengedarkan Kit Pendidikan Pekerja mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pegawai-pegawai Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga sering memberi ceramah kepada pekerja-pekerja di perusahaan-perusahaan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Seterusnya bantuan kewangan dan sokongan berbentuk lain akan dipertimbangkan untuk Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara apabila ianya ditubuhkan.

## PERSIDANGAN EKONOMI KEBANGSAAN

**22. Dr V. David** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bertimbang memanggil sebuah Persidangan Ekonomik Kebangsaan untuk membincangkan krisis ekonomi kita dan mencari cara-cara mengatasi masalah-masalah yang berkenaan.

**Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman:** Kerajaan berpendapat bahawa adalah tidak perlu untuk mengadakan satu Persidangan Ekonomi Kebangsaan untuk membincangkan krisis ekonomi negara, memandangkan Kerajaan

telah pun mewujudkan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara pada bulan November, 1985 lalu, bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi yang wujud. Pelbagai langkah yang diperakukan oleh Jawatankuasa ini sedang dilaksanakan. Selain dari itu, beberapa perbincangan telah pun diadakan dengan mereka dari kalangan peniaga-peniaga, ahli-ahli bank, dan ahli-ahli cerdik pandai serta oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Bank Negara dan UPE.

### PINJAMAN MATAWANG ASING

**23. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai Sabah Forest Industries, sebuah perusahaan kepunyaan Kerajaan Sabah yang dijangka akan dapat mengeluarkan hasilnya tidak berapa lama lagi dan sepertimana dengan Sabah Gas Industries perusahaan ini juga memakan belanja yang begitu besar hingga pihak berkenaan terpaksa meminjam, setakat ini berapakah jumlah wang asing yang telah dipinjam untuk projek ini dan berapakah jumlah ini yang dijamin oleh Kerajaan Pusat, serta apakah jenis syarat yang dikenakan ke atas jaminan pinjaman ini. Apakah kemudahan kredit yang disediakan oleh Kerajaan Pusat bagi menampung keperluan kewangan perusahaan ini jika ianya dikehendaki.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Jumlah pinjaman dalam matawang asing yang telah diperolehi oleh Sabah Forest Industries adalah sebanyak \$747.7 juta. Kesemua pinjaman ini adalah dijamin oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak memberi sebarang jaminan atas pinjaman oleh Sabah Forest Industries dan Kerajaan Persekutuan juga tidak

menyediakan apa-apa kemudahan kredit bagi menampung keperluan kewangan projek ini.

### EKSPORT BUAH-BUAHAN TEMPATAN

**24. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah jenis-jenis buah-buahan tempatan yang paling banyak dieksportkan ke luar negeri bagi tahun-tahun 1985 dan 1986. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi menggalakkan para petani menanam lebih banyak buah-buahan jenis ini dan apakah galakan-galakan yang diberikan.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Malaysia mengeksport lebih daripada 13 jenis buah-buahan tempatan yang mengikut keutamaannya terdiri daripada durian, pisang, tembikai, papaya, nenas, manggis, rambutan, limau, mata kucing, mangga, langsung, cempedak dan jambu batu. Nilai eksport yang diperolehi sepanjang tahun 1985 ialah \$66.83 juta, manakala bagi bulan Januari—November 1986 nilai eksportnya berjumlah \$43.05 juta.

Buah-buahan Malaysia seperti pisang emas, belimbing, manggis, ciku dan jambu batu mempunyai potensi pasaran yang sangat luas di luar negeri. Oleh itu Kerajaan telah mengambil beberapa daya usaha bagi menggalakkan petani-petani dan pengusaha-pengusaha swasta supaya menanam lebih banyak buah-buahan secara komersial bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan juga eksport. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan termasuklah menggiat lagi kerja-kerja penyelidikan bagi menghasilkan variti buah-buahan bermutu dan berhasi tinggi serta membangun teknologi pengendalian yang sesuai bagi menjamin ketahanan serta mutu buah-buahan berkenaan.

Di samping itu usaha juga digiatkan bagi mengadakan lebih banyak kemudahan-kemudahan kredit daripada Institusi Kewangan Kerajaan dan juga swasta serta memperluaskan lagi pasaran di negara-negara pengimport terutamanya, di Hong Kong, Jepun, United Kingdom dan Netherlands. Bagi pengusaha-pengusaha komersial pula, Kerajaan telah menyediakan beberapa skim insentif yang menarik di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang melayakkan para pengusaha mendapat taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pertanian, galakan untuk penyelidikan dan pengembangan serta beberapa jenis elaun dan pengecualian cukai yang lain.

Untuk menggalakkan eksport buah-buahan secara segar dan segera Kerajaan telah mengadakan "specific commodity rate" (SCR) melalui Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Memandangkan SCR ke destinasi-destinasi tertentu kurang menarik, Kementerian Pertanian telah mencadangkan kadar baru yang lebih rendah. Kadar ini sedang dirundingkan dengan negara-negara destinasi eksport untuk mendapatkan persetujuan mereka.

### BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

**25. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat manakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk memperbaiki lagi taraf penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah bagi seluruh Malaysia.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sentiasa

berusaha untuk meningkatkan lagi taraf penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah bagi seluruh Malaysia. Berbagai langkah telah dan akan diambil untuk mencapai matlamat ini. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (1) Melancarkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang memberi penekanan terhadap keempat-empat kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis;
- (2) Menambah bilangan guru yang terlatih dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris;
- (3) Menggalakkan lebih banyak sekolah terlibat dengan Rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah;
- (4) Memberi kursus tambahan dalam bidang pengkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris kepada guru-guru;
- (5) Mengeluarkan Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa yang memuatkan antara lain pengkaedahan pengajaran Bahasa Inggeris mengikut satu-satu kemahiran tersebut;
- (6) Melakukan lawatan ke sekolah-sekolah untuk memberi bimbingan ikhtisas kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris;
- (7) Mengeluarkan program-program dan mendedahkan penggunaan bahan-bahan bantu mengajar serta memberi kaedah pengajaran melalui alat-alat bantu mengajar seperti radio, keset, televisyen serta juga video.

**PELAJARAN SEKOLAH  
LUAR BANDAR—PERUNTUKAN**

**26. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) setakat ini apakah peruntukan pelajaran kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan apakah kekesanan yang telah tercapai kepada pelajar-pelajar di luar bandar melalui KBSR;
- (b) apakah bentuk Ko-kurikulum yang sesuai dengan lunas-lunas Islam supaya penerapan nilai-nilai Islam dapat diwujudkan melalui Ko-kurikulum.

**Tuan Woon See Chin:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan bagi pelajaran rendah dalam tahun 1987 ialah \$178.6 juta dan bagi pelajaran menengah \$216.4 juta. Peruntukan-peruntukan tersebut tidak dipecahkan kepada bandar atau luar bandar. Walau bagaimanapun keutamaan akan diberi kepada sekolah-sekolah di luar bandar yang kurang kelengkapan tanpa mengeneipkan keperluan sekolah-sekolah di bandar yang masih mengalami kekurangan kemudahan berkenaan.

Kekesanan KBSR kepada pelajar-pelajar di luar bandar yang diperolehi daripada kajian, pada keseluruhannya adalah meningkat jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar yang mengikuti Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), baik dari segi prestasi akademik, mahupun dari segi perkembangan peribadi dan penghayatan agama.

- (b) Segala bentuk ko-kurikulum seperti pasukan pakaian seragam, kelab/persatuan yang bercorak hobi, rekreasi dan pengukuhan kepada mata-pelajaran, serta kegiatan sukan pada prinsipnya sesuai dengan lunas-lunas Islam. Usaha-usaha sedang dibuat untuk memperbaiki sedikit sebanyak aspek-aspek pelaksanaan yang didapati kurang sesuai.

**PERUNTUKAN  
JALAN YANG DILULUSKAN**

**27. Tuan Mohamed bin Jamrah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah jalan-jalan berikut akan dimulakan pembinaannya:

- (a) Jalan Parit Berembang Panjang (dari batu 25 hingga pekan Tanah Lalang/Sg. Dulang) memandangkan projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat;
- (b) Jalan Sg. Tiang—Hutan Melintang yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga; dan
- (c) Mengapakah Kerajaan lebih mementingkan pembinaan lebuh raya besar sedangkan jalan-jalan di perdesaan masih daif dan menyedihkan; malah pelaksanaan projek-projek jalan ini ditangguh-tangguh perlaksanaannya walaupun ia telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat dengan alasan yang "stereotype" iaitu Kerajaan tidak cukup wang, tetapi projek-projek infrastruktur yang memakan belanja yang besar-besar terus juga dilaksanakan.

**Dato' S. Samy Vellu:**

- (a) Projek ini telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia

Keempat tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan. Walau bagaimanapun projek ini telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelima di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

- (b) Jalan ini adalah Jalan Batu Lombong (Mining Ballast) dan telah pun siap dilaksanakan pada 23-5-1983. Jalan ini adalah salah satu jalan yang telah disenaraikan untuk dinaikkan taraf jalan tar dalam Rancangan Malaysia Kelima.
- (c) Kerajaan sememangnya ingin menyediakan kemudahan jalan raya di seluruh Malaysia, sama ada di luar bandar ataupun di bandar. Oleh kerana peruntukan tidak mencukupi untuk membina semua jalan-jalan itu secara serentak, Kerajaan terpaksa melaksanakannya mengikut keutamaan. Dalam hal ini ada jalan-jalan luar bandar yang ditangguh dan ada yang dibina. Begitu juga pembinaan lebuh raya ada yang ditangguh dan ada yang dibina. Kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak bagi pembinaan lebuh raya kerana ia menghubungi bandar-bandar besar yang lebih sibuk dengan lalu lintas itu.

#### SENJATA—PENYERAHAN KEMBALI

**28. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa senjata-senjata api yang dimiliki oleh orang-orang kampung atas pemberian RELA di kawasan Semporna telah ditarik balik oleh pihak polis Daerah sedangkan senjata-senjata api tersebut sangat diperlukan

oleh mereka untuk mempertahankan diri, keluarga dan harta benda mereka seterusnya mempertahankan keselamatan kampung daripada ancaman-ancaman lanun. Jika ya, adakah Menteri mempertimbangkan permohonan mereka untuk mendapatkan permohonan mereka kembali senjata-senjata api tersebut.

**Dato' Megat Junit bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyerahan kembali senjata api yang telah ditarik balik di kawasan Semporna adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah "Perintah Sabah & Sarawak (Kuasa-kuasa Pemerintah) (Senapang Patah) 1977". Oleh itu tidaklah wajar bagi saya menjawab soalan tersebut.

#### BEKALAN AIR

**29. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Kementerian Kerjaraya dapat memastikan bahawa setiap kampung di Semenanjung Malaysia ini akan mendapat bekalan air paip yang secukupnya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Adalah menjadi dasar Kerajaan bagi mengadakan bekalan air paip bersih yang secukupnya kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2015.

#### PROJEK PEMBINAAN JALAN RAYA SANDAKAN/TELUPID

**30. Tuan Michael Asang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau mengetahui bahawa kontraktor Korea Daewoo Construction Sdn Bhd yang mendapat tawaran untuk melaksanakan kerja pembinaan lebuh raya Sandakan/Telupid banyak mengambil pekerja-pekerja asing daripada orang-orang

tempatan. Apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kementerian supaya lebih banyak orang-orang tempatan dapat diterima bekerja dengan kontraktor tersebut.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan mengetahui keadaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jalan raya Sandakan/Telupid adalah merupakan projek pinjaman Bank Dunia. Di dalam kontrak tersebut tidak menghalang kontraktor yang mendapat tawaran, untuk membawa pekerja-pekerja mereka sendiri. Walau bagaimanapun Kerajaan telah meminta kontraktor tersebut mengambil lebih ramai pekerja-pekerja tempatan dan Kerajaan sedang mengawasi perkara ini.

### PERTUBUHAN PELANCONGAN SEDUNIA

**31. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Malaysia membuat keputusan untuk menarik diri dari Persatuan Pelancongan Seluruh Dunia (WTO, World Tourism Organisation), akan membahayakan usahanya dalam perkembangannya dalam segi perusahaan kepada hasil pendapatan yang lumayan. Dan adakah ini bermakna bahawa negara kita akan menamatkan kerjasama kita dengan negara jiran kita dalam segi penggalakkan perusahaan pelancongan.

**Dato Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Malaysia untuk menarik diri dari Pertubuhan Pelancongan Sedunia (World Tourism Organisation) adalah berasaskan

kepada pertimbangan bahawa faedah-faedah yang diperolehi dari pertubuhan tersebut tidaklah sepadan dengan yuran keahliannya yang tinggi. Segala implikasi berkaitan dengan tindakan sedemikian telah pun dikaji dengan sedalam-dalamnya dan Kerajaan adalah berpuashati bahawa langkah tersebut tidak akan menjejaskan usahanya ke arah meningkatkan lagi perkembangan industri pelancongan negara. Tambahan pula Malaysia bukanlah merupakan negara pertama yang telah menarik diri dari menjadi ahli WTO. Negara Singapura telah pun berbuat demikian sejak tahun 1977.

Langkah Kerajaan ini, tidaklah bermakna bahawa Malaysia akan menamatkan usaha kerjasamanya di bidang pelancongan dengan negara-negara jiran yang lain. Ini adalah kerana Malaysia, menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan, adalah masih menumpukan perhatian dan bergerak cergas sebagai ahli kepada Persatuan Perjalan Asia Pasifik (PATA) yang didapati merupakan satu badan yang "effective" di mana Kerajaan dan sektor swasta dapat menyertai aktiviti-aktivitinya secara lebih berkesan. Di samping itu, sebagai salah sebuah negara anggota Asean, Malaysia telah dan akan terus bekerjasama dengan negara-negara anggota yang lain menerusi Jawatankuasa Kecil Asean Mengenai Pelancongan.

Dari segi hubungan dua hala pula, Malaysia bekerjasama rapat dengan Singapura di bidang pelancongan. Bagi tujuan ini satu Majlis Pelancongan Bersama Malaysia—Singapura telah pun ditubuhkan sejak tahun 1982 dengan tujuan untuk meningkatkan lagi bilangan kemasukan pelancong-pelancong asing ke kedua-dua buah negara. Malaysia juga adalah sedang berusaha untuk menjalinkan perhubungan erat dengan Hong Kong dan Negeri Thai

Khusus untuk tujuan meningkatkan lagi arus kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini.

### KEMATIAN BAYI

**32. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kematian bayi dan kanak-kanak mengikut kaum bagi tahun 1985 dan 1986 yang umurnya di antara dari tahun yang dilahirkan sehingga umur 12 tahun, mengikut buku daftar kematian di Balai-balai Polis.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Jumlah kematian bayi yang berumur sehingga 12 tahun bagi tahun-tahun 1984 dan 1985 mengikut kaum adalah seperti berikut:

<i>Kaum</i>	<i>1984</i>	<i>1985</i>
Melayu .. ..	5,158	5,339
Cina .. ..	998	954
India .. ..	607	564
Lain-lain .. ..	30	39

Perangkaan bagi tahun 1986 masih belum disiapkan lagi.

### BANTUAN KEWANGAN LUAR NEGERI—PERTUBUHAN

**33. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pertubuhan atau persatuan-persatuan yang mendapat bantuan kewangan luar negeri. Apakah Kerajaan bersedia memberi kebenaran untuk persatuan dan pertubuhan tadi bebas mendapat bantuan sesuka hati mereka daripada kuasa-kuasa luar. Kalau tidak apakah langkah mencegahnya dan apakah tindakan sewajarnya telah diambil oleh Kerajaan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa memanglah ada pertubuhan tempatan yang menerima

bantuan kewangan dari badan-badan atau pertubuhan luar negeri. Tidaklah menjadi kesalahan di bawah Akta Pertubuhan 1966 Pindaan 1983 kepada mana-mana pertubuhan tempatan menerima bantuan kewangan dari badan luar negeri sekiranya sumber kewangan itu digunakan untuk kepentingan dan faedah bagi pertubuhan ini sendiri. Walau bagaimanapun pertubuhan berdaftar yang menerima bantuan kewangan adalah dikehendaki di bawah Peruntukan Akta di atas memberitahu Pendaftar Pertubuhan jika menerima bantuan kewangan dari luar negeri. Kerajaan tidak teragak-agak akan mengambil tindakan tegas mengikut saluran undang-undang jika didapati mana-mana pertubuhan yang berdaftar yang menerima bantuan kewangan luar negeri dan menjalankan pula aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang dan boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam negara.

### ANAK SYARIKAT MARA— KEMAJUAN

**34. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tentang prestasi perjalanan, kemajuan serta kerugian yang dialami oleh anak-anak Syarikat milik MARA mulai 1987. Apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan dan dirancangkan bagi memastikan kesemua anak-anak syarikat MARA mengalami keuntungannya.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Prestasi perjalanan, kemajuan serta keuntungan anak-anak syarikat milik MARA dalam jangka masa 2 bulan (mulai 1987) tidak dapat memberi gambaran yang tepat. Bagaimanapun untuk makluman, prestasi perjalanan dan kemajuannya

sepanjang tahun 1986 adalah amat membanggakan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya.

Sehingga bulan November 1986, sebanyak 35 buah anak syarikat telah mencatatkan keuntungan kumpulan sebanyak \$11,032,000 berbanding dengan kerugian yang dialami sebanyak \$2,225,000 pada tahun 1985.

Di antara langkah-langkah yang sedang dilaksana dan dirancang bagi memastikan anak-anak syarikat MARA mengalami keuntungan ialah:

- (a) Mengadakan kawalan serta penjimatan kos keluaran bagi meningkatkan keuntungan.
- (b) Meningkatkan mutu keluaran/perkhidmatan bagi membolehkan anak-anak syarikat bersaing dengan lebih jaya.
- (c) Memperluas dan mempelbagaikan keluaran/pasaran.
- (d) Perkembangan anak-anak syarikat adalah dihadkan kepada bidang-bidang atau aktiviti yang mempunyai potensi ke arah keuntungan dan kejayaan.

### HOSPITAL KAPIT—PAKAR BEDAH

**35. Tuan James Jimbun Punga** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya mengetahui bahawa Hospital Kapit adalah satu-satunya hospital untuk tiga buah daerah luar bandar iaitu Song, Kapit dan Belaga dalam Bahagian Ketujuh, Sarawak dan tidak mempunyai pakar pembedahan di mana segala kes kecemasan pembedahan yang serius dar. teruk akan dirujuk ke Hospital di Sibü atau Kuching.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan):** Kementerian Kesihatan sedar bahawa

Hospital Kapit adalah untuk tiga daerah luar bandar di Bahagian Ketujuh Sarawak dan tidak mempunyai pakar bedah pada ketika ini.

Bagaimanapun hospital ini mempunyai empat orang doktor yang berpengalaman yang telah diberikan latihan untuk menjalankan pembedahan yang biasa.

Dengan latihan ini kebanyakan kes-kes pembedahan yang dijalankan ialah pembedahan appendix, pembedahan caesarian, kecederaan-kecederaan, patah tulang dan lain-lain. Bagi kes-kes kecemasan yang memerlukan pembedahan yang rumit seperti kecederaan kepala (head injury) adalah dirujuk ke Hospital Daerah Sibü dengan menggunakan helikopter oleh Perkhidmatan Doktor Udara (Flying Doctor Service) yang memakan masa selama 1 jam. Bagi kes-kes yang lain dihantar dengan menggunakan bot express yang memakan masa 3½ jam. Jarang sekali kes-kes dirujuk ke Hospital Besar Kuching.

Peraturan ini adalah memuaskan dalam keadaan sekarang.

### HOSPITAL SIBU—BILIK PEMBEDAHAN

**36. Tuan Tiew Sung Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebabnya Bilik Pembedahan baru di Hospital Sibü yang telah dilengkapkan selama dua tahun belum dapat digunakan setakat ini.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Kelewatan bagi penggunaan Bilik Pembedahan baru di Hospital Sibü yang telah dilengkapkan adalah kerana disebabkan kerja-kerja di sub-station elektrik yang berada di kawasan hospital tersebut masih belum diselesaikan oleh Lembaga Letrik Sarawak. Difahamkan kerja-kerja tersebut dijangka selesai pada pertengahan tahun ini.

### PENGANGGUR—BAYARAN PAMPASAN

**37. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh menyatakan jumlah bilangan pengangguran sehingga 31-12-1986. Berapakah daripada mereka dibayar pampasan setelah dibuang kerja dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan keadaan ini supaya pekerja-pekerja diambil balik kelak. Harap juga nyatakan setakat mana kedatangan pelarian dan pendatang haram ke dalam negara ini menjejaskan situasi pengangguran dan apakah tindakan yang diambil.

**Dato' Lee Kim Sai:** Jumlah penganggur di negara ini tidak dapat dinyatakan dengan tepat kerana bukan semua penganggur mendaftarkan diri dengan rangkaian Pejabat Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada rekod pendaftaran dengan pejabat-pejabat Tenaga Rakyat itu, bilangan penganggur sehingga 31-12-1986 ialah seramai 82,810 orang. Daripada angka ini seramai 18,736 orang terdiri dari mereka yang telah dibuang kerja di antara bulan November 1985 hingga 31-12-1986.

Bagi tempoh yang sama, mengikut rekod yang disimpan seramai 18,736 orang yang telah diberhentikan kerja telah dibayar faedah pampasan sebanyak \$47,269,689.79.

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan sedang melaksanakan berbagai langkah ke arah memulihkan ekonomi negara dan saya tidak ingin menyenaraikan sekali lagi bagi menjimatkan masa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kemasukan buruh-buruh asing dan pelarian sedikit sebanyak menjejaskan keadaan pengangguran tetapi buruh-buruh

asing ini biasanya digajikan di tempat kerja yang tidak begitu diminati oleh pekerja-pekerja tempatan khususnya di sektor perladangan yang terletak di kawasan pedalaman dan terpencil. Beralih kepada tindakan Kerajaan bagi membenteras aktiviti-aktiviti mereka, sukalah saya menyatakan bahawa tindakan biasa mengikut Undang-undang akan diambil ke atas semua pihak yang terlibat.

### SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN—MENAMBAHKAN

**38. Tuan Muhamad Yusof bin Abdul Latif** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah pihaknya bercadang hendak menambahkan bilangan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di seluruh Negara memandangkan permohonan-permohonan untuk masuk ke sekolah tersebut begitu ramai; dan
- (b) adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengadakan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang berasingan di antara pelajar lelaki dan perempuan selaras dengan penerapan nilai-nilai Islam.

**Tuan Woon See Chin:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang bercadang untuk menambahkan bilangan Sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh negara, jika kedudukan kewangan mengizinkan.
- (b) Kementerian Pelajaran akan mengekalkan keadaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama sekarang di mana sebahagian terbesarnya adalah bercampur di antara lelaki dan perempuan,

manakala ada beberapa buah yang dikhususkan bagi perempuan.

### PERSIDANGAN OIC

**39. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menjelaskan:

- (a) apakah keputusan yang telah di ambil di Persidangan OIC baru-baru ini; dan
- (b) apakah sikap negara-negara OIC terhadap perang IRAN-IRAQ dan MUJAHIDDIN Afghanistan.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim):** Sidang Kemuncak OIC baru-baru ini telah menitik beratkan 3 aspek kerjasama di kalangan negara-negara anggota iaitu politik, ekonomi dan kebudayaan di mana sikap yang positif telah diambil untuk meningkatkan lagi kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara anggota. Dalam bidang kerjasama politik, Sidang Kemuncak telah menitik beratkan serta mengambil pendirian yang tegas terhadap masalah-masalah Palestin, Afghanistan, Apartheid dan Namibia, Antartika dan Dadah.

Dalam bidang kerjasama ekonomi dan kebudayaan, Sidang Kemuncak telah meluluskan langkah-langkah yang telah dirancang oleh Persidangan Menteri Luar OIC untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang-bidang ini termasuk penubuhan Skim Pembiayaan Jangka Panjang Perdagangan Luar dan langkah-langkah untuk meningkatkan kemajuan dan perkembangan dalam bidang kebudayaan, sains dan teknologi bagi faedah-faedah negara-negara anggota.

Sidang Kemuncak memandang berat peperangan Iran—Iraq yang berterusan dan juga perjuangan

Mujahiddin Afghanistan yang telah membawa akibat buruk kepada perpaduan serta telah mengorbankan banyak nyawa dan harta benda umat Islam. Oleh sebab inilah negara-negara anggota inginkan supaya OIC meneruskan usaha-usahanya untuk mencari penyelesaian damai terhadap kedua-dua masalah ini. OIC juga menyokong langkah-langkah yang telah diambil oleh Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencari perdamaian di Afghanistan.

### SUKATAN PELAJARAN

**40. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapakah Kementerian menyediakan sukatan pelajaran hanya menebuk sahaja di peringkat rendah dan menengah serta tinggi, sedangkan asas pendidikan yang penting adalah bermula daripada “Nursery dan Tadika”. Bolehkah Kerajaan memandang serius dan mengambil inisiatif segera mengatasi perkara ini supaya tidaklah lahir insan yang berpengetahuan tetapi sentiasa mengharapkan belas ehsan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran adalah peka dan teliti di dalam usaha menyemak, menggubal dan melaksanakan kurikulum, sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi. Matlamat untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bersatupadu, bertanggungjawab dan berkebolehan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara, adalah diambil perhatian berat oleh Kementerian Pelajaran. Ciri-ciri ini dapat dilihat dengan jelas melalui buku “Garis Panduan Kurikulum Pra Sekolah Malaysia” yang disebarkan kepada semua agensi Kerajaan dan swasta pada tahun 1985 dan

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang diperkenalkan dalam tahun 1982, dan juga Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1988.

Jadi, soal Sukatan Pelajaran yang disediakan secara menebuk sahaja tidaklah timbul dan Kementerian yakin kurikulum-kurikulum tersebut akan dapat melahirkan insan yang benar-benar bertanggungjawab.

### KERJA SEMENTARA KEPADA GRADUAN

**41. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd Hassan** minta Perdana Menteri apakah nasib graduan-graduan yang mendapat kerja sementara di pejabat-pejabat Kerajaan selepas bulan Jun, 1987:

- (a) apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil selepas itu;
- (b) adakah ladang-ladang yang besar-besar dipunyai oleh swasta mengambil graduan-graduan untuk menjadi pengurusan-pengurusan dan pegawai-pegawai pertadbiran; dan
- (c) setakat manakah penganggur-penganggur dibuang kerja oleh kilang-kilang swasta diambil balik, setelah ekonomi pulih sedikit.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Untuk menjawab soalan yang pertama, inginlah saya menyatakan bahawa Kerajaan belum memutuskan lagi sama ada hendak memberhentikan ataupun tidak siswazah-siswazah yang telah dilantik bekerja secara sambilan di Jabatan-jabatan Kerajaan selepas

bulan Jun 1987 nanti. Perkara ini masih lagi di dalam pertimbangan Kerajaan.

Mengenai soalan yang kedua, saya ingin menyatakan juga bahawa memang ada ladang-ladang yang besar yang dipunyai oleh swasta mengambil graduan-graduan untuk menjadi pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai pentadbirannya.

Mengenai soalan yang ketiga, ingin saya memaklumkan bahawa setakat ini tidak ada rekod-rekod yang disimpan khusus bagi golongan bekas pekerja kilang-kilang swasta yang telah dibuang kerja kemudian diambil semula untuk bekerja sama ada di kilang yang berkenaan atau pun di kilang-kilang lain.

### NELAYAN—PENCEROBOHAN PUKAT TUNDA ASING

**42. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar mengenai dengan masalah yang dihadapi oleh kaum nelayan di Lawas, Bahagian Kelima, Sarawak di mana nelayan asing datang ke kawasan perairan Lawas dengan pukat tunda sehingga kaum nelayan kita tidak dapat menangkap ikan lagi di kawasan perairan tersebut. Jika ya, apakah langkah positif pada masa jangka pendek dan jangka masa panjang yang diambil oleh Kerajaan supaya masalah ini dapat diatasi. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen menjual ikan kepada kaum nelayan di Lawas terutama dari Sundar, Awat-awat, Punang dan Kuala Lawas supaya mereka dapat menjual ikan ke Brunei Darussalam memandangkan syarat ini diperlukan oleh negara jiran tersebut.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Adalah dimaklumkan bahawa pihak kita memang menyedari masalah yang dihadapi oleh kaum nelayan di Lawas, bahagian Kelima, Sarawak mengenai

pencerobohan pukat tunda asing. Masalah nelayan Teluk Brunei ini telah dibincangkan dengan mendalam dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 11hb Disember 1986 di Limbang, Bahagian Kelima Sarawak. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Negeri, dihadiri oleh Ketua Pengarah Perikanan, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Ketua-ketua nelayan dari Sundar, Awat-Awat, Lawas dan Limbang. Keputusan telah diambil di mana langkah jangkamasa pendek ialah menempatkan sebuah kapal peronda bot laju daripada Miri di pengkalan baru Labuan bagi mengawasi dan mengelakkan kemasukan penceroboh-penceroboh ke kawasan berkenaan.

Kapal peronda laju ini akan dibantu oleh Polis Merin daripada Limbang. Untuk jangkamasa panjang pula Jabatan Perikanan akan merangka satu strategi penguatkuasaan dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti TLDM, Polis Merin dan Unit Udara Polis. Selain daripada itu, satu dasar pengurusan dan perlaksanaannya akan disediakan untuk Kawasan Teluk Brunei termasuklah pengawasan daripada negeri Sabah, Sarawak dan Labuan dan mungkin satu persetujuan dengan negeri Brunei Darussalam akan didapatkan.

Bagi nelayan-nelayan di Lawas Sundar dan Awat-Awat, Sarawak lesen untuk menjual ikan adalah tidak diperlukan oleh kerana tempat-tempat tersebut belum lagi diisytiharkan oleh LKIM sebagai pusat jualborong ikan.

Walau bagaimanapun, memandangkan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Brunei Darussalam, LKIM bersedia merundingkan dengan pihak kerajaan Brunei dan bersedia membantu nelayan menjual ikan ke Brunei seperti yang diperlukan oleh negara jiran tersebut.

## SAMUN/ROMPAK DI JALAN RAYA

**43. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa seringkali berlakunya rompakan di jalan-jalan raya dan ladang-ladang khasnya di kawasan Sandakan/Lahad Datu/Kunak/Semporna, Sabah. Jika ya, bolehkah rondaan dan pemeriksaan polis selalu dilakukan demi untuk keselamatan penduduk di kawasan tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sedar tentang kejadian-kejadian samun/rompak yang dimaksudkan oleh beliau itu. Dari sejumlah 147 kejadian samun/rompak yang berlaku di Sabah pada tahun 1985 sebanyak 7(4.8%) berlaku di kawasan-kawasan tersebut. Sementara dari sejumlah 207 kejadian samun/rompak yang berlaku pada tahun 1986, sebanyak 20 (9.6%) berlaku di kawasan-kawasan tersebut. Walau bagaimanapun kejadian-kejadian tersebut tidak membimbangkan dan keadaan adalah terkawal.

Sukalah saya tegaskan bahawa Kerajaan telah pun mengarah pihak polis supaya mengambil langkah-langkah pencegahan yang positif. Di atas arahan itu, Ketua-ketua Polis Daerah yang terlibat telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Mengadakan 1 unit khas ronda berkereta di sekitar Batu 30, Sandakan;
- (ii) Menempatkan 1 unit Khas di Ladang Sandau, Jalan Lahad Datu/Sandakan mulai 1-9-1986 untuk meronda kawasan ladang-ladang sekitar;
- (iii) Mengadakan ronda berkereta di jalan raya dan ladang di kawasan Semporna;

- (iv) Mengadakan sekatan jalan raya secara spontan di kawasan-kawasan ladang;
- (v) Membuat pemeriksaan dari masa ke masa di ladang-ladang;
- (vi) Membuat eskort gaji;
- (vii) Membuat serang hendap di kawasan-kawasan ladang yang strategik selepas hari gaji kerana terdapat kejadian rompak selepas hari gaji;
- (viii) Mengumpul maklumat/risikan serta mengenalpasti penjenayah.

#### SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN

**44. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Luar Negeri menyatakan Jawatankuasa Selatan-Selatan yang telah bermesyuarat beberapa tahun yang lepas telah pun berlalu. Adakah Jawatankuasa mendapat sokongan negara anggota dan berapakah negeri yang menyertai, bilakah akan menjalankan tugas Jawatankuasa ini, serta sejauh manakah keputusan dan kesan negara-negara di Asia.

**Dato' Rais Yatim:** Saya ingin memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa idea Penubuhan Suruhanjaya Selatan adalah hasil daripada Persidangan Selatan-selatan Kedua yang telah berlangsung di Kuala Lumpur daripada 5 hingga 8hb Mei 1986 dan dihadiri oleh ahli-ahli cerdek pandai dan negarawan dunia ketiga. Persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penubuhan Suruhanjaya ini juga telah mendapat sokongan dengan sebulat suara dalam Persidangan

Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Harare pada bulan September 1986 yang lalu. Dr Julius K. Nyerere, bekas Presiden Republik Bersekutu Tanzania telah bersetuju. untuk menjadi Pengerusi Suruhanjaya Selatan-selatan tersebut. Sejak menerima perlantikan beliau telah mengadakan lawatan ke beberapa negeri di Africa, Latin America dan Asia untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin negara-negara yang dilawatinya. Beliau juga bercadang untuk melawat Malaysia dan negara-negara Asean yang lain untuk mengadakan perbincangan dan bertukar pendapat mengenai isu-isu Selatan-selatan. Daripada perbincangan dan lawatan tersebut beliau adalah dijangka akan membuat pengumuman mengenai perlantikan ahli-ahli Suruhanjaya dan penubuhan pejabat Urusetia tidak lama lagi.

Suruhanjaya Selatan dijangkakan akan mengambil masa selama 2½ hingga 3 tahun untuk menyiapkan kerja-kerjanya. Keseluruhan kerja-kerja Suruhanjaya Selatan tersebut akan melibatkan perbelanjaan sebanyak 7 juta US Dollars. Dr. Julius K. Nyerere telah menjelaskan bahawa sebelum Suruhanjaya Selatan dapat berfungsi sepenuhnya beliau memerlukan sekarang-kurangnya 3 juta US Dollars. Pada masa ini sebanyak 2 juta US Dollars dikumpulkan dan dijangkakan lebih banyak lagi negara-negara membangun akan memberi sumbangan kewangan mereka tidak lama lagi.

#### PENGANGGUR—JUMLAH

**45. Tuan Shing Yin Shean** minta Menteri Buruh menyatakan berapakah jumlah penganggur setakat ini di seluruh negara dan mengapakah negara kita mempunyai teramai pekerja buruh dari kaum pendatang haram Indonesia. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk

mencegah dan mengurangkan sumbangan kerja dari kaum pendatang haram.

**Dato' Lee Kim Sai:** Jumlah pengangguran negara dianggarkan akan meningkat daripada 448,600 pada tahun 1985 kepada 684,200 pada tahun 1990 disebabkan pertumbuhan ekonomi yang lembab. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buruh-buruh pendatang haram masuk ke negara kita secara haram dan oleh itu tiada apa-apa rekod yang disimpan oleh Kerajaan dapat mengesahkan bilangan mereka. Walau bagaimanapun, untuk mencegah kemasukan dan mengurangkan bilangan pendatang haram ini, Kerajaan sedang mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) mengesan, menahan, mendakwa dan menghantar mereka pulang ke negara asal masing-masing;
- (ii) mempergiatkan rondaan dan kawalan di perairan sekitaran Malaysia bagi mencegah kemasukan mereka;
- (iii) mengadakan lawatan menjejut di tempat-tempat pekerjaan dan tapak pembinaan bagi mengesan pekerja-pekerja pendatang haram dan mengambil tindakan undang-undang ke atas majikan-majikan yang menggajikan mereka; dan
- (iv) menggalakkan pekerja-pekerja tempatan supaya bekerja di sektor perladangan yang masih mengalami kekurangan tenaga kerja.

#### PEMBINAAN PERUMAHAN

**46. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah cadangan membantu dan mengurangkan beban

pemilik tanah dan pemaju perumahan membolehkan mereka mengusaha dan memajukan tanah pada masa kemelesetan ekonomi negara; sudahkah Kementerian mencadangkan kepada pihak berkenaan supaya (a) mengurangkan kadar pembayaran "premium" tanah, (b) mempercepatkan proses menukarkan kegunaan tanah ("land conversion"), (c) menggubal peruntukan "Rent Control Act" menyenangkan pemilik rumah lama membangun semula tapak mereka, (d) mengurangkan harga tariff dan cukai barangan pembinaan sebagai simen, ubin dan alat-alat pasangan rumah.

#### **Dato' S. Subramaniam:**

- (a) Tujuan Kerajaan adalah untuk membantu pemaju-pemaju supaya dapat menyediakan beberapa banyak rumah kos rendah dalam jangka masa yang singkat. Untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan sentiasa berikhtiar untuk membantu tuan punya-tuan punya tanah dan pemaju-pemaju perumahan dalam usaha-usaha mereka untuk memajukan tanah untuk pembinaan perumahan. Beberapa tindakan telah diambil untuk membantu mereka.

Mengenai pengurangan "premium" tanah, Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan untuk menyemak semula kadar-kadar "premium" yang dikenakan, terutama bagi tanah untuk pembangunan perumahan di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah.

- (b) Berhubung dengan tempoh memproses penukaran kegunaan tanah pula, Kerajaan-kerajaan Negeri telah diarah oleh Majlis Tanah Negara

supaya semua permohonan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam masa tiga bulan dari tarikh permohonan di terima.

Untuk menjamin kelicinan pelaksanaan Program Perumahan Kos Rendah, Kerajaan-kerajaan Negeri juga diminta supaya menubuhkan Pasukan Petugas untuk mempercepatkan proses kelulusan tanah, termasuk penukaran penggunaan tanah.

- (c) Kementerian ini sememangnya sedang mengambil tindakan mengkaji semula peruntukan undang-undang di bawah Akta Kawalan Sewa 1966. Dalam usaha ini, Kementerian juga akan mengambilkira perkara-perkara yang boleh memudah dan menggalakkan pemilik rumah lama membangunkan tapak mereka.

Kajian Akta ini melibatkan kepentingan pemilik-pemilik rumah dan penyewa-penyewa yang telah tinggal berpuluh-puluh tahun lamanya di bangunan berkenaan serta sub-tenan-sub-tenan. Kementerian sedang meneliti secara terperinci akan implikasinya dari segala aspek. Apa-apa keputusan yang dibuat perlu mengambilkira kepentingan semua pihak yang terlibat secara selaras dengan dasar pembangunan negara secara keseluruhannya, supaya kesan-kesan buruk daripada pelaksanaan penggubalan undang-undang berkenaan dapat dihindarkan.

- (d) Berkaitan dengan usaha untuk mengurangkan harga bahan-bahan pembinaan, melalui Jawatankuasa-jawatankuasa mengenai Program Khas

Perumahan Kos Rendah, masalah harga bahan-bahan seperti simen dan keluli sering dibangkitkan. Mengenai harga simen, Pemasaran Simen Negara Sdn Bhd yang memasarkan simen keluaran "Cement Industries of Malaysia Sdn Bhd", "Kedah Cement Sdn Bhd.", "Perak Hanjoong Sdn Bhd" telah bersetuju menurunkan harga dari \$180.00 se tonne ke \$94.00 se tonne, dengan izin, "ex-factory" untuk pembekalan secara pukal ("bulk supply"). Untuk penjualan secara beg, bayaran tambahan sebanyak \$8.00 se tonne dikenakan. Walau bagaimanapun, simen yang dibekalkan dengan harga yang dikurangkan ini hendaklah digunakan hanya untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah.

## CUKAI IMPORT KERETA MEWAH

**47. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah cukai import yang dikutip dari kereta-kereta mewah yang diimport ke negara ini tiap-tiap tahun mulai 1980 hingga Disember 1986.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Adalah sukar untuk menentukan sama ada sebuah kereta itu mewah atau bukan mewah kerana ukuran mewah ini berbeza-beza mengikut keadaan seseorang pengguna. Dengan hal yang demikian maka tidaklah diperjeniskan di bawah Akta Kastam 1967 kereta-kereta yang diimport itu mengikut jenis mewah atau bukan mewah. Dari itu cukai import yang dipungut pun tidaklah diperjeniskan mengikut kereta mewah atau bukan mewah. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, duti import yang dipungut atas kereta penumpang

baru (i.e. tidak termasuk kereta terpakai) bagi tahun 1980 hingga 1986 ialah seperti berikut:

Tahun	Duti Import yang dipungut	Jumlah kereta siap baru yang diimport
1980	\$37.5 juta	5,923 unit
1981	\$51.7 juta	7,053 unit
1982	\$68.3 juta	8,561 unit
1983	\$54.8 juta	3,599 unit
1984	\$65.3 juta	4,089 unit
1985	\$57.1 juta	2,528 unit
1986	\$10.3 juta	297 unit

### PERNAS DAN SYARIKAT MILIK

48. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan Syarikat-syarikat Subsidiari dan Syarikat-syarikat Bersekutu semenjak tiga tahun kebelakangan ini; dan
- (b) syarikat-syarikat berkenaan yang mengalami kerugian. Apakah kesan jangka pendek dan jangka panjangnya kepada PERNAS. Dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah kerugiannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** PERNAS dan syarikat-syarikat miliknya (syarikat subsidiari dan bersekutu) sepertimana juga syarikat-syarikat perniagaan yang lain di negara ini tidak terlepas dari kesan kemelesetan ekonomi yang telah menjejaskan hampir kesemua bidang perniagaannya yang utama, khususnya dalam bidang perhotelan dan hartanah, perkapalan, dagangan am, perladangan dan perlombongan.

Dari segi kewangan, Kumpulan PERNAS telah mengalami kejatuhan keuntungan tahunan bagi tempoh 3 tahun kewangan yang lalu.

Keuntungan sebelum cukai secara disatukan (consolidated) merosot dari \$61.0 juta dalam tahun kewangan 1983/84 kepada \$52.0 juta dalam tahun 1984/85. Dalam tahun kewangan 1985/86 pula, Kumpulan PERNAS telah mengalami kerugian sebelum cukai sebanyak \$0.14 juta. Prestasi Kumpulan PERNAS bagi tahun kewangan 1986/87 yang berakhir pada 31 Januari 1987 belum siap diaudit.

Berdasarkan laporan tahunan PERNAS yang terakhir bagi tahun kewangan 1985/86, terdapat sebanyak:

- (i) 29 buah syarikat milikan mengalami kerugian dalam tahun semasa. Sebanyak 23 buah dari syarikat berkenaan sememangnya telah mempunyai kerugian terkumpul akibat kerugian dalam tahun-tahun sebelumnya.
- (ii) 27 buah syarikat mengalami keuntungan dalam tahun semasa. Ini termasuklah 5 buah syarikat yang sebelumnya rugi tetapi telah mula membuat untung dalam tahun 1985/86.
- (iii) 41 buah syarikat yang kedudukan untung/rugi mereka tidak boleh diambilkira kerana syarikat-syarikat tersebut sama ada telah berhenti operasi, dalam proses penutupan, belum pernah beroperasi ataupun baru mula beroperasi.

Antara kesan-kesan terhadap PERNAS akibat dari kerugian syarikat-syarikat milikannya ialah:

- (i) Hasil dividen berkurang dan ini menjejaskan aliran wang tunai PERNAS dan keupayaannya membayar balik pinjaman.
- (ii) Ekuiti Pemegang Saham berkurang menyebabkan kedudukan "gearing" nya meningkat.

- (iii) Nilai harta bersih merosot oleh kerana nilai pelaburan dalam syarikat-syarikat yang rugi mengalami rosotnilai.
- (iv) Pekerja-pekerja akan hilang pekerjaan jika syarikat berkenaan terpaksa dikesilkan saiz operasinya ataupun ditutup.
- (v) Perkembangan kegiatan PERNAS menjadi lebih perlahan. Projek-projek yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya.

Dalam usaha untuk memperbaiki prestasi syarikat-syarikat milikan, PERNAS kini sedang mengambil langkah-langkah tertentu seperti penyusunan semula aktiviti (Consolidating) dan kakitangan bagi meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kos operasi. Syarikat-syarikat yang didapati tidak menguntungkan akan ditutup ataupun dijual.

## DIISYTIHARKAN BANKRAP

**49. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan jumlah orang telah diisytiharkan bankrap dalam tempoh 1-1-1984 hingga 31-12-86, dan jumlah amaun wang yang terlibat serta bagaimanakah ia mengancam ekonomi Malaysia, juga nyatakan sama ada kegagalan mereka kebanyakannya diakibatkan oleh dasar politik Kerajaan dan apakah langkah-langkah akan diambil demi memperbaiki keadaan ini.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh dari 1hb Januari 1984 hingga 31hb Disember, 1986, seramai 5,671 orang telah diisytiharkan

bankrap. Jumlah amaun wang yang terlibat pula ialah \$212.62 juta.

Saya ingin jelaskan di sini, kegagalan mereka bukanlah disebabkan oleh dasar politik Kerajaan tetapi sebaliknya kegagalan itu timbul akibat dari perbuatan mereka sendiri. Keadaan kemelesetan ekonomi yang berpanjangan telah juga menyebabkan kegiatan-kegiatan ekonomi menjadi lembab dan ini telah menjejaskan keupayaan mereka yang berhutang, memenuhi liabiliti mereka kepada pihak pemberi pinjaman. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kes kebangkrupan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di negara-negara maju seperti Jepun.

*(Soalan No. 50. Sila lihat jawapan No. 20)*

## KOPERASI MENERIMA DEPOSIT—NAMA PEMINJAM

**51. Tuan P. Patto** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan senarai nama-nama orang yang telah ditangkap oleh polis bersabit dengan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan mereka bersangkutan dengan 24 buah koperasi yang menerima deposit yang kini dibekukan; nama-nama mereka yang sudahpun dihadapkan di mahkamah serta hukuman yang telah dijatuhkan ke atas setiap orang yang telah disabit kesalahan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya tidak bercadang untuk mengumumkan di Dewan yang mulia ini nama-nama mereka yang ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah serta hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka berkaitan dengan kes ini kerana saya rasa laporan-laporan dari media massa tempatan yang telah menyiarkannya secara lengkap sudah memadai.

## PERJUANGAN PLO

**52. Tuan P. Patto** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pendirian Kerajaan terhadap perjuangan PLO untuk sebuah negara bagi rakyat Palestine dan sebab-sebab pendirian itu;
- (b) pendirian Kerajaan terhadap perjuangan MNLF untuk sebuah negara bagi rakyat Moro dan sebab-sebab pendirian;
- (c) pendirian Kerajaan terhadap perjuangan golongan rakyat Patani di negeri Thai untuk sebuah negara bagi mereka dan sebab-sebab pendirian itu; dan
- (d) pendirian Kerajaan terhadap perjuangan rakyat Tamil di Sri Lanka untuk sebuah negara Tamil, iaitu Tamileelam, dan sebab-sebab pendirian itu.

### Dato' Rais Yatim:

- (a) Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia menyokong penuh perjuangan PLO untuk mendapat kembali hak dan kedaulatan rakyat dan negara Palestin yang telah dirampas oleh regim Israel. Sikap Malaysia ini adalah berasaskan prinsip hak asasi manusia serta kedaulatan bangsa dan negara sepertimana termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Hak mutlak rakyat Palestin yang telah terusir untuk pulang ke tanah air mereka telah diakui oleh Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1948. Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah memberi pengakuan kepada rakyat Palestin untuk menentukan hak mereka sebagaimana termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bersatu juga telah mengakui hak rakyat Palestin serta hak untuk mendapatkan kemerdekaan di dalam sebuah negara yang berdaulat mengikut resolusi Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu No. 3236 pada 29 November 1974.

Sebagai bangsa yang terusir, keinginan rakyat Palestin untuk pulang ke tanah airnya, telah dipupuk dan diperjuangkan di arena antarabangsa, juga di dalam wilayah Palestin sendiri oleh wakilnya yang sah iaitu Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO). PLO adalah pertubuhan yang diiktiraf oleh lebih dua pertiga negara-negara di dunia. Bangsa-bangsa Bersatu juga telah mengiktiraf perwakilan PLO dan semenjak tahun 1974 PLO telah diterima sebagai pemerhati di perhimpunan agong dan disemua badan-badan khusus Bangsa-Bangsa Bersatu. PLO juga mengambil bahagian dalam semua persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.

Berasaskan kepada hakikat inilah Malaysia bukan sahaja menyokong perjuangan PLO bahkan telah mengambil peranan yang aktif di Bangsa-Bangsa Bersatu dan selaras dengan ini juga Malaysia telah sanggup menjadi tuan rumah kepada Persidangan Bangsa Bersatu mengenai masalah Palestin bagi kawasan Asia dan Pasifik di Kuala Lumpur pada tahun 1983 yang lalu.

Dalam rangka ini Malaysia juga mengalu-alukan perisytiharaan Persidangan Menteri-menteri EEC pada 23 Februari 1987 terhadap sokongan supaya diadakan satu persidangan antarabangsa bagi keamanan di Timor Tengah (Asia Barat). Keputusan ini adalah selaras dengan pendirian EEC mengikut

Perisytiharaan Venice 1980 yang mengiktiraf hak mutlak rakyat Palestin serta perisytiharaan Geneva 1983 yang menganjurkan supaya diadakan satu persidangan antarabangsa yang telah diluluskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Malaysia juga menganggap keputusan tersebut sebagai satu keputusan yang membina ke arah usaha untuk mencapai perdamaian di Asia Barat.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kaum Islam di Filipina merupakan masalah dalam negeri Filipina, dan terpulanglah kepada Kerajaan Filipina sendiri menyelesaikan masalah tersebut.

Bagaimanapun Malaysia mengalu-alukan usaha Kerajaan Puan Aquino mengadakan rundingan dengan kaum Islam dengan tujuan untuk menubuhkan satu Kerajaan autonomi bagi orang-orang Islam di Selatan Filipina.

Malaysia menyokong usaha murni Kerajaan Filipina ke arah ini sejajar dengan pendirian sokongan Malaysia dan lain-lain negara Pertubuhan Persidangan Islam dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan dan ekonomi kaum Islam minoriti di seluruh dunia.

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang juga dianggotai oleh Malaysia, di Sidang Kemuncak di Kuwait Januari 1987, telah menyatakan harapan agar rundingan autonomi di antara MNLF dan Pemerintahan Filipina akan membawa kejayaan.

- (c) Begitu juga pendirian Malaysia dengan perjuangan oleh golongan rakyat Patani di

Negeri Thai. Masalah ini merupakan hal ehwal dalam negeri Thai. Selaras dengan pendirian pertubuhan Persidangan Islam, Malaysia sentiasa menyokong usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pertubuhan itu dalam memperbaiki taraf kehidupan dan ekonomi Islam minoriti di seluruh dunia.

- (d) Malaysia menganggap masalah rakyat Tamil di Sri Lanka sebagai satu masalah dalam negeri. Kita sepatutnya menjauhkan diri dari sebarang tindakan yang mungkin boleh disalahanggap sebagai cuba campurtangan dalam hal ehwal negara lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia menyokong sebarang penyelesaian secara aman terhadap masalah tersebut.

### HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

**53. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman dan nisbah bayaran balik pada setakat ini termasuk pinjaman luar dan pinjaman dalam negeri dan berapa nisbahnya dijangka akan menjejaskan kestabilan ekonomi negara kita.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1986 ialah \$74,040 juta. Ini meliputi hutang luar negeri sejumlah \$28,342 juta dan hutang dalam negeri sejumlah \$45,698 juta.

Nisbah bayaran balik hutang luar Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986 ialah 7.8%. Kerajaan sentiasa mengawal jumlah dan tahap pinjaman supaya beban tidak menjejaskan ekonomi negara. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat pihak IMF telah menentukan bahawa nisbah tidak melebihi 20% perlu dikekalkan supaya kestabilan ekonomi negara tidak terjejas akibat dari keperluan membiayai tanggungan hutang.

### PERSIDANGAN EKONOMI KEBANGSAAN

**54. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengadakan satu Persidangan Ekonomi Kebangsaan untuk pakar-pakar dalam bidang ekonomi, perdagangan, bank dan perindustrian untuk mengkaji situasi ekonomi yang lembab dalam negara ini dan cadangan langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ekonomi untuk memastikan kejayaan perindustrian.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Kerajaan fikir tidaklah perlu untuk mengadakan Persidangan Ekonomi Kebangsaan untuk mengkaji situasi ekonomi negara. Kerajaan sentiasa mengambil pertimbangan pandangan-pandangan pakar-pakar ekonomi negara melalui rundingan-rundingan, mesyuarat-mesyuarat dan dialog-dialog yang diadakan antara sektor swasta dan sektor awam. Perundingan secara ini bukan sahaja diadakan atas permintaan pihak swasta tetapi juga diadakan atas permintaan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang dibuat oleh pakar-pakar ekonomi sektor swasta diberi pertimbangan di dalam penggubalan dasar-dasar fizikal dan kewangan negara. Oleh kerana itulah dapat kita lihat perubahan-perubahan tertentu dibuat kepada dasar-dasar yang sedia ada bagi tujuan menyesuaikan dengan keadaan ekonomi yang berubah bagi mengukuhkan ekonomi negara.

### PROTON SAGA— MODIFIKASI/UJIAN

**55. Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa untuk menjadikan Proton Saga laris dijual di Amerika modifikasi patut dibuat untuk menyesuaikan kereta itu dengan kehendak-kehendak pengguna di sana dan juga iklim yang berlainan dan sama ada modifikasi yang sedemikian akan memastikan Proton Saga dapat bersaing dengan kereta yang lain.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Kerajaan memang sedar bahawa Proton Saga memerlukan berbagai-bagai modifikasi dan ujian sebelum ianya dipasarkan di Amerika Syarikat. Di samping usaha-usaha untuk memenuhi keperluan keselamatan, pengguna dan iklim di negara tersebut PROTON juga sedang berusaha untuk menurunkan kos pengeluaran kereta Proton Saga bagi memastikan harga kereta tersebut boleh bersaing dengan kereta kelas yang sama di pasaran dunia, termasuk usaha untuk mendapatkan komponen CKD dari negara-negara lain dan sebagai lagi.

### LEBUHRAYA SEREMBAN— AIR HITAM

**56. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerjaraya menyatakan tarikh yang dijangka Lebuhraya Seremban—Air Hitam akan siap dibina juga sama ada kerja pembinaan Lebuhraya Air Hitam—Senai akan bermula memandangkan bertambahnya kemalangan akibat kesesakan jalan raya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Lebuhraya Seremban ke Air Hitam akan dibuka kepada lalulintas berperingkat-peringkat. Peringkat pertama, adalah bahagian Lebuhraya Seremban—Air Keroh yang dijangka akan dibuka

kepada lalulintas pada bulan Jun 1987, manakala Lebuhraya Air Keroh—Pagoh dijangka akan dibuka pada awal tahun 1988. Bahagian Lebuhraya dari Pagoh ke Senai akan dibina di dalam program penswastaaan yang dijangka akan dijalankan tidak lama lagi.

#### **MENTERI PERUSAHAAN AWAM— KENYATAAN**

**57. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dakwaan yang dibuat oleh Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, bahawa terdapat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang mencerca dan mencaci Kerajaan berasas; jika ya, adakah Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri berkenaan telah dikenalpasti; jika ya, sila namakan mereka.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam telah membuat kenyataan itu di dalam ucapan-ucapan beliau berdasarkan kepada maklumbalas yang diterimanya daripada ahli-ahli parti di peringkat cawangan dan bahagian yang telah mengadu bahawa ada beberapa penjawat dalam pentadbiran telah membuat beberapa kritik yang tidak berasas terhadap pucuk pimpinan Parti. Beliau tidak menamakan individu-individu yang terlibat kerana beliau beranggapan bahawa pihak yang berkenaan mengetahui perbuatan diri mereka sendiri dan diharap mereka tidak terus menerus membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan melulu lagi.

#### **ORDINAN WAKAF HINDU**

**58. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Ordinan Wakaf Hindu 1906 (Hindu Endowment Ordinance

1906) adalah satu undang-undang yang kuno yang masih berkuatkuasa di Negeri Pulau Pinang.

- (b) sama ada beliau sedar bahawa Ordinan tersebut yang membenarkan penubuhan satu badan bagi mentadbir wakaf Hindu dan Kuil-kuil adalah bertentangan dengan Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan kepada semua agama-agama mentadbir hal ehwal agamanya sendiri.
- (c) jika benar atau sebaliknya, adakah Perdana Menteri akan mengambilkira memansuhkan Ordinan tersebut dan membubarkan Lembaga tersebut dan membenarkan kaum-kaum Hindu di Pulau Pinang mentadbir kuil-kuil yang sekarang ini ditadbir oleh Lembaga tersebut.

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):**

- (a) Kerajaan sedar bahawa Hindu Endowment Board Ordinance, 1906 berkuatkuasa mengurus wakaf-wakaf di Negeri Pulau Pinang.
- (b) Kerajaan juga sedar bahawa Hindu Endowment Board Ordinance 1906 memberi kuasa di bawah Seksyen 3 (1) untuk menubuhkan sebuah Lembaga untuk mengurus, mentadbir dan menyelia wakaf-wakaf di Negeri Pulau Pinang. Peranan, fungsi tersebut tidak mempunyai kuasa untuk mentadbir, menyelia, mengarah atau menghadkan sesuatu hal ehwal bersabit dengan Agama Hindu di Negeri Pulau Pinang. Peranan, fungsi dan aktiviti Lembaga hanya adalah menjadi sebagai Pemegang Amanah dan penjaga harta benda wakaf yang diberi

atau akan diberi untuk bantuan sebuah kuil, makam, sekolah dan sebagainya. Maka, fungsi dan aktiviti Lembaga tidak bertentangan dengan kebebasan beragama seperti dijaminan di bawah Article 11 Perlembagaan Persekutuan.

- (c) Memandangkan fungsi yang terperinci Lembaga sebagai Pemegang Amanah dan penjaga kepada harta benda yang diletak di bawahnya, soal pemansuhan Ordinance tersebut tidaklah timbul.

### PERJANJIAN MENANGKAP IKAN

**59. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah cadangan yang telah dibuat untuk menangkap ikan secara usahasama di Zon Eksklusif (ZEE) dengan negara Thai dan sama ada telah dapat diwujudkan sekarang ini.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Kementerian Pertanian Malaysia telah memulakan perundingan mengenai perjanjian usahasama menangkap ikan dua hala dengan Kerajaan Thailand dan pada ketika ini dua perundingan telah pun diadakan. Kerajaan Thailand dikehendaki memberi jawapan terhadap deraf perjanjian yang telah dikemukakan itu sehingga hari ini Kementerian masih belum menerima apa-apa jawapan supaya perundingan ketiga diadakan.

### PERANG IRAN-IRAQ

**60. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tidak lama dahulu Malaysia telah pun dilantik sebagai orang tengah dalam pertikaian antara Iraq dan Iran dan saya ingin tahu apakah hasilnya sekarang ini.

**Dato' Rais Yatim:** Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Malaysia tidak pernah dilantik secara persendirian sebagai orang tengah dalam usaha OIC untuk mencari perdamaian perang Iran dan Iraq. Peranan Malaysia hanyalah sebagai anggota Jawatankuasa Damai Islam sahaja. Oleh sebab itu masalah melapurkan perkembangan usaha-usaha Malaysia sebagaimana yang dipersoalkan itu adalah tidak timbul.

### LAWATAN RAKYAT MALAYSIA KE CHINA—KEBENARAN

**61. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tujuan Kerajaan untuk menahan dan enggan membaharui pasport-pasport rakyat Malaysia yang telah melawat negara China tanpa kebenaran dan sejak bilakah Kerajaan mengambil langkah ini dan jumlah pasport dalam kategori ini yang ditahan setakat ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Semenjak tahun 1961, Kerajaan melaksanakan satu dasar yang menetapkan bahawa seseorang warganegara Malaysia hanya boleh melawat Republik Rakyat China (RRC) setelah ia mendapat kelulusan khas terlebih dahulu dari Kementerian Dalam Negeri. Oleh itu seseorang warganegara Malaysia yang melawat RRC tanpa kebenaran khas dari Kementerian Dalam Negeri adalah melanggar dasar tersebut. Perbuatan itu mengakibatkan pasport mereka ditarik balik dan mereka tidak akan diberikan kemudahan memiliki pasport Malaysia selama satu tempoh tidak melebihi 5 tahun.

Dari tahun 1983 hingga 28 Februari, 1987, sebanyak 384 buah pasport Malaysia telah ditahan atas sebab pemegang-pemegang pasport-pasport itu telah melawat RRC tanpa kebenaran khas dari Kementerian Dalam Negeri.

## PERJANJIAN UDARA MALAYSIA/ SINGAPURA

**62. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian/Kerajaan mencadang mengkaji semula Perjanjian Penerbangan antara MAS dan SIA dan apakah implikasinya bagi jangka panjang sekiranya perjanjian itu dibatalkan.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Pada masa ini Kementerian Pengangkutan sedang pun mengkaji implikasi-implikasi berkaitan dengan cadangan untuk mengkaji semula Perjanjian Udara Malaysia/Singapura.

Saya tidak dapat memberi maklumat yang lebih terperinci pada masa sekarang oleh kerana kajian tersebut masih dijalankan.

## SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIK

**63. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan dalam peringkat pembangunan negara sekarang di mana penyelidikan dan pembangunan dalam semua bidang adalah dianggap amat penting, maka adakah pihak Kerajaan sanggup memperuntukkan syarat perkhidmatan yang sewajarnya kepada mereka yang dilatih dan mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam penyelidikan di berbagai agensi Kerajaan dan tidak meletakkan mereka lebih rendah daripada kumpulan pentadbir dan diplomatik dalam Kerajaan.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidikan yang berkuatkuasa tidak boleh dikatakan lebih rendah dari Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD). Walaupun Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik diletak atas skil gaji A20 dengan gaji

permulaan \$1000 sebulan berbanding dengan Skim Perkhidmatan PTD atas skil gaji A19 dengan gaji permulaan \$1,060 sebulan, taraf kedua-dua Skim perkhidmatan ini adalah sama kerana dari segi mata gaji maksima, ianya tidak berbeza iaitu \$2,340. Perbezaan gaji permulaan ini lebih kerana Skim Perkhidmatan PTD mensyaratkan satu tahun latihan pra perkhidmatan yang tidak terdapat di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik.

Menyedari penting dan perlunya kelayakan akademik yang lebih tinggi bagi menjamin kecemerlangan hasil penyelidikan yang dibuat oleh Pegawai-pegawai Penyelidikan, Kerajaan telah memperuntukkan pemberian gaji permulaan yang lebih tinggi kepada mereka yang berkelayakan di peringkat Ijazah lanjutan. Dalam hubungan ini Pegawai penyelidik yang berkelayakan Ijazah Sarjana diberi gaji permulaan \$1,300 sebulan manakala mereka yang berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph. D) pula, \$2,450 sebulan. Dalam perkhidmatan sektor awam, hanya Pegawai Penyelidik dan Pensyarah Universiti sahaja diberi keistimewaan menerima gaji permulaan yang lebih tinggi bagi mereka yang mempunyai Ijazah Lanjutan. Di samping itu Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik juga membolehkan calon-calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang penyelidikan selama 5 tahun dilantik terus ke jawatan Pegawai Penyelidik Tingkatan Kanan A11 dengan gaji permulaan sebanyak \$2,095 sebulan dan bagi mereka yang mempunyai 7 tahun pengalaman dilantik terus ke jawatan Pegawai Penyelidikan Tingkatan Tertinggi "G" A10 dengan gaji permulaan \$2,650 sebulan. Semua keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai penyelidikan itu tidak terdapat di bawah Skim Perkhidmatan PTD atau lain-lain skim perkhidmatan Pegawai Tadbir.

## INDUSTRI HARAM

**64. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memandangkan kepada dasar yang begitu positif yang telah dikemukakan kepada Negara kita untuk menggalakkan industri-industri, apakah sebab pihak berkuasa dalam Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri masih begitu enggan untuk membenarkan industri haram dalam negeri-negeri tersebut dan jika tidak boleh dipindahkan kawasan-kawasan tertentu dengan pemberian tanah dengan harga yang patut kepada industri-industri kecil tersebut. Adakah Menteri sedar, ini adalah satu langkah yang positif untuk menyelesaikan masalah kemerosotan ekonomi negara kita.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil kira beberapa faktor seperti lokasi kawasan-kawasan yang berkenaan dan implikasi yang akan timbul sekiranya industri-industri ini dibina. Kerajaan-kerajaan Negeri ada menyediakan tapak yang boleh dipohon oleh mereka yang memerlukannya bagi tujuan industri. Bagi kawasan yang di luar zon perindustrian permohonan untuk menukar kegunaan tanah milik untuk tujuan tersebut akan dipertimbangkan jika tidak terdapat sebarang implikasi terhadap alam sekitar.

Amalan Kementerian Wilayah Persekutuan terhadap industri-industri haram di Wilayah Persekutuan setakat ini ialah tidak menggalakan wujudnya industri haram di kawasan yang sedia ada kerana ianya menimbulkan ancaman-ancaman kepada keselamatan dan kesihatan penduduk. Pindahan kilang-kilang haram ini walau bagaimanapun akan dilaksanakan secara berperingkat ke kawasan yang terancam dan lebih selamat kepada penduduk-penduduk di sekitarnya.

## PEKERJA LADANG/ PEMBINAAN

**65. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada kekurangan pekerja-pekerja di sektor perladangan dan pembinaan dan beberapa ribu pekerja-pekerja haram, apakah sebabnya Kerajaan tidak membenarkan kedatangan pekerja-pekerja baru dari Negara India dan China sepertimana yang telah diamalkan pada masa yang lalu oleh penjajah-penjajah kita. Pekerja-pekerja dari kedua-dua Negara tersebut telah berkhidmat kepada negara kita dengan ikhlas, jujur dan amanah tanpa meningkat kadar jenayah dalam negara kita dan bolehkah Menteri menjelaskan sebab amalan yang dahulu itu tidak boleh dilanjutkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan tidak menghalang pengambilan pekerja-pekerja dari mana-mana negara asing dengan syarat tidak ada warganegara Malaysia yang bersedia untuk bekerja dalam bidang-bidang pekerjaan atau di tempat-tempat tertentu. Kerajaan telah pun membenarkan pekerja-pekerja asing dari pelbagai negara termasuk India, Bangladesh, Thailand, Indonesia, Korea, Jepun, Singapura dan Filipina. Oleh kerana negara-negara Indonesia, Thailand, Filipina dan Singapura adalah berjiran dengan Malaysia, maka bilangan pekerja dari negara-negara itu adalah lebih ramai daripada rakyat dari negara-negara lain.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan kepada keadaan sekarang ini, pihak Kerajaan tidak menggalakkan kemasukan pekerja-pekerja asing kecuali mereka yang benar-benar diperlukan untuk menjamin kegiatan perindustrian di negara ini tidak terjejas oleh ketiadaan orang-orang tempatan yang bersedia bekerja di tempat-tempat tertentu.

Kementerian Dalam Negeri tidak membenarkan warganegara Republik Rakyat China bekerja di Malaysia kerana Kerajaan Malaysia hanya mempunyai hubungan Kerajaan ke Kerajaan dengan negara itu dan bukan di peringkat rakyat ke rakyat.

#### **JABATAN TELEKOM— PENSWASTAAN**

**66. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) program dan dorongan utama yang dicadangkan oleh Kementerian beliau yang mana telah dilaksanakan semenjak ia menjadi perusahaan swasta pada 1hb Januari, 1987;
- (b) kebaikannya dalam masa panjang kepada Kerajaan dan rakyat; dan
- (c) sama ada aduan dan ketidakpuasan pekerja-pekerja di Jabatan tersebut telah diselesaikan. Kalau tidak, kenapa.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie Anak Irok):**

- (a) Saya tidak faham soalan ini kerana ianya tidak jelas cuma dari tarikh 1hb Januari, 1987 yang disebutkan saya menganggap soalan ini bermaksud penswastaaan Jabatan Telekom Malaysia. Jika ini benar maka saya ingin menyatakan bahawa adalah menjadi harapan Kerajaan agar Jabatan Telekom Malaysia yang sekarang di kenali sebagai Syarikat Telekom Malaysia akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.
- (b) Penswastaaan Jabatan Telekom Malaysia telah dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan di samping

meninggikan kecekapan dan mutu perkhidmatan telekomunikasi negara; dan

- (c) Segala aduan dan masalah yang ditimbulkan oleh pekerja-pekerja Jabatan Telekom Malaysia sebelum ianya diswastakan telah pun diselesaikan sebelum 1hb Januari, 1987.

#### **KERJASAMA BIDANG PELAJARAN DENGAN INDONESIA**

**67. Dato' Mohamed bin Rahmat** minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil lawatan Yang Berhormat Menteri ke Indonesia baru-baru ini dalam menjalin hubungan kebudayaan dan kerjasama yang erat di bidang pelajaran dan pendidikan di antara Indonesia dan Malaysia. Apakah perkara-perkara yang telah dibincangkan dan sejauh mana pula keputusan-keputusan yang telah dicapai dapat dijayakan.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Pelajaran ke Republik Indonesia pada bulan Disember yang lalu, saya telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia mengenai kerjasama di antara kedua-dua buah negara dalam bidang pelajaran dan kebudayaan. Hasil perbincangan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pihak Kerajaan Indonesia bersetuju menerima 100 orang pelajar Malaysia setiap tahun dalam jangka masa 5 tahun untuk mengikut pengajian di Institut-institut Pengajian Tinggi di Indonesia.
- (ii) Kedua belah pihak bersetuju mengembangkan program pengajian di peringkat ijazah lanjutan di antara pusat-pusat pengajian tinggi di kedua-dua buah negara.

- (iii) Pihak Malaysia dan Indonesia bersetuju mempertingkat lagi kunjungan mahasiswa dan pensyarah antara kedua-dua negara.
- (iv) Bersetuju mengkaji kemungkinan menghantar guru-guru sains dari Malaysia ke Indonesia dan guru-guru bahasa dan sastera dari Indonesia ke Malaysia.
- (v) Mengkaji kemungkinan memberikan kursus tambahan kepada kelulusan Universiti Nasional di Malaysia bagi membolehkan ijazah-ijazah berkenaan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- (vi) Kedua pihak bersetuju pertukaran buku antara satu sama lain.
- (vii) Mengenai kerjasama dalam bidang kebudayaan, pihak Malaysia dan Indonesia menyedari bahawa pengkajian kebudayaan dan sejarah perlu dipertingkatkan lagi. Bagi tujuan ini, kedua-dua pihak bercadang untuk mengadakan pertemuan dan pertukaran cendekiawan serta tokoh-tokoh budaya secara teratur.

#### **PRESTASI EKONOMI**

**68. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan keadaan prestasi ekonomi semasa dan anjuran kedudukan ekonomi bagi tahun ini dan berikutan memandangkan terdapatnya akhir-akhir ini kenaikan harga-harga barangan eksport serta juga kenaikan harga-harga di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE).

**Tuan Loke Yuen Yow:** Soalan ini adalah lebih kurang sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan telah saya jawab di dalam Dewan ini semalam (18-3-1987).

#### **SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PEK HWA, TAMPOI**

**69. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa tanah yang patut diperuntukan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pek Hwa, Tampoi, tiba-tiba ditukar dan diberi kepada sekolah lain sedangkan bangunan-bangunan di sekolah tersebut hampir siap dibina dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membetulkan keadaan ini.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tapak tersebut telah pun diambil balik untuk projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Tampoi I. Projek Sekolah Kebangsaan Tampoi I ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga lagi dan pembinaan hanya dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima, kerana kekurangan peruntukan pada waktu itu.

Kementerian ini sedang berusaha untuk mendapatkan satu tapak bagi SRJK (C) Pek Hwa. Buat masa ini pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Johor sedang berusaha untuk mengenalpasti tapak yang sesuai bagi SRJK (C) Pek Hwa.

#### **SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KANGKAR BARU, YONG PENG**

**70. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak berkenaan dalam Kementeriannya telah memutuskan berkenaan pembinaan semula Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kangkar Baru, Yong Peng, Johor yang disifatkan oleh seorang Timbalan Menteri Pelajaran sebagai sekolah yang paling buruk yang mana pembinaan semulanya telah ditangguh selama 3½ tahun.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kementerian Pelajaran untuk membina bangunan gantian bagi sekolah-sekolah yang telah buruk. Tetapi oleh kerana kekurangan peruntukan, maka Kementerian Pelajaran terpaksa memberi keutamaan kepada projek-projek yang sangat perlu dan mendesak sahaja. Pembinaan bangunan gantian SRJK (C) Yong Peng akan dipertimbangkan apabila peruntukan mencukupi.

### ISI RUMAH MISKIN DI BANDAR—DEFINISI

**71. Tuan Chua Jui Meng** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kos hidup di kawasan bandar adalah lebih mahal daripada kawasan luar bandar:

- (a) definisi suatu isi rumah miskin kawasan bandar dan isi rumah miskin kawasan luar bandar seperti mana yang digunakan di dalam Rancangan-rancangan Malaysia bagi rujukan pengiraan kadar kemiskinan bagi tahun-tahun 1970 sehingga 1985; dan
- (b) sumber data yang digunakan untuk mengira kadar kemiskinan mengikut kawasan bandar, luar bandar dan jika sumber data ini boleh didedahkan kepada pihak awam demi membuat penelitian.

**Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman:** Berkenaan dengan soalan (i), pertamanya Ahli Yang Berhormat harus maklum bahawa perbezaan definisi antara kawasan bandar adalah bergantung kepada jumlah penduduk sesuatu kawasan berkenaan. Definisi bandar meliputi kawasan-kawasan yang telah diwartakan dan mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih. Manakala definisi luar bandar

pula ialah kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk kurang daripada 10,000 orang.

Bagi membezakan antara isi rumah miskin dan bukan miskin, pendapatan garis kemiskinan telah digunakan. Pendapatan garis kemiskinan ini ditakrifkan sebagai pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan makanan yang minimum bagi mengekalkan sesebuah isi rumah dalam keadaan yang sihat dari segi pemakanan dan keperluan-keperluan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Sesebuah isi rumah, sama ada mereka tinggal di kawasan bandar atau luar bandar yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan adalah ditakrifkan sebagai miskin.

Mengenai soalan (ii), punca-punca data yang telah digunakan untuk menganggarkan kemiskinan bagi tahun-tahun 1970, 1976 dan 1984 adalah seperti berikut:

- (a) Penyiasatan Selepas Banci (PES) 1970;
- (b) Banci Pertanian 1977;
- (c) Penyiasatan Pendapatan Isi rumah (1984).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua kerja-kerja mengenai punca-punca data ini dijalankan oleh Jabatan Perangkaan yang berpengalaman dalam mengendalikan banci dan penyiasatan. Banci dan penyiasatan ini dijalankan secara sistematik mengikut teknik-teknik sampel serta peraturan-peraturan dan amalan perangkaan yang tertentu dan "standard" mengikut taraf antarabangsa. Semakan yang teliti dan kesahihan adalah sebahagian daripada peraturan penyiasatan dan banci bagi menentukan supaya matlamat yang

diperolehi boleh diterima dan selaras. Sebahagian daripada data-data berasaskan punca-punca tersebut telah pun diterbitkan untuk kegunaan awam menerusi dokumen-dokumen rancangan pembangunan lima tahun dan kajian-kajian separuh penggal. Kerajaan juga sentiasa menimbangkan keperluan menerbitkan data-data lain, jika didapati perlu.

### LADY'S TEMPLER HOSPITAL— AMBIL ALIH

72. **Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Kesihatan menjelaskan bilakah Lady's Templer Hospital yang telah diambilalih oleh Hospital Besar Kuala Lumpur untuk dijadikan Pusat Latihan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia akan beroperasi sepenuhnya.

**Dato' K. Pathmanaban:** Perbincangan sedang dijalankan di antara pihak Kementerian dengan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai rancangan untuk menjadikan Hospital itu sebagai Pusat Latihan Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Untuk tujuan tersebut, kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian perlu dijalankan, serta hospital itu hendaklah juga dilengkapi dengan alat-alat kelengkapan yang diperlukan. Memandangkan perkara ini masih dalam peringkat perbincangan, maka tarikh hospital ini akan beroperasi sepenuhnya belum dapat ditentukan lagi.

### PLAZA TOL—BAYARAN

73. **Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Kerjaraya:

- (a) menyatakan jumlah Plaza Tol yang terdapat di seluruh Negara serta beberapa Plaza Tol yang dicadang hendak ditubuhkan

lagi oleh Kementeriannya pada masa akan datang;

- (b) di kawasan yang terdapat beberapa Plaza Tol pada suatu jarak yang dekat, misalnya dari Kajang ke Kuala Lumpur melalui lebuhraya Kuala Lumpur—Seremban, terdapat satu Plaza Tol dekat Sungai Ramal dan satu lagi di Sungai Besi, bagaimanakah Kementeriannya akan mengenakan bayaran tol. Adakah pengguna lebuhraya membayar di setiap Plaza Tol atau terdapat satu skim di mana pengguna hanya membayar di satu Plaza Tol sahaja.

### Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Pada masa ini terdapat sebanyak sepuluh buah Plaza Tol di seluruh negara yang sedang beroperasi dan dua buah lagi yang diswastakan iaitu di North Klang By Pass dan Jalan Kuching. Apabila rangkaian Lebuhraya Utara—Selatan siap dibina, jumlah Plaza Tol yang akan didirikan di Lebuhraya ialah lebih daripada 56 buah.
- (b) Plaza Tol di Kajang (Sungai Ramal) dan Sungai Besi akan beroperasi mengikut sistem tol tertutup apabila Lebuhraya Kuala Lumpur—Ayer Keroh siap keseluruhannya pada pertengahan tahun ini. Di dalam sistem tol tertutup ini, penggunaan lebuhraya akan membayar tol mengikut jarak perjalanan mereka. Pengguna-pengguna akan diberi "tiket transit", dengan izin, apabila ianya memasuki lebuhraya dan pembayaran dibuat sekali sahaja, iaitu apabila pengguna-pengguna tersebut keluar melalui persimpangan bertingkat di lebuhraya.

## SUKAN NEGARA

74. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam Sukan Asia tahun lalu prestasi negara ini begitu menyedihkan, jika ya:

- (i) apakah usaha-usaha yang Kementerian sedang dan akan lakukan untuk mengatasi masalah itu dan sejauh mana kesannya setakat ini;
- (ii) apakah langkah-langkah yang Kementerian ambil bagi memastikan bakat-bakat sukan yang ada sekarang mendapat sepenuh perhatian, dorongan dan bantuan dari Kementerian sendiri.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Kementerian memang sedar akan kemerosotan dan sedang mengambil usaha-usaha ke arah meningkatkan pencapaian sukan negara khususnya diperingkat pertandingan antarabangsa.

Usaha-usaha Kementerian yang sedang dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian athlit negara ialah:

- (i) Kajian terperinci mengenai tahap pencapaian negara di peringkat Sukan Asia telah dilaksanakan. Kajian ini telah mengenalpasti beberapa masalah dan kelemahan latihan ke arah sukan itu.
- (ii) Kementerian telah melancarkan suatu projek jangka-panjang yang disasarkan kepada penyertaan kita di Sukan Asia ke 11 di Beijing 1990. Projek ini diberi nama Projek Gemilang "90", menekankan pendekatan yang saintifik.

Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi

mempastikan bakat-bakat sukan yang ada sekarang melalui:

(i) *Program Bakat Peringkat Negeri*

Program ini melibatkan athlit-athlit yang masih muda yang dikenalpasti dari daerah-daerah dan diberi pendedahan latihan.

(ii) *Program Bakat Peringkat Kebangsaan*

Dari program Bakat Negeri, hanya athlit-athlit muda yang terbaik akan dipilih dari negeri-negeri untuk menjalani latihan semasa cuti persekolahan. Bantuan yang diperuntukkan bagi program Bakat peringkat negeri meliputi elaun makan, penginapan, tambang, sewa kemudahan dan elaun jurulatih.

(iii) *Program Bakat Sekolah*

(A) Program ini baru diperkenalkan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, di mana program ini adalah memupukkan bagi 3 jenis sukan individu iaitu Badminton, Olahraga dan Renang.

(B) Dalam program-program ini athlit-athlit yang terbaik dari kejohanan-kejohanan peringkat umur dipilih dan ditempatkan di sekolah-sekolah berasrama serta diberi latihan yang berterusan. Bantuan yang diperuntukkan bagi program ini meliputi:

—Peralatan latihan

—Bantuan asrama, yuran makan dan penginapan, dll.

- Tuition
- Insuran
- Basiswa untuk melanjutkan pelajaran
- Yuran penyertaan pertandingan
- Elaun jurulatih
- Mendapatkan pekerjaan bagi yang kandas atau tamat pengajian.

### SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

**75. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Skim Pinjaman Perumahan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang tidak layak menerima Pinjaman Perumahan Kerajaan serta berpendapatan kurang dari \$700.00 sebulan adalah satu skim yang baik dan perlu diperluaskan, tetapi kurang diketahui oleh orang ramai, jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk melonggarkan syarat-syarat kelayakan mendapatkan kemudahan skim tersebut.

**Dato' S. Subramaniam:** Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah merupakan satu program yang telah banyak memberi faedah kepada rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri. Melalui pinjaman daripada Kerajaan ini, rakyat yang sukar mendapat pinjaman daripada institusi kewangan seperti penoreh getah, petani, nelayan, buruh, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain lagi berpeluang untuk menerima pinjaman dari Kementerian ini asalkan mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sejak Skim ini ditubuhkan, Kementerian ini senantiasa berikhtiar dan berusaha untuk mempertingkatkan serta memperluaskan lagi penyertaan rakyat

berpendapatan rendah melalui Majlis-Majlis Penerangan yang dianjurkan oleh Kementerian ini dan juga melalui kerjasama Yang Berbahagia Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri untuk menghebahkan peluang yang boleh dinikmati itu kepada rakyat berpendapatan rendah melalui penglibatan Pegawai-pegawai Daerah dan Penghulu-penghulu.

Syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan pinjaman yang telah digubal oleh Kementerian ini adalah bertujuan untuk memudahkan rakyat berpendapatan rendah mendapatkan pinjaman dan juga untuk menjaga kepentingan Kerajaan bagi memastikan pinjaman dibayar balik oleh peminjam. Oleh yang demikian, buat masa ini Kementerian ini tidak bercadang untuk melonggarkan lagi syarat-syarat pinjaman itu.

### PERATURAN PEMBINAAN RUMAH

**76. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan peraturan-peraturan pembinaan rumah-rumah yang mesti diikuti oleh pemaju-pemaju di dalam negara ini. Apakah kriteria-kriteria yang mesti ditepati bagi kerja "piling". Sekiranya rumah-rumah baru yang dibina didapati retak disebabkan oleh pembinaan asas bangunan yang tidak sempurna, siapakah yang bertanggungjawab. Apakah sebab-sebab yang lazim bagi kes-kes rumah yang retak di Malaysia. Apakah diantara langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan untuk mengesyorkan bahawa kerja meletakkan asas bangunan adalah dilakukan dengan sempurna.

**Dato' S. Subramaniam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan pembinaan yang perlu diikuti adalah jelas terkandung di dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan

Peraturan-peraturan yang berkaitan, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang mana beberapa undang-undang kecil yang berkaitan telah pun diwujudkan, umpamanya Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Undang-undang Kecil Jalan Persendirian (1976), Undang-undang Kecil Saliran, Kebersihan dan Pemasangan Paip Kebersihan (1976), Akta Pemaju Perumahan (Mengawal dan Melesen) 1966, Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Mengawal dan Melesen) 1982, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.

Kerja-kerja "piling" atau pencerucukan adalah diperlukan apabila rumah-rumah dibina di atas tanah yang dikatakan, dengan izin "soft-ground low bearing capacity" seperti tanah liat, tempat berpaya, berlumpur dan tanah gambut. Pencerucukan juga diperlukan apabila pembinaan dibuat di atas tanah bekas lombong dan tanah berkabus tinggi. Jenis cerucukan yang digunakan adalah berbeza di antara satu projek dengan projek yang lain berdasarkan kepada keadaan tanah dan perakuan pihak Jurutera yang berkenaan.

Sekiranya berlaku keretakan disebabkan pembinaan asas bangunan yang tidak sempurna, perlu diselidiki terlebih dahulu sebab keretakan berlaku. Jika keretakan terjadi kerana, dengan izin, "structural design", yang tidak sesuai, maka Jurutera Perunding boleh disalahkan. Tetapi kalau dibukti bahawa keretakan berlaku kerana pembinaan tidak mengikut spesifikasi, maka yang bertanggungjawab ialah pihak yang menjalankan kerja-kerja pembinaan.

Di Malaysia, salah satu sebab rumah retak ialah kerana keadaan tapak yang dipilih umpamanya tanah liat, tanah berlumpur, tanah bekas lombong dan tanah berkabus tinggi. Ada beberapa cara untuk mengelakkan masalah keretakan jika melibatkan tanah jenis

ini. Pertamanya tanah-tanah jenis tersebut memerlukan masa untuk betul-betul mendap sebelum kerja-kerja pembinaan dilakukan. Bagi tanah yang banyak lumpur pula, tanah tersebut boleh dibaikpulih dahulu atau sebahagian dari lumpur di tapak berkenaan disedutkan keluar sebelum dibaikpulih. Selain daripada itu, keretakan boleh juga berlaku sekiranya pencerucukannya dipakai adalah tidak sesuai.

Bagi kerja-kerja meletakkan asas bangunan yang tidak sempurna, pemaju projek berkenaan boleh membawa pihak yang dikenalpasti sebagai yang bertanggungjawab ke mahkamah. Jika ia melibatkan Jurutera Perunding, laporan boleh dibuat kepada Institut Jurutera Malaysia dan Lembaga Jurutera boleh mengambil tindakan ke atas Jurutera Perunding yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun mengadakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 untuk mencegah perbuatan tidak bertanggungjawab oleh orang-orang yang terlibat di dalam industri pembinaan. Sesiapa yang didapati bertanggungjawab melakukan kesalahan ini boleh didenda tidak lebih \$50,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

## KAWASAN SETINGGAN

**77. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) bilangan kawasan setingan di Wilayah Persekutuan yang masih belum dibangunkan. Apakah pula bilangan mereka yang telah dibangunkan; dan
- (b) bilangan kawasan setingan yang diduduki oleh orang-orang Indonesia di Wilayah Persekutuan. Beberapa besarkah bilangan mereka ini di

dalam kawasan-kawasan setinggan Wilayah Persekutuan. Apakah peratusan mereka ini berbanding dengan:

- (i) jumlah besar penduduk setinggan di seluruh Wilayah Persekutuan;
- (ii) jumlah penduduk setinggan di setiap kawasan setinggan.

Jika Kementerian tidak mempunyai sebarang maklumat terperinci mengenai pendatang haram, terutamanya mereka dari Indonesia, siapakah yang lebih berpengetahuan mengenai perkara ini di dalam Wilayah Persekutuan. Mengapa pihak Kementerian tidak berusaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat seperti ini.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah pun menjalankan bancian bagi mengenalpasti kawasan-kawasan setinggan yang telah dan yang belum dibangunkan.

Daripada bancian itu, adalah didapati:

- (i) Jumlah kawasan kampung-kampung setinggan di Wilayah Persekutuan—193 buah.
- (ii) Jumlah kawasan kampung setinggan yang telah dipindahkan kerana terlibat dengan projek pembangunan—48 buah.
- (iii) Bilangan kawasan setinggan yang masih belum dibangunkan—145 buah.

Sehubungan itu, Kerajaan juga telah mengenalpasti bilangan kawasan setinggan yang diduduki oleh pendatang Indonesia yang telah

dibanci setakat ini ialah sebanyak 3 buah kampung, seperti berikut:

Bil	Nama Kampung	Jum. Keluarga	Peratus
1.	Kg. Bumiputera, Jalan Jelatik Kg. Datuk Keramat	876	85%
2.	Kg. Ampang, Chendana, Kuala Lumpur	49	24%
3.	Kg. Shamelin Cheras	76	84%
Jumlah		1,001	

Daripada bancian yang telah dibuat itu, adalah didapati jumlah keluarga yang terdiri daripada orang-orang Indonesia ialah 1,001 keluarga (5,050 orang). Manakalah jumlah penduduk setinggan di Wilayah Persekutuan pada keseluruhannya ialah seramai 212,419 orang. Oleh hal yang demikian, peratusan penduduk Indonesia di Wilayah Persekutuan berbanding dengan keseluruhan penduduk di Wilayah Persekutuan ini ialah sebanyak 2.4%.

#### PERBELANJAAN SEKOLAH DI LUAR BANDAR

**78. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pelajaran menyatakan baru-baru ini Menteri Pelajaran telah mengumumkan hanya sekolah-sekolah yang berlebihan mulai tahun ini. Adakah Menteri Pelajaran sedar yang bukan semua sekolah di kawasan bandar itu cukup dengan kelengkapan manakala terdapat sekolah-sekolah di luar bandar yang serba mencukupi. Di mana terdapat sekolah-sekolah di kawasan bandar yang kurang kelengkapan, pihak Kementerian dapat mengesahkan yang peruntukan akan diberi tanpa mengdiskriminasikan sekolah-sekolah tertentu.

**Tuan Wong See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang sedar

masalah yang dibangkitkan itu. Kementerian ini sentiasa menjalankan perancangan dan berusaha untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang mencukupi kepada sekolah-sekolah di luar bandar, pinggir bandar dan juga di kawasan bandar yang kurang kemudahan.

#### **FELDA—PENEROKA BUKAN BUMIPUTERA**

**79. Puan Ling Chooi Seng** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambahkan bilangan peneroka-peneroka bukan Bumiputera untuk menyertai rancangan-rancangan kemajuan tanah. Kini didapati setengah rancangan kemajuan tanah mengalami kekurangan peserta.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sentiasa mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan bilangan peneroka menyertai rancangan-rancangan kemajuan tanah misalnya bagi rancangan FELDA. Bagi negeri-negeri di mana rancangan-rancangan FELDA mempunyai kekosongan tempat, permohonan untuk menyertai rancangan adalah terbuka kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan dari semua kaum. Temuduga diadakan sepanjang tahun sebaik sahaja diterima bilangan permohonan yang mencukupi, dan majlis penerangan diadakan sebelum temuduga dijalankan. Tawaran untuk menyertai rancangan tidak terhad kepada mana-mana kaum, tetapi berasaskan kepada susunan ketinggian markah dan tertakluk kepada kekosongan tempat. Calon-calon yang berjaya tidak kira kaum, layak menyertai mana-mana rancangan melainkan rancangan-rancangan yang terletak di dalam kawasan simpanan

Melayu yang diuntukkan kepada calon-calon keturunan Melayu sahaja.

#### **UNSUR BUDAYA**

**80. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian secara pendekatan sedadu kepada semua agensi bagi menyekat kebudayaan perdagangan yang negatif, yang bermotifkan perjudian, pendedahan keruntuhan moral dan pengeksploitasian yang mungkin membawa kepada unsur penjajahan budaya.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang memandang berat terhadap unsur-unsur budaya negatif dan tersebar sama ada secara perdagangan atau sebaran am yang boleh mempengaruhi dan merosakkan nilai-nilai akhlak masyarakat. Oleh itu Kementerian ini sentiasa memberi pandangan dan mengambil langkah bersama dengan agensi-agensi pusat serta pihak berkuasa tempatan dari segi khidmat nasihat kerana dalam banyak hal ada bidang kuasa yang tidak terletak di bawah pentadbiran secara langsung Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Langkah bersama dan penyelarasan tindakan itu dilaksanakan melalui dua pendekatan, iaitu:

- (a) Penubuhan Jawatankuasa Bersama dengan agensi lain dengan membentuk urusetia bersama seperti:
  - (i) Jawatankuasa Bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kementerian Penerangan.
  - (ii) Jawatankuasa Bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Kementerian Pelajaran.

- (iii) Jawatankuasa Kemasukan Artis-artis Luar yang berurusetia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri.
- (b) Menganggotai jawatankuasa pelbagai agensi yang ditubuhkan oleh Kementerian atau Jabatan lain yang bidang tugasnya berkaitan seperti:
  - (i) Jawatankuasa Perhotelan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
  - (ii) Jawatankuasa Keagamaan di bawah Kementerian Penerangan; dan
  - (iii) Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Selain daripada usahasama dengan agensi Kerajaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sentiasa berhubung rapat dengan badan-badan sukarela seperti Majlis Belia Malaysia, Majlis-majlis Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri, Pertubuhan-pertubuhan Kebudayaan, Belia dan Sukan di semua peringkat.

Walau bagaimanapun, usaha membendung penyebaran dan perkembangan unsur-unsur budaya yang negatif dan tidak sihat ini bukanlah menjadi tanggungjawab agensi-agensi Kerajaan semata-mata. Ia juga merupakan peranan bersama secara aktif daripada ibubapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat serta setiap individu sendiri.

#### **BANDUAN—PENCOLEKAN PEGAWAI KERAJAAN**

**81. Tuan Muhamad bin Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan

Kerajaan bagi mengatasi perkara berikut supaya tidak berlaku:

- (a) (i) masalah pencoleman pegawai-pegawai Kerajaan oleh banduan-banduan di dalam Penjara.
- (ii) masalah banduan-banduan selalu melarikan diri daripada penjara.
- (b) sejak tahun 1980 berapa ramaikah banduan-banduan telah dapat melarikan diri daripada penjara dan berapakah bilangannya bagi tiap-tiap tahun.
- (c) sejak tahun 1985 berapa kalikah peristiwa pencoleman dalam penjara telah berlaku dan di penjara manakah peristiwa-peristiwa tersebut terjadi.

#### **Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan bagi mengatasi pencoleman pegawai-pegawai penjara oleh banduan-banduan di dalam penjara adalah seperti berikut:
  - (i) Pegawai-pegawai Perubatan dan Majistret-majistret yang menjalankan tugas di penjara-penjara akan diiringi dan dikawal oleh seorang Penguasa Penjara dan tiga orang Pegawai Penjara.
  - (ii) Banduan-banduan akan digari kedua-dua belah tangan semasa menerima rawatan kecuali atas nasihat doktor.
  - (iii) Mengadakan jaring besi pemisah di antara banduan dan Majistret semasa mahkamah bersidang.

	<i>Tahun</i>	<i>Jumlah (orang)</i>
(iv) Hanya seorang banduan sahaja di bawa secara bergilir-gilir untuk dibuat sebutan.	1985.. .. .	35
(v) Membina pagar-pagar keselamatan di kawasan-kawasan yang perlu.	1986.. .. .	30
	1987 (Februari)	4
		153
		(orang)

Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut bagi mengatasi kelarian banduan di penjara iaitu:

- (i) Pengawasan dan rondaan di kawasan penjara dipertingkatkan,
  - (ii) Memasang kawat-kawat berduri di tembok-tembok dan pegawai yang difikirkan boleh dijadikan tempat banduan melepaskan diri.
  - (iii) Mengukuhkan jaringan-jaringan di bilik-bilik kurungan banduan.
  - (iv) Meningkatkan pemeriksaan tubuh badan banduan serta bilik kurungan untuk mengesan alat-alat yang boleh digunakan bagi pemotong besi.
  - (v) Mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengawal-pengawal yang terbukti cuai mengawal banduan.
- (b) Sejak tahun 1980 sehingga 28hb Februari, 1987 seramai 153 banduan telah dapat melarikan diri daripada penjara. Bilangan kelarian banduan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah (orang)</i>
1980.. .. .	15
1981.. .. .	18
1982.. .. .	19
1983.. .. .	20
1984.. .. .	12

- (c) Sejak tahun 1985 hanya dua kali peristiwa pencolekan dalam penjara telah berlaku iaitu:

17hb Oktober, 1986 di Pudu dan

9hb Januari, 1987 di Penjara Kuantan.

#### ORANG ASLI—MEMAJUKAN

**82. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memajukan lagi kehidupan masyarakat Orang Asli supaya selaras dengan kemajuan lain-lain masyarakat dikelilinginya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan telah merancang dan melaksanakan beberapa program dalam usahanya untuk memajukan lagi kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini. Program-program ini dapat dibahagikan kepada empat (4) bidang yang utama seperti berikut:

##### 1. *Pelajaran*

Kerajaan telah mendirikan sebanyak 60 buah sekolah di 19 buah Daerah di seluruh Semenanjung yang diselenggarakan oleh 190 orang guru. Sekolah-sekolah ini dapat menampung seramai 11,593 orang murid. Bilangan murid Orang Asli

yang sedang belajar di berbagai peringkat persekolahan seperti berikut:

(a) Tabika .. ..	427 orang
(b) Sekolah Rendah	9,363 orang
(c) Sekolah Menengah Kerajaan	1,803 orang
(d) Sekolah Menengah Swasta	29 orang
(e) Pusat Pengajian Tinggi	49 orang
JUMLAH ..	<hr/> 11,671 orang <hr/>

Untuk ini Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$10,586,400.00 bagi tahun 1986. Peruntukan bagi tahun 1987 ialah sebanyak \$6.7 juta. Program ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Pelajaran.

## 2. *Perubatan dan Kesihatan*

Program ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Kesihatan. Ianya meliputi aktiviti-aktiviti berikut:

- (a) Perkhidmatan Doktor Terbang;
- (b) Perkhidmatan Kesihatan Keluarga;
- (c) Perkhidmatan mengawal penyakit berjangkit dan bawaan vektor;
- (d) Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar.

Selain daripada mengadakan perkhidmatan di Pos-pos Pendalaman, Kerajaan juga telah mendirikan hospital pusat di Gombak yang mempunyai 13 buah wad dan 450 buah katil. Bilangan masyarakat Orang Asli yang mendapat faedah daripada program Perubatan dan Kesihatan ini ialah seramai 19,309 orang dalam tahun 1985, dan 25,816 orang dalam tahun 1986.

## 3. *Pembangunan Sosio-Ekonomi*

Selain daripada program pelajaran dan kesihatan, rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi adalah juga penting di dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Program ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian seperti berikut:

- (a) Aktiviti Ekonomi;
- (b) Aktiviti Sosial;
- (c) Rancangan Pengumpulan Semula.

Ketiga-tiga aktiviti ini telah membolehkan masyarakat Orang Asli melibatkan diri di dalam projek-projek industri kecil, pertanian, perikanan ternakan dan lain secara lebih teratur dan produktif. Ianya dilaksanakan secara integrasi oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan lain-lain agensi pelaksana di bidang-bidang berkenaan seperti FELDA, FELCRA, Jabatan-jabatan Pertanian dan Perikanan, serta "Regional Development Authorities" yang lain.

## 4. *Keselamatan*

Program-program pelajaran, kesihatan dan pembangunan dijalankan di bawah konsep "Keselamatan Melalui Pembangunan", yang memberi erti segala aktiviti untuk memajukan Orang Asli adalah bertujuan untuk membawa kesejahteraan kepada mereka agar pengaruh berbagai anasir bawah tanah, komunis dan anti-nasional dapat disekat daripada meresap masyarakat Orang Asli. Berbagai kursus penerangan mengenai ancaman ini sering diadakan untuk menyedarkan masyarakat Orang Asli mengenai ancaman-ancaman keselamatan yang sentiasa terdedah kepada mereka.

Langkah-langkah di atas telah mendatangkan kesan yang sangat memuaskan. Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha-usaha ini untuk memajukan masyarakat Orang Asli selaras dengan kemampuan Kerajaan dari segi ekonomi.

### KEKERASAN ATAS WANITA/ KANAK-KANAK

**83. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes yang dilaporkan kepada polis mulai tahun 1985 hingga 28-2-1987 berkaitan dengan penggunaan kekerasan atau keganasan ke atas wanita dan kanak-kanak. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh polis untuk mengendalikan kes-kes keganasan sex dan keganasan ke atas kanak-kanak dan sama ada satu skuad polis khas telah ditubuhkan bagi maksud ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1985 hingga bulan Februari 1987, pihak polis telah menerima sebanyak 1,147 aduan mengenai kekerasan ke atas wanita dan kanak-kanak. Bagi mengendalikan kes-kes seumpama itu satu pasukan khas telah ditubuhkan pada awal tahun 1986 yang terdiri daripada 268 orang pegawai dan anggota-anggota polis wanita. Sukalah saya memaklumkan bahawa sejak pasukan ini ditubuhkan, bilangan kes yang dapat diselesaikan telah bertambah dari 148 dalam tahun 1985 kepada 199 dalam tahun 1986.

### PINJAMAN LUAR/DALAM NEGERI

**84. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pinjaman luar dan dalam negeri yang telah diperolehi oleh Sabah Gas

Industries Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat Koperasi Tenaga Sabah atau Sabah Energy Corporation. Daripada jumlah ini berapakah yang telah dijamin oleh Kerajaan pusat;

- (b) apakah syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Pusat ke atas jaminan pinjaman itu dan adakah benar dakwaan bahawa Ketua Eksekutif Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. yang ada sekarang tidak boleh diganti atau ditukar tanpa kebenaran dari Perbendaharaan Persekutuan atau Federal Treasury. Jika benar adakah ini satu syarat yang dimestikan ke atas jaminan pinjaman; dan
- (c) memandangkan bahawa Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. adalah sebuah perusahaan yang begitu besar dan akan memakan belanja yang agak besar adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk mengambil alih perusahaan ini daripada Kerajaan Sabah.

### Tuan Loke Yuen Yow:

- (a) Jumlah pinjaman yang telah diperolehi oleh Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. ialah sebanyak \$855.9 juta, yang terdiri daripada \$795.9 juta pinjaman luar negeri dan \$60.0 juta pinjaman dalam negeri. Kesemua jumlah pinjaman ini adalah dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.
- (b) Syarat-syarat utama jaminan pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan bagi Sabah Gas Industries Sdn. Bhd. ialah seperti berikut:
- (i) Majoriti daripada Lembaga Pengarah mestilah terdiri dari wakil-wakil Kerajaan Persekutuan.

- (ii) Harga jualan gas kepada semua pihak hendaklah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan sewajarnya.
- (iii) Apa-apa pinjaman baru hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

Adalah benar bahawa Ketua Eksekutif Sabah Gas Industries tidak boleh diganti atau ditukar tanpa kelulusan Kementerian Kewangan. Ini merupakan salah satu daripada syarat-syarat utama yang dikenakan ke atas pinjaman sebanyak \$245.3 juta yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Sabah daripada Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1986, untuk dipinjamkan semula kepada Sabah Gas Industries.

- (c) Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk mengambilalih perusahaan tersebut daripada Kerajaan Sabah. Malahan Kerajaan Persekutuan telah pun membuat keputusan supaya projek tersebut diswastakan, jika ada pihak yang berminat mengambilalihnya.

#### PROJEK PERUMAHAN DI ATAS TANAH BEKAS LOMBONG

**85. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada pemaju-pemaju perumahan yang mana mendirikan projek-projek perumahan di atas tanah bekas lombong supaya tanah tidak runtuh dan malapetaka tidak menimpa penghuninya kemudian.

**Dato' S. Subramaniam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan untuk membangunkan

sesuatu tapak projek perumahan adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Adalah difahamkan bahawa sebelum sesuatu kelulusan diberi, permohonan itu akan dirujuk kepada beberapa agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri, Lembaga Letrik Negara, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Kerja Air dan Jabatan Telekom.

Sememangnya sebelum sesuatu projek diluluskan, pihak pemaju bertanggungjawab menentukan kesesuaian tanah tapaknya. Sekiranya tapak bekas lombong, pemaju perlu memastikan kesesuaiannya melalui ujikaji tanah yang dijalankan oleh pihak profesyenal sebelum pelan "sub-structure" dan pelan bangunan disediakan oleh juruperunding yang dilantik. Berkaitan dengan syarat-syarat yang dikenakan kepada pemaju-pemaju tidaklah dapat dijawab oleh Kementerian ini kerana ia diuruskan oleh pihak berkuasa negeri yang berkenaan.

#### TELEFON—KELAMBATAN PEMASANGAN

**86. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar akan kelambatan pemasangan telefon di kebanyakan kawasan perumahan di Negeri Sabah dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Kementerian saya dan STM sedar bahawa terdapat kelambatan pemasangan telefon di kebanyakan kawasan perumahan di negeri Sabah, terutama di sekitar bandar-bandar utama seperti Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan ini disebabkan oleh kekurangan talian di kawasan-kawasan berkenaan dan kekurangan

talian ini berpunca daripada pemotongan peruntukan kewangan JTM dahulu. Walau bagaimanapun sekarang STM sedang giat melaksanakan kerja-kerja untuk menambahkan talian di kawasan-kawasan berkenaan dan Syarikat Telekom akan cuba seboleh-bolehnya memberi perkhidmatan telefon sebaik sahaja kerja-kerja berkenaan siap.

### **DOKTOR PERUBATAN DI PUSAT KESIHATAN BESAR SG. SUMUN**

**87. Tuan Mohamed bin Jamrah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai seorang doktor perubatan (tiada termasuk doktor gigi) yang terpaksa memberi perkhidmatan kepada penduduk berjumlah lebih seratus ribu orang. Di samping itu, doktor yang sama juga terpaksa melawat ke tiga Pusat Kesihatan Kecil, iaitu Hutan Melintang, Selekoh dan Bagan Datoh. Begitu juga pembantu hospital yang berkhidmat di Pusat Kesihatan Besar itu terpaksa membantu doktor itu ikut membuat "round". Jadi adakalanya apabila pesakit datang, mereka tidak mendapat rawatan ataupun menunggu terlalu lama untuk mendapat rawatan kerana ketiadaan doktor dan pembantu hospital pada waktu-waktu yang tertentu. Oleh itu bilakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan doktor perubatan di Pusat Kesihatan tersebut dan kalau ada berapakah tambahannya yang dicadangkan.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini ada seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Pusat Kesihatan Besar Sg. Sumun. Beliau juga memberi perkhidmatan di Pusat Kesihatan Kecil Selekoh dan Pusat Kesihatan Kecil Bagan Datoh sekali dalam seminggu. Semasa lawatan beliau ke Pusat-pusat Kesihatan Kecil

ini Pembantu Perubatan yang berkhidmat di Pusat Kesihatan Besar, Sg. Sumun tidak ikut bersamanya. Terdapat seorang Pembantu Perubatan di Pusat-pusat ini. Pembantu Perubatan tersebut dikehendaki berada di Pusat Kesihatan Besar, Sg. Sumun untuk merawat pesakit-pesakit yang datang ke Pusat Kesihatan tersebut semasa Doktor Perubatan tidak ada di situ.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Pusat Kesihatan Besar Sg. Sumun mempunyai penduduk seramai lebih kurang 45,000 dalam kawasan operasinya. Ini termasuklah penduduk-penduduk di sekeliling Pusat Kesihatan Kecil Bagan Datoh dan Pusat Kesihatan Kecil Selekoh. Berkenaan dengan Pusat Kesihatan Kecil Hutan Melintang ianya adalah dilawati oleh seorang Doktor Perubatan daripada Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak Teluk Intan dan bukan oleh Doktor Perubatan dari Pusat Kesihatan Besar Sg. Sumun.

Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menambahkan lagi Doktor Perubatan di Pusat Kesihatan Besar Sg. Sumun. Ini adalah disebabkan daripada siasatan yang telah dibuat, seorang Doktor Perubatan di Pusat Kesihatan Besar ini dan Pembantu Hospital yang membantunya adalah mencukupi untuk memberi perkhidmatan perubatan yang diperlukan oleh orang ramai di dalam kawasan operasinya pada masa sekarang.

### **KOPERASI KOSATU— PENYIASATAN**

**88. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengapakah Pendaftar Koperasi tidak menggunakan kuasanya di bawah Seksyen 47 Akta Syarikat Kerjasama

bagi mengenakan surcharge kepada harta-harta kepunyaan pegawai-pegawai koperasi terutamanya kepada mereka yang dituduh pecah amanah dan melakukan berbagai kesalahan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tindakan di bawah Seksyen 47 adalah merupakan tindakan susulan kepada tindakan di bawah Seksyen 37 Akta Koperasi. Ketua Pendaftar telah pun mula menjalankan penyiasatan ke atas koperasi-koperasi berkenaan pada penghujung tahun 1985, dan telah mula melakukan pemeriksaan ke atas perbuatan mereka yang terlibat dalam perubasan koperasi KOSATU seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 47. Tetapi sebelum sempat pemeriksaan ini diselesaikan para pendeposit telah mula mengeluarkan wang mereka secara mendadak (dengan izin, there was a run on KOSATU) berikutan dengan satu berita dalam akhbar bahasa Cina yang mengatakan Pengerusi KOSATU telah melakukan penyelewengan wang Koperasi. Keadaan pengeluaran wang secara mendadak ini telah merebak dengan cepatnya kepada lain-lain Koperasi yang menerima deposit.

Demi untuk menjaga kepentingan pendeposit, Bank Negara telah terpaksa bertindak di bawah Peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 dan membekukan segala harta Koperasi dan juga harta Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi. Di bawah Peraturan ini Bank Negara mempunyai kuasa yang luas dan boleh bertindak dengan lebih cepat dan tegas. Pada masa ini 23 buah Koperasi yang terlibat masih lagi dalam tindakan Bank Negara.

#### KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA

**89. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang ramalan kedudukan ekonomi

negara kita sama ada terus meningkat atau menurun bagi tahun 1987 dan jangkamasa Malaysia Kelima (RML).

**Tuan Loke Yuen Yow:** Soalan ini adalah lebihkurang sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan telah saya jawab di dalam Dewan ini semalam (18-3-1987).

#### USUL-USUL

##### AKTA KASTAM, 1967

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1986;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1986;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1986;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1986;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1986;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1986;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1986;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1986;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1986;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1986;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1986;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1986;

- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1986;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1986;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1986;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1986;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1987;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1987;
- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1987;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1987;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1987;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1987;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1987;
- (xxiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1987;
- (xxv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1987;
- (xxvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bilangan 41, 42, 43, 44, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66 dan 67 tahun 1987 disahkan. (*18hb Mac, 1987*).

3.35 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menyambung daripada mana yang saya berhenti semalam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1986 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import daripada \$5.51 sen sekilogram kepada

\$4.00 sekilogram serta memansuhkan cukai tokok sebanyak 5% *ad valorem* ke atas "monosodium glutamate" di bawah kod tarif 29 23 200. Langkah penurunan kadar duti import ini diambil setelah kajian semula dilakukan ke atas industri ini setelah lebih 20 tahun menikmati perlindungan tarif.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1986 pula adalah bertujuan untuk memansuhkan cukai tokok dan menaikkan kadar duti import ke atas "glazed/unglazed ceramic floor and wall tiles" dan "ceramic roofing tiles", dengan izin. Selain daripada itu, Perintah ini juga menaikkan kadar duti import ke atas "ceramic pipes" dan "tablewares". Langkah-langkah ini diambil untuk memberi perlindungan tarif tambahan kepada industri tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas "polyvinyl chloride floor covering sheeting" di bawah kod tarif 39 02 570 daripada 30% *ad valorem* kepada 40% *ad valorem* atau \$1.00 semeter persegi yang mana lebih tinggi. Langkah ini bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif tambahan kepada pengeluar tempatan yang mengeluarkan barangan ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1986 pula adalah bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas batu-bata daripada 5% *ad valorem* kepada 30% *ad valorem*. Langkah ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif kepada pengeluar tempatan yang menghadapi saingan daripada barangan yang serupa yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1986 pula adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif khusus bagi "thermal insulation foil" dan mengenakan duti

import spesifik sebanyak 35 sen semeter persegi di samping kadar import 30% *ad valorem* yang sedia ada yang mana lebih tinggi. Ini adalah untuk menjadikan perlindungan tarif yang telah diberikan kepada industri ini menjadikan lebih berkesan lagi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1986 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import atas kenderaan berat di bawah kod tarif 87 03 000 daripada 5% *ad valorem* kepada 35% *ad valorem*. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan industri pembinaan badan kenderaan berat di negara ini iaitu seperti "*truck mounted hydraulic platform*" dan "*truck mounted concrete mixer*", dengan izin.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1986 pula adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif baru iaitu 73 11 212 untuk "*steel H section with thickness of web of 9 mm and above*", dengan izin, dan dikenakan duti import sebanyak 25% *ad valorem*. Ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan tarif kepada pengeluar "*concrete poles and piles*" tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1986 adalah bertujuan untuk memperjeniskan semula nombor kod tarif, mensekukan duti import dan meminda diskripsi atas "*tissue paper*", dengan izin. Langkah ini bertujuan untuk memberi perlindungan tarif tambahan kepada pengeluar-pengeluar "*tissue paper*" tempatan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1986 adalah bertujuan untuk menaikkan kadar duti import ke atas "*sanitary napkin*" di bawah kod-kod tarif 84 21 410, 59 01 100 dan 62 05 100 daripada 15% *ad valorem* atau 1 sen seunit kepada 30% *ad valorem* atau 5 sen seunit yang mana lebih tinggi. Langkah ini bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif tambahan kepada syarikat-syarikat

pengeluar tempatan yang kini menghadapi persaingan import yang semakin meningkat.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1986 pula adalah bertujuan untuk membetulkan kod tarif bagi "*rice wine*" dengan menempatkannya di bawah kod tarif yang sama dengan "*sake*" iaitu 22 07 200. Ini adalah disebabkan bahawa kedua-dua jenis barangan ini adalah barangan yang sama.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1986 adalah bertujuan untuk meminda diskripsi di bawah kod tarif 98 10 111 daripada "*cigarette lighters: non-refillable/disposable*", dengan izin, menjadi "*cigarette lighters: of artificial plastic material*", dengan izin. Langkah ini diambil adalah bertujuan untuk memberi perlindungan tarif yang lebih berkesan kepada pengeluar tempatan barangan tersebut memandangkan terdapatnya "*plastic gas lighter*" jenis "*refillable*", dengan izin, yang murah dan dapat diimport menggunakan kod tarif 98 01 119 yang tidak berduti. Oleh itu dengan pindaan diskripsi ini semua jenis "*plastic gas lighters*", dengan izin, terjatuh di bawah kod tarif 98 01 111 dan tertakluk kepada duti import 100% *ad valorem* serta cukai tokok 5%.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah seterusnya ialah Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1987. Perintah ini adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import atas "*electric power hand tools*", dengan izin, yang terjatuh di bawah nombor kepala tarif 85 05. Langkah ini diambil setelah kajian semula dilakukan ke atas industri ini bagi memberi faedah kepada para pengguna barangan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1987 pula adalah bertujuan untuk mewujudkan nombor tarif khas bagi enjin motosikal yang berkuasa

110 c.c. dan ke bawah iaitu 84 06 391 serta dikenakan duti import 40% ad valorem atau \$160 seunit yang mana lebih tinggi. Langkah ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada industri tempatan yang telah mengeluarkan barangan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif khusus untuk "pressed metal tiles", dengan izin, iaitu 73 40 960. Langkah ini adalah untuk membolehkan data-data mengenai jumlah import dan jumlah eksport barangan tersebut mudah dipastikan di masa akan datang bagi maksud kajian.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1987 pula adalah bertujuan untuk menurunkan duti import ke atas "ceramic/glazed roofing tiles" di bawah kod tarif 69 05 100 daripada 60% ad valorem kepada 30% ad valorem atau 6 sen sekeping yang mana lebih tinggi. Langkah penurunan kadar duti perlindungan ini dibuat setelah kajian semula dilakukan ke atas industri ini dan didapati bahawa industri tempatan tidak memerlukan duti perlindungan yang tinggi lagi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1987 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti eksport 5% ad valorem ke atas telur ayam di bawah kod tarif 04 05 210 bertujuan untuk mensejajarkan dengan Perintah Duti Kastam (Pengecualian) yang memberi pengecualian duti eksport kepada para pengeksport telur ayam.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1987 pula adalah bertujuan untuk menaikkan duti import dari 5% ad valorem kepada \$66.00 se tan metrik ke atas kayu arang bakau di bawah kod tarif 44 02 000. Langkah ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pengusaha kayu arang bakau

tempatan yang kini menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan di samping membantu mereka mencapai tahap pengeluaran yang maksima.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1987 adalah bertujuan untuk meminda diskripsi bagi "electric motors" yang terjatuh di bawah kod tarif 85 01 210 dan 85 01 200 dengan memasukkan butir-butir "of up to 150 watts" dan "over 150 watts but not more than 1.5 kilowatts", dengan izin, masing-masing. Langkah ini diambil adalah untuk memberi perlindungan tarif yang berkesan kepada pengeluar "electric motors" yang melebihi daripada 150 watts.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1987 pula adalah bertujuan untuk menyeragamkan kadar duti import atas "packed tea" dengan "bulk tea", dengan izin, dan dikenakan kadar duti import yang sama iaitu 30% ad valorem atau \$1.00 sekilogram yang mana lebih tinggi. Langkah ini adalah untuk memberi perlindungan kepada pengeluar teh tempatan di samping bagi menggalakkan kegiatan pembungkusan teh oleh pedagang-pedagang tempatan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok We Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

*3.50 ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan beberapa Usul

yang dibawa oleh pihak Kementerian Kewangan berkaitan dengan duti kastam yang dipinda seperti yang disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang beberapa perkara mengenai duti kastam, tujuannya, akibat dan implikasinya. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, pindaan-pindaan dibuat untuk beberapa sebab.

Yang pertamanya, kita terima dengan tidak payah dibahaskan dengan lanjut ialah untuk mensekakan tentang kod-kodnya, tetapi perkara yang besar yang wajar difikirkan dalam pindaan-pindaan ini ialah apabila pihak Timbalan Menteri mengatakan duti-duti dan tarif-tarif itu dinaikkan dengan tujuan untuk melindungi industri-industri tempatan apabila ia terpaksa bertanding dengan import yang dibawa daripada luar negeri. Seolah-olah kita sentiasa bersedia untuk memberi perlindungan dalam bentuk tarif yang dinaikkan dari masa ke semasa ataupun saya tidak mengatakan bahawa mungkin ada ketikanya pihak Kementerian menurunkan tarif-tarif dan duti-duti import apabila keupayaan untuk bertanding bertambah baik di kalangan industri tempatan.

Contoh-contoh yang diberikan ialah seperti perlindungan yang diberi terhadap ceramic floor dan tiles ataupun ceramic pipe di mana cukai import dinaikkan daripada 25% kepada 60%, sebagai satu contoh dan beberapa lagi contoh yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Misalnya untuk melindungi kenderaan industri berat seperti trucks yang terpaksa diberi perlindungan daripada 5% kepada 35% ataupun perlindungan yang terpaksa diberi kepada pengeluaran "tissue paper" daripada 5% kepada 35% dan seterusnya perlindungan yang terpaksa diberi untuk "plastic disposable material".

Satu lagi contoh yang besar yang mungkin dibincangkan dengan lebih luas lagi ialah apabila cukai dikenakan terhadap enjin motosikal yang kurang daripada 110 c.c. kuasanya daripada 5% kepada 40% ataupun sekurang-kurangnya \$160 each whichever is the higher, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempersoalkan perlunya untuk kita melindungi industri tempatan. Apabila kita melihat sektor perindustrian di peringkat yang ada pada hari ini dari segi keupayaannya untuk pertama kali tumbuh untuk berkembang dan seterusnya berupaya bertanding dengan import dan mungkin pada satu hari nanti untuk bertanding di pasaran dunia.

Kita memberi perlindungan supaya pelaburan itu terkawal, tidak akan terjejas dengan import yang lebih murah ataupun import di mana kualitinya lebih tinggi lagi. Jadi, kalau sekiranya sesuatu industri seperti "tissue paper" ini hendak diwujudkan supaya pelaburan disalurkan kepada jenis industri tersebut, maka kita terpaksa melindunginya dengan harapan modal dilaburkan, tenaga kerja dapat kerja, pengeluaran dan nilai tambahan dapat diwujudkan dan lama kelamaan apabila ia berupaya untuk bertanding di pasaran tempatan dan di pasaran dunia, maka perlindungan itu akan ditarik sedikit demi sedikit.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, import duti yang diberikan ataupun tarif yang diberikan juga mungkin membawa akibat yang berlainan kerana Malaysia bukanlah satu negeri di mana strategi seperti begini digunakan dan kesannya dapat kita lihat di negara-negara lain terutama sekali kesan yang negatif yang biasanya dirasakan oleh kerana perlindungan seperti begini.

Kita memberi perlindungan pelaburan dibuat, kecekapan tidak dapat dipertingkatkan, apabila tiba pada satu ketika di mana import duty itu terpaksa dikaji semula, maka pihak yang berkenaan yang terlibat dalam industri tersebut sentiasa mendakwa mereka tidak berupaya, maka perlindungan terpaksa terus diberikan dan kejejasan yang dirasakan ialah menyeluruh, kos pengeluaran adalah tinggi, besar kemungkinan dari segi kualiti yang dikeluarkan juga tidak standing. Oleh yang demikian, itulah sebabnya saya katakan bahawa kejejasannya dirasakan secara menyeluruh sama ada dari segi pihak pengguna seperti tissue paper yang terpaksa membeli tissue paper pada harga yang lebih tinggi dibandingkan dengan tissue paper yang boleh didapatkan daripada luar negeri ataupun tissue paper yang lebih rendah nilainya dari segi kualiti dibandingkan dengan tissue paper yang boleh diimport dengan kualiti yang lebih baik.

Kalau kita melihatnya dari segi ekonomi keseluruhannya, kita katakan bahawa sumber-sumber pengeluaran sama ada ianya modal, tenaga mahir, pekerja yang disalurkan kepada industri tersebut adalah berlakunya pembaziran, sewajarnya sumber-sumber pengeluaran tersebut disalurkan kepada sektor ataupun industri lain di mana kita mempunyai kelebihan perbandingan yang lebih tinggi dan kecekapan yang lebih tinggi untuk satu jangka yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini bahawa saya percaya pihak Kementerian sedar tentang perkara ini, bahawa perlindungan ini tidaklah semestinya membawa kesan yang positif sahaja. Ianya kalau tidak diawasi dan kalau tidak dikaji dalam jangka masa tertentu, ianya mungkin berlarutan dan membawa akibat yang menjejaskan ekonomi kita pada

keseluruhannya dan juga kebijakan dan kepentingan pihak pengguna khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu lagi perkara berkaitan dengan import duty ini. Dalam Dewan ini kita sering menyebut tentang betapa perlunya kita mewujudkan satu kerjasama di antara negara-negara ASEAN.

Kita maklum bahawa pasaran di negara kita ini agak terhad. Terhad bukan kerana sahaja kita mempunyai bilangan penduduk yang begitu ramai dari segi jumlah absolutenya, tetapi juga kurang dari segi keupayaan membeli dalam masyarakat dalam jumlah yang ada ini. Oleh yang demikian, kita sentiasa menyarankan supaya keluasan pasaran ini hendaklah melebihi daripada pasaran yang ada dalam negara kita. Oleh yang demikian, kita mengharapkan bahawa pasaran di Indonesia, Thailand dan Filipina itu sama dapat dinikmati oleh pihak-pihak pengeluaran sama ada ianya wujud di negara kita ataupun di negara-negara ASEAN.

Saya ingin menanya pihak Kementerian di sini, sama ada kenaikan import duty ataupun tarif ini membawa kepada arah yang lebih keseirasan ataupun istilah yang mungkin kita gunakan lebih compatible, dengan izin, antara sistem tariff duty ataupun import duty di kalangan negara-negara ASEAN dalam industri-industri tertentu ataupun sektor-sektor tertentu seperti barang-barang yang kita sebutkan sebentar tadi.

Saya ingin menyebut misalnya "engine project" untuk motosikal. Kita tahu daripada negara Jepun motosikal yang terkenal sama ada ia Suzuki, Honda, Yamaha ataupun Kawasaki—empat dan keempat-empat syarikat yang terbesar ini masing-masing mempunyai

kepentingannya bukan sahaja di Malaysia ini, bahkan di seluruh pasaran Asia Tenggara ini.

Kita tahu bahawa satu daripada syarat yang ditentukan oleh Kerajaan pada hari ini ialah mengenai perlunya "engine project" dibuat di Malaysia. Bermakna setiap daripada 4 syarikat ini terpaksa mewujudkan kilang memasang dan kemudian itu membina enjin yang kurang daripada 110 c.c. Ini bermakna kalau sekiranya enjin yang dibawa daripada Jepun, kalau Kawasaki daripada Kobe misalnya, maka dahulunya enjin itu yang dipasang sekadar 5% dutinya, kali ini 40%. Ini bermakna kalau sekiranya Honda membuat enjin di sini supaya mengelakkan daripada cukai sebanyak 40% ataupun \$160 per unit enjin tersebut, maka syarikat yang lain sama ada Suzuki ataupun Yamaha ataupun Kawasaki terpaksa membuat "engine project" di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran yang rasional tidak mungkin setiap daripada syarikat-syarikat tersebut akan membuat "engine project" di Malaysia kerana pasarannya amat terhad dan saya diberitahu bahawa satu "engine project" untuk sekadar memasang dan memproses enjin sahaja memerlukan tak kurang daripada \$60 juta untuk sekadar memasang enjin.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

Saya menjangka bahawa, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa melihat "engine project" ini dalam konteks apa yang disebut dalam buku-buku yang terakhir yang ditulis mengenai perindustrian di peringkat antarabangsa ini, buku-buku seperti "Mega Trend" misalnya yang mengatakan bahawa sekarang ini kita menuju ke arah apa yang dikatakan "globalisation of the industrial structure" ataupun "industrial

production", dengan izin. Maknanya sesuatu komponen, terutama sekali industri pengangkutan, sama ada motokar, enjin pengangkutan berat ataupun motosikal, komponen-komponennya tidak semesti dikeluarkan dalam satu negara, kesemuanya dikeluarkan dalam satu negara dan dipasang oleh negara ataupun industri atau factory tersebut, bahkan sewajarnya apa yang berlaku dan berlaku sekarang, bukan sahaja di Jepun, bahkan di Amerika di mana komponen-komponen itu dibuat di merata dunia dan dipasang di satu tempat. Misalnya, kalau kita melihat macam elektronik, kita dapati bahawa komponennya yang paling mudah sekali dipasang di negara kita berdasarkan kepada buruh yang murah, secara perbandingan, dengan buruh yang ada di negara-negara yang maju. Maka mereka datang ke negara kita pada tahun 70an untuk mewujudkan komponen dalam bentuk "chips", kalau tak salah saya, kerana ianya dikeluarkan di negara kita dengan cara yang paling murah berdasarkan kepada kegunaan buruh yang lebih intensif dibandingkan dengan modal yang perlu digunakan.

Jadi, ini bermakna bahawa kalau "globalisation" industri ini berlaku pada masa sekarang, saya merasakan perlu kita mengkaji semula tentang perkara ini. Saya mengambil contoh yang paling mudah di sini, mengeluarkan enjin motosikal, ada kompeni-kompeni yang telah melabur sebanyak berpuluh juta ringgit untuk mendirikan factory memasang enjin, sekarang ini seolah-olah terperangkap, bukan kerana sahaja terperangkap dengan keadaan ekonomi dunia yang meleset dan ekonomi kita yang tidak menggalakkan, bahkan kos yang amat berat terpaksa ditanggung. Pada hari ini saya mendapat maklumat mengatakan syarikat-syarikat Jepun yang terlibat dalam industri motosikal ini lebih cenderung untuk membuat

komponen-komponen mereka di negeri Thai. Bahkan bukan sahaja Thai yang agak lebih cenderung untuk mereka pergi pada hari ini ialah di Taiwan. Komponen-komponen untuk melengkapkan sesebuah motosikal, mereka lebih cenderung pergi ke Taiwan kerana sama ada kemahiran tenaga kerja sedia ada, memang industri komponen sudah berselerak, agak tinggi dari segi keupayaan mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat "engine project" ini berdasarkan kepada perkara pertama yang saya sebutkan tadi bahawa kita tidak sewajarnya melihat import tariff ini sebagai secara optimistik sahaja, bahkan saya lebih cenderung ke arah melihatnya secara pesimistik kerana lebih selalu daripada biasanya bahawa perlindungan ini akan sentiasa dituntut untuk dipanjangkan kerana tidak ada keupayaan untuk bertanding dengan import.

Yang keduanya, saya menyarankan supaya kita terpaksa mengiraskan ataupun menyelaraskan sistem import duty kita ini dengan negara-negara ASEAN. Saya fikir kalau perlu kita membuat satu titik tolak dalam kerjasama di antara negara ASEAN, sekurang-kurangnya cukai tarif dalam bidang-bidang tertentu hendaklah kita bincang terlebih dahulu supaya proses ASEAN ini, kalau tidak "globalisation", sekurang-kurangnya "Aseanisation", saya gunakan istilah itu, perlu kita mengkaji strategi kita untuk mengenakan cukai import antara satu dengan yang lain, semoga kalau kita hendak mengeluarkan enjin bukan setakat untuk membekalkan enjin motosikal Suzuki untuk pasaran Malaysia sahaja. Sewajarnya apa yang berlaku ialah kita mengeluarkan enjin motosikal Suzuki untuk 4-5 negara dalam ASEAN ini, dengan itu barulah dikatakan ianya wajar dengan pembangunan perindustrian untuk jangka masa yang panjang

berdasarkan kepada kecekapan ekonomi dan juga kecekapan dari segi kejuruteraan. Jadi, kalau sekiranya katakan Suzuki sudah memilih Malaysia sebagai tempat untuk membuat enjinnya, mungkin katakan Yamaha memilih Thailand untuk membuat enjinnya supaya dibekalkan bukan sahaja di Thailand, bahkan di Indonesia, Singapura, Malaysia dan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan di sini dalam soal import duty dan saya percaya pihak Kementerian dengan pegawai-pegawai dan juga penasihat-penasihat yang ada di Kementerian tersebut telah saya percaya maklum tentang perkara ini dan sering membincangkan tentang perkara ini. Pada hari ini kita melihat beberapa cukai yang dicadangkan dipinda untuk dinaikkan. Ada juga pindaan untuk menurunkan dan tidak ada pindaan yang lain, bermakna tidak diubah. Ertinya, ada ketika kita naikkan, ada ketika kita turunkan dan adakalanya kita tak ubah. Ini menimbulkan banyak masalah.

Masalah yang pertama ialah tidak ada ketentuannya dari segi bagaimana sumber-sumber pengeluaran berbentuk modal, tenaga kerja yang mahir, tenaga kerja yang separuh mahir dan seterusnya untuk dibahagi-bahagikan, untuk disalurkan di antara industri-industri yang terlibat tadi di mana cukai import itu dinaikkan dan ada cukai pula yang diturunkan. Kalau kita lihat proses ini satu proses yang dinamik, maknanya berkecelaru pengaliran sumber-sumber pengeluaran itu, pada satu ketika dialih ke satu tempat kerana cukai dinaikkan, pada satu ketika yang lain cukai mungkin diturunkan. Maka ianya kalau tidak berupaya untuk bertanding, maka industri tersebut terpaksa dikurangkan saiznya ataupun kalau kita hendak istilah biasa, dikatakan industri yang akan kecut

turun dari segi saiz kerana tidak berupaya untuk bertanding. Maka kalau ianya terpaksa turun dari segi saiz, maka sumber-sumber pengeluaran yang ada dalam industri tersebut terpaksa beralih kepada industri yang lain pula.

Jadi sentiasa berlaku di situ semata-mata kerana signal atau tanda-tanda tunjuk yang ada adalah berdasarkan kepada pada satu ketika kita naikkan cukai dan satu ketika yang lain kita turunkan cukai. Ertinya di sini ialah, saya mencadangkan supaya sudah tiba masanya di mana pihak Kementerian membuat kajian secara terperinci, cadangan-cadangan yang pernah diutarakan, bukan sahaja di negara ini, bahkan di negara-negara yang lain supaya adanya satu sistem yang dipanggil "Uniform Tariff System", sistem cukai yang uniform, sama ada kita letakkan pada tahap 20% untuk sesuatu sektor ataupun 20% dalam industri tertentu.

Kita bercakap pada hari ini, misalnya, tissue paper, kita bercakap mengenai enjin motosikal, kalau sekiranya kita letakkan kepada satu "band" yang tertentu, misalnya uniform tarif pada kadar 20% ataupun 25%, bermakna di sini kalau sumber-sumber pengeluaran itu hendak mengalir, hendak diubah dari satu sektor kepada satu sektor, ianya sekadar beralih di antara, katakan misalnya, pada industri dan pada sektor di mana cukai adalah pada 20% mungkin mengalir kepada sektor di mana cukainya kepada kadar 50%. Saya mencadangkan di sini supaya pihak Kementerian Kewangan dan saya percaya perkara ini sudah sering dibuat dan dicadangkan kepada pihak Kementerian tersebut supaya mengkaji logik dan rationalnya membuat satu sistem tarif yang uniform, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya bangkitkan rasa saya boleh dirujuk dengan

pengalaman yang dirasakan oleh negara-negara yang telah maju, sama ada ianya maju berdasarkan kepada program perlindungan seperti yang kita buat pada hari ini ataupun tidak. Ataupun mereka lebih cepat membangun lebih berupaya akhirnya untuk bertanding dari segi kos, dari segi kecekapan, dari segi kualiti barang yang dikeluarkan, bukan berdasarkan kepada perlindungan yang pernah diberi kepada industri-industri mereka pada satu ketika dahulu tetapi berdasarkan kepada nasihat-nasihat mereka menarik balik perlindungan tersebut dan membiarkan sahaja pembangunan sektor industri berdasarkan kepada keupayaan yang secara perbandingannya adalah lebih kuat di negara-negara tersebut seperti di Korea Selatan ataupun di Taiwan ataupun juga di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hujah-hujah yang dapat saya berikan mengenai usul yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan untuk meminda beberapa Duti Kastam yang telah disenaraikan. Berdasarkan kepada hujah-hujah tersebut, saya percaya pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengkajinya dan dengan cadangan-cadangan tersebut, saya menyokong usul untuk meminda Duti-duti Kastam tersebut. Sekian, terima kasih.

4.14 ptg.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan (Bukit Gantang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, yang membenarkan saya untuk turut serta membahaskan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan agar Perintah Duti Kastam ini disahkan di Sidang Parlimen pada kali ini.

Saya sesungguhnya ingin turut serta menyokong agar kesemua Perintah Duti Kastam yang telah pun

dibentangkan sebentar tadi diterima dan disahkan selepas ini. Di atas pembentangan tadi, jelas menunjukkan bahawasanya Kerajaan benar-benar dan sungguh-sungguh berusaha untuk mempertingkatkan dasar Kerajaan bagi mengindustrialisekan negara kita dengan menukar dan memindah beberapa perintah daripada segi menaikkan duti import untuk melindungi industri-industri tempatan serta juga setengah-setengah perintah bagi menghapuskan duti eksport bagi menggalakkan pekeksportan barangan yang dibuat dalam negara.

Dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan industrialisation di negara kita, terdapat juga pada hemat saya beberapa perkara yang perlu diambil kira oleh pihak Kerajaan supaya dapat diperketatkan lagi serta diperbaiki lagi usaha-usaha ke arah industrialisation di negara kita. Dari segi perlindungan kepada industri-industri tempatan, memanglah kita bersetuju dan patutlah sangat pihak Kerajaan mengamalkan dasar perlindungan ataupun dasar protectionism di negara kita. Berkenaan dengan industri-industri tempatan, walaupun pada umumnya di platform-platform antarabangsa, negara kita sebagai negara yang membangun kadangkala menyuarakan tentang bantahan kita terhadap dasar perlindungan yang dibawa oleh negara-negara yang lebih maju, tetapi sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita terpaksa mengamalkan juga sistem ataupun dasar perlindungan ini agar pengusahawan-pengusahawan ataupun kilang-kilang yang sedia wujud dalam negara kita ini akan dapat terus hidup maju dan menghasilkan barangan-barangan untuk kegunaan tempatan mahupun untuk dieksport. Pada umumnya, saya menyokong penuh dasar Kerajaan bagi melindungi setengah-setengah industri bagi kepentingan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan untuk melindungi setengah-setengah industri, masih terdapat juga lagi setengah-setengah industri yang lain pula yang tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya. Walaupun kita dengar tadi banyak perkara yang telah pun disebut melalui perintah-perintah yang berkenaan tentang berbagai-bagai kenaikan duti import bagi bahan-bahan yang tertentu untuk melindungi industri kita, tetapi saya ingin memberi sedikit pengalaman peribadi dalam dua tiga perkara ataupun dua tiga barangan yang dibuat di negara kita yang mana masih lagi belum mendapat perlindungan daripada pihak Kerajaan yang mana patut sangat pihak Kerajaan mengambil perhatian tentang perkara-perkara ini.

Yang pertamanya, lebihkurang 7, 8 tahun yang lampau, pihak saya ada menyertai satu usaha untuk membuat atau manufacture sejenis plastik yang dipanggil "bakelight", dengan izin, di Ipoh yang mana pada ketika itu, factory itu merupakan factory yang ulung-ulung kalinya membuat atau mengadakan pembuatan bakelight dalam negara kita ini. Oleh kerana ia merupakan satu sahaja kilang yang membuat bahan bakelight ini untuk kegunaan di bidang industri telecommunication, industri elektrik, sepatutnya lain-lain syarikat tempatan yang mengeluarkan barangan-barangan elektrik dan sebagainya mengambil bahan mentah ini daripada syarikat yang diterajui oleh pihak kami, di Ipoh. Tetapi malangnya pada ketika itu, malah hingga ke hari ini, syarikat-syarikat yang lain itu yang membuat alat-alat elektrik dan sebagainya tidak dapat menggunakan bahan ini secara menyeluruh. Kononnya bahan yang dibuat di negara kita ini di Ipoh tidak mempunyai pengiktirafan daripada SIRIM yang mana membuat penganalisan dan memberi pengiktirafan daripada segi mutu

keluaran mana-mana kilang yang berkenaan.

Pihak kami telah berusaha daripada mulanya untuk mendapatkan pihak SIRIM membuat kajian dan mengeluarkan nilainya supaya ianya dapat diiktiraf oleh SIRIM agar mudah dapat digunakan oleh lain-lain kilang bahan yang dikeluarkan oleh syarikat kami.

Malangnya daripada mula hingga ke hari ini SIRIM tidak ada berkeupayaan untuk menganalisa dan memproses bahan yang dikeluarkan oleh syarikat yang berkenaan. Maka tahun demi tahun syarikat ini mengalami kerugian yang begitu besar dan hingga ke hari ini masih belum dapat menghasilkan keuntungan yang sepatutnya sudah lama didapati oleh kerana ia merupakan hanya satu-satunya sahaja kilang yang mengeluarkan bahan "bakelite". Tetapi malangnya pihak SIRIM tidak dapat membuat kajian dan mengeluarkan pengiktirafannya. Ini adalah satu perkara yang pada hemat saya yang merugikan terutamanya pihak pengusaha tempatan yang telah menaburkan banyak wang ringgit untuk mewujudkan sebuah kilang yang mana telah wujud begitu lama, tetapi pihak Kerajaan tidak mampu untuk membantu sesuatu bagi memastikan kehidupan dan, dengan izin, viability projek pembuatan "bakelite" yang saya sebutkan tadi. Malah kebanyakan kilang-kilang yang sedia ada yang membuat bahan-bahan elektrik masih lagi mengimport "bakelite" daripada seluruh dunia dengan begitu berleluasa yang ini telah menambahkan lagi kerumitan bagi pengilang tempatan. Kerajaan patut memikirkan agar duti import untuk bahan ini dinaikkan lebih tinggi lagi dan pengiktirafan SIRIM patut disegerakan agar sebuah lagi kilang tempatan dapat mempunyai masa yang lebih cerah pada masa-masa muka.

Begitu juga masalahnya tentang pembuatan prestressed steel wires, dengan izin, ataupun ropes yang mana pihak saya juga ada pengalaman yang mana hanya wujud sebuah sahaja kilang yang memproses untuk mengeluarkan bahan yang berkenaan yang digunakan hingga sebegitu luas dalam bidang construction dan pembuatan seperti titi-titi besar ataupun bangunan-bangunan tinggi yang mana kita telah pun mempunyai kemahiran untuk mengeluarkan, dengan izin, prestressed concrete wires and strands ini di kilang kita dan juga bertempat di Ipoh, negeri Perak. Tetapi malangnya dengan tidak ada sesuatu perlindungan yang menyeluruh terdapat banyak negara-negara luar seperti Korea Selatan, Jepun, Taiwan membawa dan mengedumpkan dengan begitu banyak bahan-bahan yang serupa ini dengan harga yang paling murah dan tidak mampu ditandingi oleh pihak pengusaha tempatan dan ini juga telah melemahkan prestasi dan keuntungan sebuah lagi industri dan kilang yang diusaha, dipunyai dan diuruskan hampir 100% oleh pihak pengusahawan tempatan. Maka ini satu lagi cerita sedih yang mana perlindungan itu tidak dapat dibuat secara menyeluruh menyebabkan syarikat berkenaan terpaksa mengalami banyak kerumitan dan menanggung banyak kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, itu daripada segi perlindungan yang mana saya sendiri mempunyai pengalaman yang sepatut pihak Kerajaan mengambil perhatian agar akan dapatlah kita menggalakkan dengan seberapa kuat yang kita boleh pengusaha-pengusaha tempatan dan pengilang-pengilang tempatan untuk lebih minat lagi melaburkan wang ringgit mereka, kemahiran mereka, pengetahuan mereka untuk mewujudkan lagi banyak kilang-kilang atau gudang-gudang yang besar-besar yang lebih berbagai-bagai lagi agar kita akan dapat

wujudkan sebuah negara yang benar-benar maju dalam bidang perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya pula ingin beralih kepada usaha Kerajaan untuk menggalakkan eksport barang-barang tempatan ke pasaran antarabangsa dengan menghapuskan duti eksport pada barang-barang yang tertentu, seperti yang telah pun disebut dalam pembentangan perintah-perintah ini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Seperti telur ayam yang kita tahu berkelebihan dalam pasaran dan pihak Kerajaan telah pun begitu bertanggungjawab dalam hal ini. Kita ucapkan tahniah kerana Kerajaan telah pun menghapuskan duti eksport kepada telur ayam. Kita ketahui juga bahawa ibu ayam dan bapa ayam pun masih juga benda yang berkelebihan dalam negara. Saya kurang pasti sama ada duti eksport untuk bahan makanan telah pun dihapuskan ataupun tidak. Saya fikir ianya patut dihapuskan oleh kerana kita setakat ini mempunyai keadaan mana ayam-ayam berlebihan dalam pasaran.

Satu lagi perkara yang telah pun timbul ialah berkenaan dengan tayar yang telah pun disebut di mana tidak lama dahulu kita dengar bahawa Kerajaan berhasrat untuk Malaysia menjadi pengeluar tayar yang terbesar di dunia selepas kita mengambilalih equiti majoriti dalam Dunlop dan sebagainya. Kita ingin tahu juga apakah prestasi pengeluaran tayar dalam negara kita ini pada peringkat ini dan apakah pula pihak Kerajaan atau Kementerian merancang untuk menghapuskan duti eksport pada tayar yang dibuat dalam negara kita ini agar kita akan dapat dengan sebenarnya menjadi pengeluar tayar yang terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pihak Kerajaan menghapuskan duti eksport kepada

barangan yang tertentu, saya fikir juga pihak Kerajaan dalam usahanya untuk menggalakkan lagi eksport barangan-barangan pembuatan yang dibuat dalam negara kita ini, lebih-lebih lagi manufactured goods, dengan izin, pihak Kerajaan juga perlu selain daripada menghapuskan duti export juga memikirkan untuk mencari jalan bagi mensubsidisekan ataupun memberi subsidi harga barangan tempatan untuk dipasarkan ke pasaran antarabangsa. Oleh kerana ini juga perlu buat permulaannya mungkin kita menghendakkan pihak Kerajaan mensubsidisekan harga-harga barangan untuk dieksport bagi kita bertanding dan bersaing dengan pengeluar-pengeluar gergasi yang sedia ada di seluruh negara seperti daripada Jepun, South Korea, Taiwan dan di negara-negara Barat yang mana telah pun lama telah jauh ke hadapan dari segi prestasi mereka daripada negara pengeluar.

Bagi kita yang baru-baru sahaja ingin menceburi diri dalam bidang perniagaan antarabangsa, saya fikir pihak Kerajaan perlu berusaha walaupun keadaan agak sukar dalam keadaan ekonomi masa sekarang ini tetapi sesuatu jumlah peruntukan perlu juga dipertimbangkan agar dapat pihak Kerajaan mensubsidisekan harga-harga barangan untuk dieksport agar adalah "chance", dengan izin, adalah peluang sedikit bagi barang-barang kita untuk bersaing dengan barang keluaran negara lain, agar dapatlah kita diperkenal mula-mulanya di pasaran antarabangsa sebagai pengeluar bahan-bahan yang bukan sahaja berkualiti, malah dengan harga yang begitu kompetitif.

Saya fikir tanpa subsidi daripada pihak Kerajaan mungkin payah (impossible) untuk negara kita untuk bersaing dengan harga-harga barang-barang yang dibuat di dalam negara kita ini dengan barang-barang yang sama yang dibuat oleh negara-negara

yang telah lebih lama, lebih dahulu dan lebih maju dalam bidang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan yang telah berusaha mewujudkan berbagai-bagai usaha bagi menggalakkan pertumbuhan industri dan juga bagi menggalakkan negara kita mengeksport barang-barang tempatan dan kita harap pihak Kementerian akan terus berusaha dari masa ke semasa untuk mengenalpastikan selain daripada kita menarik pelabur-pelabur daripada negara-negara luar, pelabur-pelabur asing, kita juga perlu menarik dan menggalakkan pelabur-pelabur tempatan untuk terus melabur dalam negaranya sendiri.

Maka segala usaha untuk memperkukuhkan kestabilan politik, kestabilan ekonomi dalam negara mesti diberi perhatian yang terpenting, yang terpokok sekali serta dasar-dasar dalam dan luar negeri perlu mencerminkan yang negara kita benar-benar sihat, benar-benar kuat, benar-benar baik bagi pihak pelabur-pelabur untuk datang dan seterusnya melabur dan mendirikan berbagai-bagai industri dalam negara yang tercinta ini.

Dengan adanya usaha yang gigih, yang berterusan, yang bersungguh-sungguh dan dengan iklim dan dasar yang baik dan sempurnakan, saya yakin dan saya percaya dengan adanya dasar dan dengan adanya political commitment yang ditunjukkan oleh pucuk pimpinan negara, kita tidak lama lagi akan muncul sebagai sebuah negara industri yang paling kuat di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sudahilah ucapan saya ini dan pandangan saya ini berkenaan syor-syor yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan

sekali lagi menyokong agar cadangan-cadangan berkenaan dengan Perintah Duti Kastam itu diterima dan disahkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.35 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil sedikit perbincangan dan menyokong di atas cadangan yang telah dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan berhubung dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1966 yang mana Kertas-kertas Status Bil. 41 hingga 67 yang dibentangkan semalam dan hingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana pandangan rakan-rakan saya yang telah berucap dahulu daripada saya tadi, saya juga ingin memberi sedikit pandangan supaya pihak Kerajaan kita sungguhpun pindaan-pindaan akan dibuat, kita mengharapkan supaya pindaan-pindaan dibuat akan menyenangkan bagi pihak industri dan juga pengeluar-pengeluar dan di samping itu orang ramai untuk mendapat faedah-faedah di antara kedua belah pihak. Di sini saya memandangkan Perintah-perintah Duti ini yang meliputi. . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun atas apa?

**Dr Eng Seng Chai:** Sila ambil perhatian Tuan Yang di-Pertua, bahawa kuorum tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila bilang. 18 orang! Tidak cukup kuorum. Sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, 34 Ahli hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** 34 Ahli hadir, sudah cukup kuorum. Sila Yang Berhormat dari Lembah Pantai teruskan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada rakan-rakan yang telah keluar dan masuk balik ke dalam.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, saya ulangi lagi, saya mengambil memandangkan Perintah untuk Kastam Duti ini adalah salah satunya sama ada luar ataupun dalam, export dan import, dan begitu juga di dalam negara kita sendiri. Kita sedia maklum berhubung dengan kilang-kilang khususnya di Kuala Lumpur ada juga banyak kilang-kilang haram yang mana mereka ini mendapat keuntungan yang begitu banyak tanpa cukai-cukai yang diambil oleh pihak Kerajaan kerana secara haram dan pihak Kerajaan ataupun pihak Majlis-majlis Tempatan ataupun Perbandaran tidak dapat mencari jalan dan di sini saya bagi mengelakkan untuk mendapatkan sedikit sebanyak hasil-hasil dalam negara kita.

Saya rasa kilang haram ini juga, sebagaimana ada juga dua, tiga kali dalam Dewan ini yang saya menyebutkan, supaya pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak Majlis-majlis Tempatan dapat memberikan kilang-kilang haram satu lesen-lesen sementara dan dengan adanya lesen-lesen ini rasa saya pihak Kerajaan tahu apa perniagaan yang mereka buat, yang mereka jalankan dan di samping itu pihak Kastam dan pihak Kerajaan dapat mencari jalan dan mendapat sedikit sebanyak hasil daripada pengeluaran mereka itu.

Soalan-soalan yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kita membanyakkan lagi

pelancong-pelancong di dalam negara kita ini datang untuk membeli belah, saya mencadangkan iaitu kita mengharapkan pihak-pihak pengeluaran industri-industri dalam negara kita ini supaya dapat menurunkan harga-harga barang-barang tempatan yang mana barang-barang itu rasa saya boleh dikatakan keseluruhannya adalah bahan-bahan dalam negara kita ini sendiri. Umpamanya tayar-tayar kereta ataupun tayar basikal dan sebagainya kalau dibandingkan di negara jiran kita Singapura lebih murah harga-harga itu daripada negara kita ini. Rasa saya kalau kita dapat kurangkan harga-harga ini kemungkinan orang-orang dari Kuala Lumpur ataupun di Malaysia ini tidak akan pergi membeli belah di sana dan sebaliknya mereka akan dapat datang ke sini, dengan keadaan ini duti-duti kastam ini rasa saya dapat sedikit sebanyak hasilnya. Dan begitu juga dalam perkara-perkara yang lain umpamanya keluaran daripada getah dalam negara kita ini, umpamanya tilam-tilam getah dan sebagainya kalau dibandingkan di negara-negara luar rasa saya negara kita yang mengeluarkan sendiri, harganya begitu mahal, begitu tinggi dibandingkan dengan dalam negara-negara lain.

Di samping itu juga saya mengharapkan pihak Kerajaan yang bertanggungjawab dalam soal ini supaya dapat melonggarkan sedikit duti eksport kepada pengeluar-pengeluar yang hendak mengeksport barang-barang keluaran mereka ke luar negeri supaya mendapat pasaran di luar negeri. Kita melihat keadaan sebagaimana saya sebutkan barang-barang keluaran kita begitu banyak hasilnya, tetapi di luar negeri jarang sangat kita lihat hasil-hasil daripada pembuatan atau products daripada negara kita ini yang kita lihat di luar negeri jika dibandingkan dengan negeri-negeri jiran kita sendiri, umpamanya buah-buah di dalam tin

untuk dieksport ke luar negeri seperti rambutan, nenas dan sebagainya kita lihat labelnya di luar negeri bukan diimport daripada Malaysia tetapi daripada negara jiran kita Singapura, sedangkan bahan-bahan inilah boleh dikatakan datang dari negara kita.

Oleh itu rasa saya ini ada kesilapan kemungkinan; mana kesilapan-kesilapan dengan keadaan-keadaan cukai dan sebagainya kemungkinan ini akan berlaku. Saya tidak berapa faham dalam soal ini tetapi kemungkinan ini ada sedikit sebanyak ada berlaku dengan keadaan ini barang-barang yang saya sebutkan tadi tidak mendapat galakan.

Dan begitu juga kita mengharapkan pihak Kerajaan untuk mendapatkan lebih banyak lagi barang-barang kita dieksport ke luar negeri supaya dibaiki umpamanya pelekat-pelekat atau label-label daripada tin-tin itu supaya dapat menarik perhatian dengan lebih baik dengan tulisan-tulisan kalau kemungkinan kita akan hantar ke luar negeri umpamanya di Saudi Arabia kita akan menulis perkataan Arab dan kepada negara-negara lain kita tulis dengan perkataan dari bahasa-bahasa negara itu sendiri. Dan kemungkinan ini akan menambahkan lagi pasaran di samping mendapat tambahan duti-duti kastam yang kita kehendaki ini.

Jadi, oleh kerana itu dalam masalah ini kita mengharapkan dapatlah pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan sungguhpun pihak Menteri, Timbalan Menteri telah mencadangkan ini satu daya usaha yang begitu baik rasa saya ada yang turun dan ada yang naik cukai sebagaimana yang ada di dalam statut di hadapan saya ini yang tidak dapat dibaca begitu banyak, saya rasa ini akan meringankan lagi dan mendapat hasil dalam negara kita ini.

Oleh itu dengan keadaan ini saya bersama-sama menyokong atas masalah yang dicadangkan yang telah

pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan ini saya menyokong di atas cadangan-cadangan yang telah dibuat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*4.44 ptg.*

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat dari Ledang, Bukit Gantang dan Lembah Pantai yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Usul ini. Mungkin saya tidak dapat menyentuh atau memberi jawapan atas semua perkara atau hujah yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang tadi telah membangkitkan perasaan kebimbangan beliau atas Perintah-perintah Duti Kastam yang dikeluarkan untuk melindungi pengeluaran-pengeluaran atau pengilang-pengilang tempaan yang ada di dalam negara kita ini.

Saya ingin di sini menjelaskan bahawa sesuatu pengilang atau pengeluaran tempaan jikalau mereka diberikan perlindungan pada masa ini, itu tidak bermakna bahawa perlindungan yang diberikan kepada mereka itu dapat menikmati selamanya. Ertinya Kerajaan kita khasnya, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengulang kaji keadaan pasaran dalam negara kita ini dan juga keadaan kewangan yang dihadapi oleh pengilang-pengilang masing-masing. Jikalau keadaan pasaran itu bertambah baik, jadi perlindungan yang diberikan dahulu akan ditarik balik. Jikalau keadaan itu

tidak bertambah baik, masih sama dengan dahulu perlindungan itu akan dikekalkan.

Di sini saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa keputusan atas sama ada perlindungan akan diberikan atau perlindungan yang telah diberikan dahulu akan ditarik balik atau dikekalkan semua keputusan ini akan dibuat oleh satu jawatankuasa, namanya Jawatankuasa Penasihat Khas Berkenaan Tarif di mana pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga MIDA, mereka duduk bersama-sama untuk mengkaji sama ada sesuatu perlindungan itu hendak ditarik balik atau dikekalkan.

Di sini saya bagi pihak Kerajaan memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ledang bahawa beliau tidak payah bimbang, Kerajaan akan menentukan bahawa apa-apa perlindungan yang diberikan kepada mereka akan diulangkaji dari masa ke semasa supaya pengguna-pengguna di dalam negara kita ini tidak akan menghadapi masalah.

Kerajaan juga sentiasa berwaspada supaya perlindungan yang diberi tidak mewujudkan satu keadaan di mana industri yang dilindungi itu tetap menjadi infant industry. Jadi, seperti apa yang saya katakan tadi perlindungan-perlindungan akan dikaji dari masa ke semasa supaya pengguna-pengguna dalam negara kita ini dapat dibela.

Cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan wujudnya kerjasama dari segi penyelarasan kod-kod tarif dengan negara-negara ASEAN telah diambil perhatian oleh Kerajaan kita ini dan akan dikaji oleh Perbendaharaan Malaysia. Saya, bagi pihak Kerajaan mengambil perhatian tentang cadangan enjin motosikal untuk ASEAN dan ia juga akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa kerjasama dari segi pasaran di antara negara-negara ASEAN memang telah sedia ada dan dilaksanakan di bawah Preferential Trading Arrangement, dengan izin, di mana negara-negara ASEAN diberi keistimewaan yang tertentu dari segi tarif untuk tujuan perluasan pasaran.

Senarai barang-barang di bawah Preferential Trading Arrangement ini, dengan izin, pun juga sentiasa diulangkaji dari masa ke semasa khususnya dari segi memperbanyakkan barang-barang di bawah skim ini. Masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gantang adalah berkaitan dengan SIRIM dan keluaran yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu namanya adalah "Bakelite", kalau saya tidak silap. Plastik itu adalah plastik untuk membuat barangan-barangan berkaitan dengan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya barang ini dikeluarkan, iaitu "Bakelite", mendapat kelulusan SIRIM kalau barangan itu telah dapat kelulusan SIRIM, ia boleh menulis kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan perlindungan. Seperti apa yang saya katakan, Kerajaan negara kita ini haruslah memberi perlindungan atau satu keadaan yang istimewa kepada pengilang-pengilang utama di negara kita ini supaya mereka dapat menghadapi masalah-masalah yang begitu banyak pada tempoh awal-awal mereka mengadakan kilang itu. Jadi, jikalau bahan itu atau keluaran itu dapat kelulusan SIRIM, syarikat yang berkenaan haruslah menulis kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan akan menimbang untuk memberikan perlindungan. Berkenaan dengan industri "pre-stressed steel", dengan izin, industri ini telah diberi perlindungan, halangan import. Walau bagaimanapun, setahu saya setengah-setengah gred pre-stressed steel yang

tertentu tidak dapat dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan dan oleh kerana itu dibenarkan diimport daripada luar negeri dan saya anggap ini adalah satu langkah yang baik. Gred-gred yang tidak dapat dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar dalam negara kita ini haruslah diluluskan untuk diimport dari luar negeri seperti apa yang tadi saya bentangkan, solid tyre, itu adalah sejenis tyre yang tidak dapat dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan dan oleh kerana itu pengguna-pengguna solid tyre itu tidak haruslah dikenakan cukai yang begitu tinggi, tidak wajar dan tidaklah adil dan saksama kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu industri dalam negara ini, Kerajaan sentiasa memberi beberapa galakan seperti pengurangan cukai ke atas import atau bahan-bahan mentah untuk barang-barang siap yang akan dieksport.

Saya tidak dapat menjawab semua hujjah-hujjah atau pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat, tetapi semua pandangan-pandangan atau teguran-teguran yang dibangkitkan tadi telah dicatat oleh pegawai-pegawai Kementerian Kewangan dan juga pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil di masa hadapan kelak.

Sekali lagi saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan dengan ini saya sekali lagi mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 43) 1986;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 44) 1986;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 45) 1986;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 46) 1986;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 47) 1986;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 49) 1986;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1986;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1986;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 52) 1986;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1986;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1986;
- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1986;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1986;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1986;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1986;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1986;
- (xvii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1987;
- (xviii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1987;

- (xix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1987;
- (xx) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1987;
- (xxi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1987;
- (xxii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6) 1987;
- (xxiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7) 1987;
- (xxiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8) 1987;
- (xxv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1987;
- (xxvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bilangan 41, 42, 43, 44, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66 dan 67 tahun 1987 disahkan.

#### AKTA EKSAIS 1967

4.53 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10) 1986;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1986;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 12) 1986;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 13) 1986;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1987;
- (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas statut bil. 68 hingga 73 tahun 1987 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10), (No. 11) dan (No. 12) 1986 serta (No. 1) dan (No. 2) 1987 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti eksais ke atas beberapa barang petroleum berikutan satu-satu kajian harga barang-barang petroleum pada bulan sebelumnya. Perintah-perintah ini adalah selaras dengan pindaan yang telah dibuat dalam Perintah Duti Kastam.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 13) 1986 pula adalah bertujuan untuk meminda diskripsi di bawah butiran 12.1 daripada "cigarette lighters non-refillable/disposable", dengan izin, menjadi "cigarette lighters of artificial plastic material", dengan izin. Perintah ini dibuat adalah bertujuan untuk menyalurkan dengan pindaan yang telah dibuat di dalam Perintah Duti Kastam.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh

subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10) 1986;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1986;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 12) 1986;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 13) 1986;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1987;
- (vi) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1987;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 68, 69, 70, 71, 72 dan 73 tahun 1987 disahkan.

## AKTA CUKAI JUALAN, 1972

5.02 ptg.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) Seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972 Perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 1986 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 46 Tahun 1987 disahkan.

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 1986 ini adalah bertujuan untuk membetulkan kod tarif bagi "rice wine", dengan izin, dengan menempatkannya di bawah kod tarif yang sama dengan "sake" iaitu 22 07 200. Ini disebabkan bahawa kedua-dua jenis barangan ini adalah barangan yang sama.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 15, Akta Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 1986 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 46 Tahun 1987 disahkan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 yang dicadangkan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubung dengan hakcipta dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, serta memansuhkan Akta Hakcipta, 1969 yang sedia ada.

Tujuan Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 ini adalah untuk menentukan perlindungan hakcipta terjamin dan memenuhi perkembangan-perkembangan semasa dalam industri, supaya pengarang, seniman dan karyawan-karyawan lainnya dapat menikmati faedah atau imbuhan daripada penggunaan karya-karya masing-masing bagi mendorong mereka untuk lebih kreatif dalam menghasilkan karya yang berguna kepada bangsa dan negara, serta membolehkan industri-industri berkaitan berkembang dengan sehat.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu karya, baik dalam bentuk sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi atau siaran, adalah dianggap sama dengan harta-benda lain, yang mana penciptanya atau pemiliknya mempunyai hak-hak dari segi ekonomi dan moral ke atas karya-karya yang mereka hasilkan dan hak-hak ini perlulah ditentukan dan dilindungi oleh undang-undang.

Undang-undang yang menentukan dan melindungi hak-hak pencipta yang berkuatkuasa di seluruh negara pada masa ini ialah Akta Hakcipta, 1969. Perkembangan pesat dalam sains dan teknologi, khususnya di bidang penyalinan semula (reproduction), penyiaran dan penyiaran kepada umum telah menyebabkan Akta Hakcipta, 1969 yang berkuatkuasa mulai 1hb Ogos, 1969 ini tidak lagi memenuhi perkembangan-perkembangan semasa dalam industri berkenaan. Pihak-pihak yang terlibat iaitu para karyawan dan industri-industri berkaitan, khususnya industri percetakan dan penerbitan buku, muzik, perfileman dan perakaman bunyi, telah menggesa Kerajaan supaya mengemaskinikan undang-undang berhubung dengan hakcipta ini.

Penggubalan Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 ini dibuat selepas

beberapa perbincangan dengan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta wakil-wakil daripada pihak-pihak swasta seperti Majlis Peguam, Lembaga Arkitek, Dewan-dewan Perniagaan, Persatuan Pemuzik, Persatuan Penyanyi, Persatuan Seniman, Persatuan Penerbit Filem, Persatuan Penerbit-penerbit Buku, Persatuan Pengeluar dan Pengedar Pita Video, Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga badan-badan antarabangsa seperti World Intellectual Property Organisation (WIPO).

Semasa Rang Undang-undang ini masih di peringkat penggubalan, pihak-pihak yang terlibat dalam bidang hakcipta telah juga diminta memberi pandangan, ulasan dan cadangan balas. Secara keseluruhannya, semua pihak yang terlibat, baik dari kalangan Kerajaan mahupun swasta atau orang perseorangan telah menyambut baik peruntukan-peruntukan yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama yang dicadang di dalam Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini dan perbandingannya dengan peruntukan-peruntukan yang didapati di dalam Akta Hakcipta 1969.

Pertamanya, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan satu takrif baru karya sastera supaya meliputi juga program komputer atau penyusunan program komputer dan seterusnya memberi perlindungan hakcipta kepada program komputer. Di bawah Akta Hakcipta 1969, peruntukan berhubung dengan perlindungan hakcipta ke atas program komputer adalah tidak jelas. Ini telah menyebabkan karyawan-karyawan tempatan merasakan was-was untuk menyebar dan memasarkan program-program komputer ciptaan mereka kerana khuatir mereka tidak dilindungi

oleh undang-undang. Dengan cadangan ini, golongan profesional dalam program komputer akan berupaya menghasilkan program-program komputer dengan lebih kreatif kerana hak-hak ke atas karya mereka dilindungi oleh undang-undang.

Kedua, Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya prosedur bagi karya rakaman bunyi mendapatkan perlindungan hakcipta disamakan dengan karya-karya lain seperti karya muzik, seni atau filem. Mengikut Akta Hakcipta 1969, karya rakaman bunyi hanya layak diberi perlindungan hakcipta jika ianya diperbuat di Malaysia, sedangkan syarat ini tidak dikenakan ke atas karya muzik, seni atau filem. Dengan cadangan ini, ketidakseimbangan tersebut dapat dihapuskan.

Ketiga, penguatkuasaan Akta hakcipta 1969 adalah di bawah bidang kuasa polis. Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan iaitu pada masa ini Menteri Perdagangan dan Perindustrian, diberi kuasa untuk melantik seorang Pegawai Hakcipta dan beberapa orang Timbalan Pegawai Hakcipta dan Penolong Pegawai Hakcipta untuk menguatkuasakan Undang-undang Hakcipta ini. Peruntukan-peruntukan juga dicadangkan untuk menentukan kuasa-kuasa pegawai-pegawai yang dilantik itu. Pemindahan kuasa ini bertujuan supaya penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan hakcipta dapat dilaksanakan dengan lebih kemas, teratur dan berkesan, di samping mewujudkan satu pasukan pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang hakcipta. Dengan pemindahan kuasa ini juga pihak polis dijangkakan dapat meneruskan perhatian sepenuhnya kepada jenayah-jenayah yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, urusan-urusan yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta juga dipermudahkan seperti waran yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walaupun terdapat kecacatan atau kesilapan di dalam waran tersebut. Berhubung dengan pemeriksaan salinan-salinan langgaran yang dirampas, adalah mencukupi untuk membuka dan memeriksa hanya satu peratus atau mana-mana lima salinan dalam tiap-tiap satu bungkusan atau bekas dan salinan-salinan yang selebihnya yang didapati di dalam bungkusan atau bekas itu adalah dianggap sama jenisnya dengan salinan-salinan yang telah diperiksa.

Keempat, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini memperluaskan peruntukan-peruntukan am mengenai karya-karya yang layak mendapat hakcipta, dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum karya-karya boleh dilindungi oleh hakcipta. Peruntukan mengenai hak-hak eksklusif pencipta juga diperluaskan untuk meliputi bukan sahaja pengeluaran semula, penyampaian kepada awam dan siaran, tetapi juga perhubungan melalui kabel dan pengedaran kepada awam bagi keseluruhan atau sebahagian besar karyanya, sama ada dalam bentuk asal atau terbitan. Di bawah Akta Hakcipta 1969, hak-hak pencipta untuk membantah terhadap apa-apa pindaan, mengubah rupa (distort), Tuan Yang di-Pertua, mencatat (multilate) karyanya yang mengakibatkan maruhnya terjejas, adalah wujud selama hayat pencipta sahaja. Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya hak-hak tersebut wujud untuk selama-lamanya.

Kelima, Rang Undang-undang ini mencadangkan supaya perlindungan hakcipta diberi kepada karya-karya yang diterbitkan semula oleh penerbit-penerbit di negara ini. Jangkamasa hakcipta bagi karya-karya tersebut

ialah 50 tahun. Peruntukan ini akan mendorong penerbit-penerbit untuk menerbitkan karya-karya di negara ini dan seterusnya memperkembangkan industri percetakan dan juga memperbanyakkan bahan-bahan bacaan. Peruntukan ini tidak terdapat di dalam Akta Hakcipta 1969.

Keenam, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya perlindungan hakcipta diberi kepada karya-karya yang diterbitkan/dibuat di dalam negara ini tidak kira sama ada penciptanya bukan merupakan warganegara Malaysia ataupun pemastautin tetap di negara ini. Seperti karya-karya lain jangkamasa perlindungan ialah 50 tahun. Cadangan ini akan menggalakkan perkembangan karya di negara ini. Peruntukan yang sedemikian tidak terdapat di dalam Akta Hakcipta 1969.

Ketujuh, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini juga mencadangkan supaya maksud perlakuan urusan yang wajar (fair dealing), Tuan Yang di-Pertua, diperluaskan untuk merangkumi apa-apa kegunaan sesuatu karya bagi maksud memberi nasihat profesional oleh seorang peguam dan apa-apa kegunaan sesuatu karya oleh mana-mana perpustakaan negeri dan institusi profesional.

Kelapan, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan supaya jangkamasa perlindungan bagi sesuatu karya dilanjutkan bagi membolehkan pencipta-pencipta dan ahli-ahli keluarga mereka menikmati faedah atau imbuhan dari penggunaan karya-karya yang mereka hasilkan. Lanjutan perlindungan yang dicadangkan ialah daripada 25 tahun kepada 50 tahun bagi semua jenis karya yang mempunyai perlindungan hakcipta.

Kesembilan, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini juga mencadangkan peruntukan-peruntukan yang

menentukan perlakuan-perlakuan yang dianggap sebagai perlanggaran hakcipta. Denda dan hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang sabit kesalahannya, dicadangkan supaya ditambah seperti berikut:

- (a) tidak melebihi \$10,000 bagi setiap salinan langgaran, atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya, dan bagi apa-apa kesalahan kali kedua atau kemudiannya, denda tidak melebihi \$20,000 bagi setiap salinan langgaran, atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 10 tahun, atau kedua-duanya;
- (b) bagi kesalahan membuat atau ada dalam miliknya apa-apa perekaan (contrivance), yang boleh digunakan untuk membuat salinan langgaran akan dikenakan denda sebanyak \$20,000 bagi setiap perekaan, atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan kali kedua atau kemudiannya, denda tidak melebihi \$40,000 bagi setiap perekaan atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya; dan
- (c) bagi kesalahan-kesalahan yang baginya tiada penalti khas diperuntukkan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi \$25,000 atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.

Hak denda maksimum \$100,000 yang diperuntukkan di bawah Akta Hakcipta 1969 dihapuskan.

Kesepuluh, Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya afidavit atauakuan berkanun yang dibuat di hadapan mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk

mengendalikan sumpah boleh diterima sebagai keterangan di dalam apa-apa prosiding di bawah Akta dan hendaklah menjadi bukti *prima facie*. Di bawah Akta Hakcipta 1969 sesuatu affidavit hanya boleh diterima di dalam kes-kes jenayah sahaja.

Kesebelas, Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini mencadangkan supaya terjemahan karya-karya ke Bahasa Kebangsaan boleh dibuat selepas satu tahun dari terbitan pertama karya tersebut berbanding dengan tujuh tahun di bawah Akta Hakcipta 1969. Cadangan mempercepatkan terjemahan karya-karya ini akan memperbanyakkan bahan-bahan bacaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, Rang Undang-undang ini mempunyai ciri-ciri positif yang menarik. Di antaranya ialah:

- (i) Undang-undang ini memperluaskan jenis-jenis karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta, umpamanya karya program komputer;
- (ii) Undang-undang ini memperluaskan hak-hak eksklusif pemilik karya, umpamanya hak mengawal penyebaran melalui kabel;
- (iii) Undang-undang ini memanjangkan jangkamasa perlindungan hakcipta daripada antara 20 hingga 25 tahun sekarang kepada 50 tahun;
- (iv) Undang-undang ini memperuntukkan denda dan hukuman yang lebih berat ke atas sebarang pelanggaran hakcipta; dan
- (v) Rang Undang-undang ini memperluaskan skop perlakuan yang dianggap urusan yang wajar (fair dealing).

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan hakcipta memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan sesebuah negara, kerana ianya merupakan suatu insentif bagi mendorong para karyawan untuk terus berusaha dan kreatif. Adalah dipercayai bahawa Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, bukan sahaja akan dapat memberi perlindungan sewajarnya kepada tuan punya hakcipta, tetapi akan mewujudkan keyakinan di kalangan pihak-pihak lain yang terlibat dengan hakcipta, seperti industri percetakan dan penerbitan buku, industri pengusaha dan penerbit filem, industri pengusaha dan penerbit video dan phonogram dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Hakcipta 1987 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.27 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang Hakcipta 1987 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Pada hemat saya Rang Undang-undang yang memberi perlindungan lebih berkesan bagi melindungi hasil karya para seniman, sasterawan, karyawan rakyat negara kita ini sebenarnya patut diadakan lebih awal dari ini lagi. Walau bagaimanapun, pembentangan Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini belumlah lagi terlewat.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap seorang insan yang hidup di atas muka bumi ini mempunyai sumber-sumber rezeki yang dianugerahkan oleh Yang Maha Berkuasa Allah s.w.t. kepadanya. Kita lihat insan yang dilahirkan untuk menjadi pendidik, doktor, jurutera, peniaga dan lain-lain lagi, sumber rezeki mereka tidak boleh dicuri secara sewenang-wenangnya kerana ada undang-undang yang melindungi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini amat malanglah bagi para sasterawan, seniman, karyawan bergantung sumber rezeki mereka dari hasil karya mereka telah diabaikan. Pada masa yang lalu tidak ada undang-undang yang cukup untuk melindungi sumber-sumber rezeki mereka. Mereka telah mencipta sesuatu untuk sumbangan yang sangat berguna kepada rakyat dalam negara ini. Dari darah seni mereka dapat mendidik rakyat dengan cara langsung atau tidak langsung seperti novel, cerpen, buku-buku agama hasil seni khas dan lorek serta lain-lain lagi. Tidak kurang pula hasil seni suara yang memberi kesedaran politik, dakwah negara dan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sangatlah malang bagi sasterawan, seniman dan karyawan kerana punca rezeki mereka yang terbatas ini bukan sahaja dicuri tetapi telah dirompak secara sewenang-wenangnya. Perompak-perompak yang terhormat ini tidak silu dan segan telah dan sedang menjalankan kegiatan lanun dengan menggunakan teknologi moden. Mereka boleh jadi kaya dalam tempoh yang singkat. Hari pertama buku bercorak novel atau kaset nyanyian diterbitkan, maka pada hari yang sama mereka berjaya mencetak dan membuat kaset rompak yang menandingi naskah-naskah asal di pasaran. Jelaslah di sini bahawa lanun-lanun cetak rompak makan isi yang sedap dan enak, sedangkan para pencipta dan para karyawan hanya makan tulang-tulang yang tidak berisi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membandingkan kehidupan sasterawan, seniman dan karyawan di negara-negara Barat di mana mereka adalah di antara golongan orang-orang yang terkaya dan mendapat nikmat kemudahan yang cukup, tetapi keadaan ini tidak serupa di negara ini kerana tidak ada pembelaan yang cukup. Alhamdulillah, hari ini kita bersyukur kerana Rang Undang-undang Hakcipta 1987 dibentang di dalam Dewan yang mulia ini untuk melindungi para sasterawan, seniman dan karyawan kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu walaupun ada undang-undang, tetapi tidak ada unsur penguatkuasaan, tidak ada pengawal hakcipta atau sebagainya. Sepertimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, mana-mana undang-undang pun tidak ada kesannya kalau tidak ada pengawalannya. Dengan ini saya memberi penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan yang memperkenalkan seorang Pengawal Hakcipta untuk menguatkuasakan dengan lebih baik Undang-undang Hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua, di akhirnya saya mencadangkan supaya hukuman-hukuman dikenakan lebih berat lagi, seperti lesen perniagaan lanun-lanun ini digantung dan kalau perlu harta mereka dirampas, terutamanya mesin-mesin yang digunakan untuk merompak itu dirampas. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kuantan.

5.32 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyertai sama di dalam debat Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kerana inisiatif yang walaupun terlambat sepertimana Saudara kita dari Sungai Petani mengatakan, tetapi walaupun lambat, kesannya masih ada ataupun dalam bahasa Inggeris "better late than never", biar lambat asalkan jangan terlewat.

Sebenarnya Rang Undang-undang Hakcipta ini bukan sahaja meminda ataupun membaiki Rang Undang-undang Hakcipta, 1969 tetapi juga meluaskan dan menumpatkan lagi peruntukan-peruntukan tahun 1969 itu, dan di samping itu memperkenalkan langkah-langkah supaya tujuan utamanya, iaitu melindungi karyawan-karyawan dan memupuk karya-karya yang lebih tinggi dan lebih berharga. Di samping membuat segala itu, ia juga memperkenalkan cara-cara pengawalan yang lebih berkesan daripada apa yang sedia ada di dalam Rang Undang-undang Hakcipta, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Rang Undang-undang ini diperkenalkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya teringat kepada satu karya yang agung, yang ditulis oleh seorang penulis yang memenangi hadiah novel, iaitu Earnest Hemingway, karyanya ialah "The Old Man and the Sea" ataupun kalau kita boleh terjemahkan ialah "Orang Tua dengan Laut", sebuah karya yang agung ini dinikmati oleh berjuta manusia di seluruh dunia dan juga termasuk pencipta dan juga peminat-peminat sastera di Malaysia ini, iaitu satu hasil karya yang begitu tinggi. Tetapi kerana tiadanya perlindungan hakcipta yang begitu berkesan, maka sebuah karya seperti "The Old Man and the Sea" itu telah timbul, telah diedarkan di dalam berbagai-bagai bentuk sehingga akhirnya dijadikan sebuah buku semata-mata untuk murid-murid di sekolah rendah sahaja;

ceritanya lain, plotnya lain dan segala-gala yang ada keindahan di dalam karya itu menjadi kucar-kacir, menjadi rosak dan menjadi binasa. Daripada sebuah buku yang dinamakan "The Old Man and the Sea" ataupun "Orang Tua dengan Laut" dijadikan "Si Nelayan yang Malang". Inilah kemalangannya apabila kita tidak ada perlindungan hakcipta, bukan sahaja karyawan-karyawan sastera yang dilindungi oleh Rang Undang-undang ini, tetapi juga karyawan-karyawan muzik, seni, filem, rakaman bunyi, siaran dan yang seumpamanya.

Jadi, sekarang setelah begitu lama, sudah sampai waktunya golongan-golongan pencipta daripada hasil-hasil karya yang disebutkan itu memasuki satu era yang lebih bererti. Mereka boleh mencipta dengan rasa yang begitu senang kerana karya-karya mereka tidak senang lagi ditiru, tidak senang lagi dicetakrompak, tidak senang lagi disiarkan ataupun dikelilingkan. Dan kerana perlindungan itu, karya-karya yang hendak diciptakan itu tentu sekali mereka membuatnya dengan bersungguh-sungguh supaya mutu (quality) karya-karya yang diciptakan itu akan menarik pasaran yang luas, bukan sahaja dalam 1 tahun atau 2 tahun, tetapi sampai 50 tahun ataupun lebih sepertimana yang kita boleh kesani bahawa perlindungan hakcipta itu adalah 50 tahun pada asasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 ini tenaga Polis kita, kita bebaskan kepada perkara-perkara jenayah yang lebih besar lagi dan tidak semata-mata mengintip hal-hal yang mengenai hakcipta karyawan-karyawan seni kita. Kalau Polis banyak tugasnya untuk menjaga keamanan, untuk menjaga "law and order" dan untuk

mengawal tempat-tempat yang lebih peka, lebih sensitif, sekarang ini Menteri, iaitu Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada waktu ini boleh melantik Pengawal, Penolong-penolong Pengawal untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan Rang Undang-undang Hakcipta itu dan di dalam prosesnya kuasa Menteri itu boleh membentuk satu "reservoir" pakar-pakar yang mengawal hasil-hasil karyawan-karyawan yang kita sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat mengesan daripada pengenalan yang dibuat oleh Timbalan Menteri tadi bahawa Undang-undang Hakcipta, 1969 ada memperuntukkan denda maksima \$100,000 terhadap mereka yang melanggar peruntukan hakcipta, tetapi saya agak kesal kerana peruntukan \$100,000 itu telah dihapuskan di dalam Rang Undang-undang Hakcipta, 1987 itu dan digantikan dengan beberapa langkah, iaitu offence yang pertama lain, yang kedua lain, yang ketiga lain dan yang keempatnya lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkembangan masyarakat kita yang semakin sophisticated, ini bererti pasaran hasil-hasil sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi dan siaran itu semakin membesar daripada satu masa ke satu masa dan apabila pasaran membesar, ini bererti kemungkinan sesuatu hasil dikeluarkan itu mendapat bayaran, mendapat ganjaran yang besar adalah satu kemungkinan yang besar. Jadi, kadang-kadang kalau dendanya hanya \$10,000, tak lebih daripada \$10,000 ataupun penjara tak lebih daripada 5 tahun, saya takut sepertimana juga dalam perkara-perkara lain masih ada lagi pihak-pihak yang cuba melanggar undang-undang seperti ini kerana mereka tidak takut untuk membayar \$10,000 ataupun dipenjarakan lebih daripada 5 tahun.

Kenapa saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas dalam sesi Parlimen yang lepas, kita telah memperkatakan tentang OSA, bagaimana ramai manusia yang tidak takut kalau didenda \$10,000 ataupun \$20,000 asalkan tujuan utamanya, mereka mendapat untung, mungkin sepuluh kali ganda lagi. Begitu juga dalam hal peruntukan denda di dalam Rang Undang-undang Hakcipta ini. Saya takut kalau-kalau denda itu tidak memadai dan jika tidak memadai, maka segala tujuan baik untuk kita menggalakkan karyawan-karyawan untuk kita memupuk, menghasilkan karya-karya yang bernilai tinggi akan terjejas, kerana masih ada takut kalau-kalau ramai pihak-pihak yang sudah menjadi lanun itu akan menjadi lanun yang lebih besar lagi di dalam hal mencuri karya-karya untuk dipasarkan dengan janji pendapatan (proceeds) yang lebih besar daripada denda yang mungkin dikenakan di bawah Rang Undang-undang Hakcipta ini. Oleh itu, walaupun \$100,000 maksima seperti mana yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Hakcipta 1969 itu telah ditiadakan, tetapi saya rasa kalaulah dikekalkan juga \$100,000 itu, tentulah satu langkah yang boleh memperkuat lagi Rang Undang-undang Hakcipta 1967 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengaitkan soal hakcipta ini di dalam satu tahap yang lebih luas kerana saya takut kalau-kalau sesudah kita memperkemaskan Undang-undang Hakcipta di dalam negara kita, kita takut kita akan membuat pula persefahaman ataupun kita memasuki persetujuan di peringkat antarabangsa berkenaan dengan perlindungan hakcipta ini. Sekiranya kita memasuki ke tahap antarabangsa, kita harus memikirkan apakah ianya akan membawa faedah kepada kita. Di dalam "information age" ini, ataupun di dalam zaman maklumat ini, karya-karya penulisan seperti sastera itu

ataupun dalam bentuk-bentuk lain banyak terdapat di semua kedai-kedai buku di negara-negara lain, melempah-ruah dan juga diimportkan ke sini. Kalau kita tidak terikat dengan hakcipta antarabangsa, kita boleh menimba hasil-hasil karya itu, kita terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia ataupun bahasa apa sahaja, bukan semata-mata untuk mendapat duit tetapi untuk menimba ilmu dan menimba maklumat ataupun menimba informations yang dicetak di dalam bahasa asing di negara-negara mereka.

Sekiranya ini berlaku, saya percaya banyak buku-buku yang telah diterjemahkan daripada bahasa-bahasa asing itu akan kurang jumlahnya, dan apabila kurang jumlahnya, tentu sekali sumber kita untuk mendapatkan ilmu, untuk mendapatkan maklumat daripada research, daripada usaha-usaha yang dibuat di luar negara kita ini akan menjadi terbatas dan sekiranya terbatas, maka terbataslah peluang kita, peluang anak-anak kita, peluang orang-orang muda kita menimba ilmu dengan cara yang agak murah. Kadang-kadang saya rasa bukan untuk kita mempiratekan hasil-hasil karya daripada luar negara itu semata-mata untuk kewangan tetapi kita membuatnya semata-mata untuk mendapat ilmu, untuk mendapat maklumat dan untuk mendapat pengetahuan daripada hasil-hasil usaha orang-orang di luar negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita mewajarkan aspek-aspek yang saya sebutkan tadi, saya rasa begitu sukacita bahawa sebarang karya yang dilahirkan, yang diciptakan di dalam negara kita ini, baik oleh warganegara kita ataupun bukan warganegara kita, adalah dilindungi oleh Rang Undang-undang Hakcipta 1987. Ini tentunya menimbulkan, menghasilkan satu suasana yang begitu meyakinkan bagi sesiapa sahaja untuk berkarya di

dalam negara kita ini. Dengan adanya peruntukan seperti ini, saya yakin, ramai karyawan-karyawan, sastera muzik, seni, filem, rakaman, bunyi dan siaran akan datang ke sini bukan sahaja dalam satu jangka masa yang singkat tetapi juga mungkin dalam satu jangka masa yang panjang untuk berkarya, untuk membuat filem ke sini, untuk membuat rakaman, untuk menghasilkan hasil-hasil seni, muzik, sastera dan sebagainya lagi dan ini tentu sekali akan memberi sumbangan yang tidak terhingga kepada perbendaharaan seni kita di Malaysia ini.

Satu perkara lagi yang saya bangga ialah apabila sesebuah karya itu diterbitkan di dalam bukan Bahasa Malaysia, selepas setahun karya itu boleh diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terjemahan ini dibuat dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang Hakcipta ini, saya percaya ianya akan dapat meluaskan lagi maklumat-maklumat yang ada di dalam bahasa asalnya dahulu dan diperkembangkan dalam Bahasa Malaysia untuk menimbulkan persefahaman, untuk menimbulkan penghayatan di kalangan semua kaum di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga, iaitu Perkara 7 yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, ialah adanya "the principle of fairness", kalau tidak silap saya, iaitu sebarang karya yang dilahirkan, bukan sahaja harus manfaatnya pergi kepada pencipta karya-karya itu, tetapi juga harus dinikmati oleh kaum keluarganya dan juga keturunannya setelah penciptanya meninggal, iaitu kalau tidak salah saya, 50 tahun atau 20 tahun. Sekiranya salah harap betulkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi yang pentingnya kita ada memperuntukkan "the principle of fairness", prinsip kewajaran di dalam Rang Undang-undang Hakcipta

ini supaya karyawan-karyawan kita tidak menjadi mangsa kepada pihak-pihak yang lebih kuat "acumen"nya di dalam hal-hal perniagaan kerana saya tahu, golongan-golongan karya, sastera, muzik, seni, filem, bunyi dan siaran itu, bukanlah selalunya terdiri daripada golongan pengusaha-pengusaha atau interpreneur. Mereka banyak menumpukan kepada menghasilkan karya, tetapi mereka tidak begitu berbakat di dalam hal memasarkan, mengedarkan hasil-hasil karya mereka. Oleh itu proceeds ataupun pendapatan yang didapati daripada karya-karya mereka itu jika dibuat berdasarkan "the principle of fairness" tadi, untuk melindungi kepentingan mereka, bukan sahaja kepada mereka tetapi keturunan mereka, tentulah principle ini dialu-alukan oleh semua golongan karya yang tersebut di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang tersirat di dalam Rang Undang-undang Hakcipta ini ialah kita telah mengiktiraf bahawa zaman ini adalah zaman komputer. Komputer bukan sahaja merupakan benda-benda yang tidak kreatif tetapi komputer, terutama program komputer itu adalah dianggap sebagai satu karya seni juga yang dibuat berdasarkan proses kreatif dan apabila program itu dibuat dengan proses kreatif ianya harus mempunyai nilai ekonomi yang sewajarnya. Jadi, undang-undang tahun 1987 ini sebenarnya membaiki apa yang diperuntukkan pada tahun 1969 dengan memastikan bahawa program komputer itu yang dibuat menerusi proses kreatif itu dilindungi dan diberi nilai-nilai yang sepatutnya kepada mereka yang mengambil inisiatif yang berkarya menerusi pembuat program komputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri debat ini dengan sekali lagi mengucapkan tahniah dan penghargaan terhadap pembentangan

Rang Undang-undang ini oleh Yang Berhormat Menteri kerana telah mengambil perhitungan yang berbagai-bagai daripada apa dia definisi yang termasuk di dalam Rang Undang-undang Hakcipta ini, apa juga, apa dia langkah-langkah pelaksanaan, apa dia langkah-langkah enforcement dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan prinsip-prinsip keadilan dan langkah-langkah yang bukan sahaja menggalakkan karya-karyawan, tetapi juga langkah-langkah yang boleh memupuk karya-karya termasuk karya yang saya sebutkan tadi iaitu program komputer sekali.

Dengan itu, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pembentangan Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

*5.53 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang Hakcipta 1987 yang bertujuan untuk menggantikan Akta Hakcipta 1969 yang telah dianggap sebagai tidak mencukupi, tidak lengkap dan sudah ketinggalan masa. Setelah meneliti Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini, saya mendapati bahawa usaha-usaha telah pun dilakukan untuk mengadakan satu kajian yang menyeluruh ke atas Undang-undang Hakcipta dan perkara-perkara yang berkait dalam negara kita bagi memenuhi keperluan dan realiti masa kini. Boleh dikatakan bahawa tidak ada negara, baik negara besar mahupun kecil yang tidak menyemak semula Undang-undang Hakcipta masing-masing dalam beberapa tahun yang lalu bagi menyesuaikan undang-undang itu

dengan realiti semasa dan saya gembira kerana kita di Malaysia juga memutuskan untuk berbuat demikian.

Saya menghargai bahawa Malaysia seperti lain-lain negara dalam dunia ini perlu menggalakkan hasil kreatif penduduknya, tidak sahaja dalam hasil karya berbentuk lama dalam bidang sastera, muzik, seni lakonan dan karya seni, tetapi juga dalam bidang intelektual yang baru termasuk micro film dan alat-alat komputer. Saya menyedari bahawa terdapat setengah-setengah orang yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan daripada kelemahan Undang-undang Hakcipta yang ada sekarang dan meraup hasil keuntungan yang lumayan dengan mengorbankan karyawan dan penerbit-penerbit karya. Saya bersetuju bahawa tanpa satu tindakan perlindungan yang sesuai di bawah Undang-undang Hakcipta, maka tidak akan ada galakan atau dorongan bagi pengarang-pengarang tempatan, artis, penulis lirik lagu, dramatis, pengubah lagu dan sebagainya untuk menghasilkan karya mereka. Atas prinsip ini maka saya tidak ada apa bantahan terhadap Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini. Akan tetapi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang berbagai-bagai peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Hakcipta Tahun 1987 ini yang menimbulkan syak wasangka, yang menimbulkan kebimbangan di kalangan peniaga-peniaga tempatan.

Apabila Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu Undang-undang Hakcipta yang baru yang memperuntukkan begitu banyak kuasa bagi Pengawal Hakcipta, Timbalan dan Penolong Hakcipta untuk menguatkuasakan Undang-undang Hakcipta, maka langkah-langkah mestilah diambil untuk memastikan bahawa kuasa-kuasa

yang begitu luas ini tidak akan disalahgunakan dan undang-undang itu dikuatkuasakan dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat beberapa ulasan ke atas Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini sangat komprehensif dan berbentuk amat teknikal dan mengadakan berbagai peruntukan yang terkandung dalam 9 bahagian. Peruntukan yang penting seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti yang berikut:

- (i) penubuhan sebuah Tribunal Hakcipta;
- (ii) memperluaskan skop hakcipta dengan meliputi teknologi alat-alat komputer seperti hasil-hasil karya dalam bentuk program komputer, atau penyesuaian program komputer;
- (iii) peruntukan-peruntukan yang jelas dan lanjut mengenai remedy, bagi pelanggaran dan kesalahan-kesalahan; dan
- (iv) peruntukan yang jelas tentang penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa peruntukan seperti yang terkandung dalam Bahagian VI berkait dengan remedy bagi pelanggaran dan kesalahan-kesalahan dan dalam Bahagian VII berkait dengan penguatkuasaan adalah menerima perhatian yang serius dan akan memberi kesan kepada para peniaga dan peruncit-peruncit, terutama industri yang mengedar hasil ciptaan muzik.

Sebagai misalan, kita mengambil Fasal 42 Rang Undang-undang ini yang menyebut bahawa suatu affidavit atau akuan berkanun boleh diterima sebagai di dalam keterangan dalam apa-apa prosiding dan hendaklah

menjadi bukti *prima facie* tentang fakta-fakta yang terkandung di dalamnya.

Terdapat banyak contoh pada masa yang lalu di mana pihak polis bertindak berdasarkan laporan-laporan polis yang disokong dengan affidavit dan akuan berkanun dan telah melakukan serbuan ke atas premis perniagaan serta mengambil salinan-salinan langgaran. Ini telah menimbulkan kesusahan kepada peniaga-peniaga kerana dalam banyak kejadian serbuan ini barang-barang yang dirampas itu tidak dikembalikan meskipun pendakwaan tidak dilakukan. Lebih-lebih lagi pihak polis akan mengambil masa, misalnya melebihi 6 bulan, sebelum memutuskan untuk mendakwa malah jika pendakwaan tidak dilakukan orang yang terlibat itu tidak pula diberitahu. Dengan ini orang yang tidak berdosa atau peniaga yang tidak bersalah ini mengalami kerugian dan kesusahan. Dalam kejadian lain alat-alat muzik dan rakaman yang mahal dan sensitif juga dirampas. Jika barang-barang ini dikembalikan semula ianya sudah rosak, orang-orang berkenaan juga tidak dapat menggunakan alat-alat tersebut untuk satu jangka masa yang lama.

Adalah tidak boleh dinafikan bahawa setengah-setengah pihak menyalahgunakan Undang-undang Hakcipta dengan mengganggu dan menyerbu ahli-ahli perniagaan dan peniaga-peniaga kecil dalam industri ini. Saya bersetuju bahawa mestilah ada peraturan-peraturan untuk mengawal cetak rompak hasil-hasil karya akan tetapi dengan menguatkuasakan Undang-undang ini perhatian mestilah diberikan bagi memastikan hanya kes-kes yang tulin sahaja dilindungi.

Hasil-hasil karya asing misalnya lagu-lagu dari luar negeri adalah dilindungi di Malaysia, jika ianya

diterbitkan buat pertama kali di tempat lain tetapi diterbit pula di Malaysia dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerbitan di lain tempat. Sebagaimana yang kita ketahui tidak semua pemilik hasil karya asing mempunyai cawangan-cawangan di Malaysia. Sebaliknya pemilik itu biasanya membenarkan atau menyerahhak kepunyaannya seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 27 Rang Undang-undang kepada orang lain.

Walaupun bagaimanapun, bukti *prima facie* pemilikan hakcipta sesuatu karya asing ialah lesen atau penyerahan hak. Fasal 42 pada pendapat saya adalah tidak mencukupi kerana ia hanya memperuntukkan dengan menyatakan bahawa yang pertama pada masa yang ditetapkan di dalamnya hakcipta wujud mengenai karya tersebut. Yang kedua dia adalah tuan punya hakcipta itu dan yang ketiga satu salinan karya itu yang disertakan bersama-sama affidavit atau akuan berkanun itu. Untuk memastikan kebenaran sesuatu affidavit atau akuan berkanun tuan punya hendaklah menyertakan bersama satu salinan yang sah lesen atau surat penyerahan hak dan hanya selepas itu barulah ia menjadi bukti *prima facie* dalam affidavit. Keadaan ini bertambah rumit jika diteliti kesan peruntukan mengenai penguatkuasaan.

Fasal 44 menyatakan keadaan di mana seseorang Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang membolehkan mana-mana Penolong Pengawal atau Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor memasuki sesebuah rumah atau premis perniagaan pada bila-bila masa yang sesuai, baik siang atau malam untuk menggelidih dan merampas mana-mana dokumen atau barang-barang. Ia juga memperuntukkan penggelidihan boleh dilakukan apabila waran tidak diperlukan. Saya berpendapat bahawa

peruntukan sedemikian memang menimbulkan kebimbangan di kalangan peniaga-peniaga yang berkenaan.

Fasal 45 pula menyatakan cara mana sesuatu kemasukan pemindahan dan penahanan boleh dilakukan.

Fasal 46 pula memperuntukkan peraturan yang menghendaki pegawai-pegawai berkenaan menyediakan senarai barang-barang yang disita.

Kemudian Fasal 47 pula mengenai pemberian kuasa kepada Pegawai Penguatkuasaan untuk memulangkan apa-apa barang atau dokumen yang sesuai.

Sementara Fasal 55 pula memperuntukkan kriteria untuk membuat pemeriksaan ke atas barang-barang yang disita boleh diterima.

Fasal 49 pula menyatakan bahawa sesuatu waran itu dianggap sah dan berkuatkuasa tanpa mengira kecacatan, kesilapan atau ketinggalan di dalamnya. Saya berpendapat bahawa Fasal ini iaitu Fasal 49 memang tidak munasabah oleh kerana ia mencegah mahkamah untuk memutuskan tentang kesahihan atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, legality sesuatu waran. Ini merupakan satu trend yang tidak sihat dan merupakan satu tindakan yang tidak menghormati kehakiman. Sebaliknya mahkamah hendaklah diberikan kuasa untuk memutuskan kesahihan sesuatu waran jika ianya dipertikaikan.

Fasal 54 memperuntukkan barang-barang yang disita berikutan dengan tindakan penguatkuasaan boleh dirampas. Ia memperuntukkan bahawa jika tidak ada pendakwaan dibuat berkaitan dengan mana-mana barang yang disita maka artikel, buku, dokumen, salinan atau perekaan itu hendaklah dikira dan disifatkan sebagai telah dirampas apabila

tamatnya satu bulan kalendar dari tarikh ianya disita melainkan suatu tuntutan telah dibuat.

Semua peruntukan ini yang saya telah sebut tadi menjelaskan ketidakselesaian, kesusahan dan beban yang ditanggung atau dipikul oleh mereka yang mana premisnya telah digeledah dan barang-barang disita. Oleh itu Fasal 54 ini hendaklah dipinda dengan memperuntukkan bahawa sekiranya tidak ada pendakwaan dibuat maka barang-barang yang disita itu hendaklah dikembalikan secepat mungkin. Fasal di atas yang saya sebutkan tadi adalah terlalu keras sifatnya dan hendaklah disemak dipinda demi kepentingan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V Rang Undang-undang ini pula mencadangkan penubuhan sebuah Tribunal Hakcipta yang tugas utamanya akan menimbang permohonan untuk menerbitkan hasil karya asing dalam Bahasa Malaysia.

Saya difahamkan hanya terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia sahaja yang menjadi bidang kuasa Tribunal ini. Di samping mengalu-alukan cadangan menterjemah hasil karya asing ke dalam Bahasa Malaysia, saya hairan mengapa cadangan Undang-undang ini tidak boleh memberikan keistimewaan yang sama kepada bahasa-bahasa Inggeris, Cina dan Tamil yang biasa digunakan di Malaysia.

Pada masa ini terdapat banyak penerbitan dan percetakan yang menggunakan bahasa ini di Malaysia dan adalah menjadi hak asasi rakyat untuk membaca dan menimba pengetahuan dalam mana-mana bahasa yang seseorang berminat menguasainya. Terdapat setengah-setengah buku yang hanya ada dalam bahasa-bahasa Jepun, bahasa Korea atau bahasa Jerman atau Perancis dan

terjemahannya ke dalam Bahasa Malaysia atau lain-lain bahasa yang digunakan dalam negara Malaysia adalah bersesuaian dengan Rang Undang-undang Hakcipta yang akan faedah besar kepada para pelajar dan orang dewasa yang berminat. Tidak seharusnya dilupakan bahawa pada masa kini terdapat kekurangan buku-buku dalam bidang sains dan teknologi dan jika hasil karya asing ini boleh diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa yang dipakai di Malaysia, maka ia merupakan satu dorongan besar bagi rakyat kita menimba ilmu pengetahuan.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan hendaklah memberikan pertimbangan yang wajar kepada cadangan ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin sebutkan di sini ialah di samping berkehendakkan perlindungan kepentingan mereka yang layak mendapat perlindungan hakcipta bagi memerangi cetak rompak, maka Kerajaan hendaklah menimbang kepentingan awam dengan memastikan bahawa harga-harga sesuatu versi asal bagi hasil karya asing seperti buku-buku teknik, kaset dan pita video tidak terlalu tinggi yang menyulitkan rakyat Malaysia untuk memilikinya. Langkah-langkah mestilah diambil untuk mengurangkan kos bahan-bahan diimport di dalam kategori yang saya ada sebut di sini. Dengan memperkenalkan edisi bahan-bahan import yang murah dari segi bayaran lesen bagi menampung pasaran dalam negeri dan satu semakan ke atas cukai import dalam aspek ini adalah pertimbangan yang sepatutnya diambil bagi memudahkan bahan-bahan ini didedahkan untuk pengguna-pengguna Malaysia yang ingin pengetahuan dan kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya berpendapat juga bahawa perlindungan hakcipta

seharusnya tidaklah tertumpu kepada wilayah di negara Malaysia sahaja. Adalah wajar dan patut supaya hasil karya semua artis, penulis lirik lagu, penyair, novelis dan penggubah-penggubah kita hendaklah dilindungi dalam negara-negara lain seperti juga negara-negara lain berkehendakkan hasil karya mereka dilindungi di Malaysia.

Dengan pandangan sedemikian, Malaysia hendaklah mengambil langkah-langkah untuk menjadi ahli signatory kepada, dengan izin, Universal Copyright Convention dan Bern Convention supaya hasil karya warganegara kita akan dapat perlindungan dalam negara-negara lain sepertimana hasil karya warganegara asing yang layak mendapat perlindungan di bawah undang-undang di negara kita. Inilah satu langkah yang sangat penting memandangkan sikap saling bergantung antara negara dan kepesatan hasil-hasil teknologi.

Cadangan undang-undang baru ini mestilah dikaji semula dari masa ke semasa selepas ianya dikuatkuasakan dengan tujuan untuk mencari apa-apa kelemahan atau sebab-sebab yang lain. Pandangan ahli-ahli guaman dan pihak-pihak yang berminat seperti pengarang-pengarang, penerbit dan kalangan sektor swasta hendaklah didengar dan diambil kira untuk dipertimbangkan apabila kajian semula atas undang-undang ini diadakan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Titiwangsa.

6.14 ptg.

**Drs Sulaiman bin Mohamed (Titiwangsa):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka turut mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini dan dari penelitian Rang

Undang-undang yang telah dibentangkan ini saya begitu berasa yakin bahawa pindaan ini akan dapat lebih berkesan dari Akta Hakcipta, 1969.

Dan sukalah saya menarik perhatian terhadap sebahagian daripada yang telah dikemukakan di sini iaitu yang berkaitan dengan hasil karya atau nyanyian yang disiarkan oleh Kerajaan secara wajib dan pampasan yang hendak diberikan oleh Kerajaan kepada para seniman atau penyanyi menerusi baik TV ataupun radio. Bagi pandangan saya adalah tidak wajar karya-karya atau nyanyian-nyanyian yang wajib yang disiarkan oleh Kerajaan diberikan pampasan kepada pencipta-pencipta atau penyanyi dan persatuan-persatuan yang mewakili golongan seniman termasuk PAPITA dan SENIMAN hendaklah berunding dengan Kerajaan kerana dengan menyiarkan lagu-lagu khususnya di bidang siaran seni lagu ini sudah barang tentu membawa publisiti kepada penyanyi-penyanyi tempatan dan akan mempopularkan penyanyi-penyanyi tempatan. Dengan cara yang demikian juga saya yakin dengan hasrat kita untuk sedikit demi sedikit tidak memperbanyakkan hasil-hasil nyanyian daripada luar negeri dapat kita buat melalui cara yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa hasil karya khususnya nyanyian para seniman kita tidaklah wajar mendapat pampasan seperti yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini kalau siarannya itu hendak dibuat secara wajib oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini saya kira amatlah lengkap dan sekali lagi memberi keyakinan kepada kita khususnya apabila Kementerian sendiri akan menubuhkan satu Jabatan dengan kakitangan yang lengkap termasuk

seorang Pengawal dan ini dari segi penguatkuasaan tentulah dapat dijalankan dengan lebih berkesan berbanding dengan hakcipta yang dibuat pada tahun 1969 yang mana penguatkuasaannya diberikan kepada pihak Polis.

Saya suka menyokong, Tuan Yang di-Pertua, dan mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Jelutong.

*6.20 ptg.*

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berucap, peruntukan-peruntukan yang ada terkandung dalam Rang Undang-undang Hakcipta Tahun 1987 adalah lebih baik daripada peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta Hakcipta Tahun 1969.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Hakcipta Tahun 1987, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengganti Akta Hakcipta Tahun 1969. Ada peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang baru ini yang ada dicadangkan, ada peruntukan-peruntukan yang baik, tetapi dalam Rang Undang-undang ini juga ada peruntukan-peruntukan yang radikal. Saya cakap radikal oleh kerana dalam sistem undang-undang kami ada satu sistem "the adversary system" dengan izin. Bolehkah, Tuan Speaker, peruntukan seperti yang ada terkandung di bawah Fasal 42 dalam Rang Undang-undang ini, tidak melanggar sistem adversary yang kami ada di dalam Mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Fasal 42 memperuntukkan bahawa affidavit dan akuan berkanun boleh digunakan

sebagai *prima facie* tentang fakta-fakta yang terkandung di dalamnya dalam apa-apa prosiding di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya sebagai seorang peguam dan dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau ada berucap bahawa tujuan peruntukan yang ada dalam Fasal 42 adalah untuk guna akuan berkanun yang dibuat di hadapan mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah dalam kes jenayah. Ini satu kesilapan besar. Sesiapa yang memberi idea ini untuk memasukkan peruntukan seperti ini dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami sekarang?

Tuan Speaker, baru-baru ini di Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang dalam satu kes mengedar dadah berbahaya, di dalam kes itu, Tuan Speaker, seorang rakyat German, namanya Frank Foster, di dalam kes itu peguambela bagi Frank Foster ini ada mendakwa bahawa Seksyen 39B ada guna 2 affidavit yang ada disumpah oleh 2 orang kawan Foster dalam affidavit itu disumpah di Bonn, jikalau saya tidak silap dan affidavit itu apabila peguam ada buat permohonan untuk guna affidavit itu sebagai keterangan dalam kes itu, Yang Arif Hakim Edgar Joseph Jr. meluluskan permohonan itu dan kedua-dua affidavit itu telah diterima sebagai keterangan. Di dalam alasan-alasan hukuman yang diberi oleh Yang Arif Edgar Joseph Jr., beliau terima kedua-dua Affidavit ini oleh kerana dalam fikiran beliau apa-apa yang ada dalam Affidavit ini tentu benar. Jikalau tidak benar, kedua-dua orang rakyat German yang buat affidavit ini tentu tidak berani untuk buat affidavit itu. Apa akibatnya? Betul, Frank foster ini telah dibebaskan dari tuduhan yang dihadapi oleh beliau. Tetapi, Tuan Speaker, tidak lama selepas Frank Foster ini telah dibebaskan dan telah

balik ke negara beliau, kedua-dua kawannya telah menafikan apa yang ada dalam affidavit itu. Kedua-dua orang itu bercakap apa yang ada dalam affidavit itu tidak benar, apa yang ada dalam affidavit itu bohong. Ini bermakna Tuan Speaker, 2 rakyat German ini telah memperkecilkan sistem perundangan kami oleh kerana bukan buat satu sumpah, Tuan Speaker.....

**Drs Sulaiman bin Mohamed:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Penjelasan?

**Drs Sulaiman bin Mohamed:**  
Penjelasan. Ahli dari Jelutong menyebut kami itu sama ada DAP ataupun.....

**Tuan R. Karpal Singh:** 2 negara—German dan Malaysia. Jikalau tidak boleh faham itu, saya pun tidak tahu apa itu. (*Tepuk*)

**Drs Sulaiman bin Mohamed:**  
Hendak tahu sedikit.

**Tuan R. Karpal Singh:** Di antara kami dan negara German. 2 orang rakyat ini bukan orang Malaysia, yang ada buat surat sumpah yang palsu. Apa yang saya katakan tadi, Tuan Speaker, kelakuan dan tindakan dua orang rakyat German ini adalah memperkecilkan sistem perundangan kami. Ini menjadi satu bukti jikalau apa yang ada dalam Fasal 42, di dalam Rang Undang-undang ini kekal dan jadi undang-undang yang boleh digunakan dalam negara kami, negara kita, Tuan Speaker, boleh jadi dalam kes lain apa yang terjadi di Mahkamah Tinggi boleh berlaku sekali lagi. Barangklai 2 orang putih ini, orang German, dia ingat dia pandai, boleh guna apa yang tidak benar, apa yang bohong, boleh bantu seorang lagi warganegara beliau, kawan beliau

bebas dari satu tuduhan yang serius sekali, iaitu satu tuduhan bahawa jikalau didapati salah boleh digantung oleh kerana apa yang berkuatk kuasa sekarang bahawa di bawah Seksyen 39B dikenakan hukuman maut, mandatory death sentence, dengan izin. Tidak boleh beri satu peluang kepada orang putih (*Ketawa*), Tuan Speaker, mengecilkkan sistem kami, dan bukan orang putih itu sahaja, ada seorang lagi orang putih, Frank Gilberly—ini lagi satu peristiwa yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung besok.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya sambung besok. Terima kasih. (*Ketawa*)

#### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, sedap ceritanya orang putih yang dibela oleh beliau sendiri dalam mahkamah, saya minta izin mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 16 (3) bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

#### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### BANGUNAN KOMPLEKS KERAJAAN DI RANTAU PANJANG

6.30 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob (Rantau Panjang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin lagi memberi ucapan penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Sebelum itu terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ini kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan dapat saya kemukakan cadangan untuk kebaikan dan kepentingan masyarakat khususnya pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di Rantau Panjang, iaitu saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya bangunan Kompleks Kerajaan Rantau Panjang yang ada sekarang patut dikaji dan kalau boleh diganti dengan bangunan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang saya mengemukakan cadangan ini:

- (i) memandangkan bangunan yang sedia ada telah pun dibangunkan, kalaulah tidak salah ingatan saya, lebih kurang hampir 20 tahun lebih. Bangunan ini dibuat daripada kayu-kayu biasa;
- (ii) pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bertugas di situ dari masa ke masa bertambah lebih ramai kalaulah hendak dibandingkan pegawai-pegawai yang ada di masa bangunan itu diwujudkan. Nampaknya kesempitan tempat dan kesesakan lalu-lintas sering berlaku oleh pegawai-pegawai yang bertugas di Kompleks itu.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi apakala kita memandangkan kedudukan bangunan itu terletak di tepi Sungai Golok, Rantau Panjang dan di sebelah sana ada pula bangunan Kompleks Kerajaan Thailand yang tidak sampai ½ batu jauhnya yang indah, cantik, tersergam besar dan tinggi. Maka di situ nampaklah bahawa kita adalah lebih jauh ketinggalan dari Kerajaan Thailand dalam segi menempatkan pegawai-pegawai kita di tempat yang selesa. Walau macammanapun, kita tidaklah hendak bertanding dengan mereka

dalam masalah ini tetapi pandangan umum sangat jelas bahawa kita adalah lebih lemah daripada mereka, adalah lebih tidak mampu daripada mereka pada memberi keselesaan kepada pegawai-pegawai kita yang bertugas di situ demi untuk kebaikan tempat-tempat mereka yang bertugas.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, diharapkanlah supaya Kerajaan kita memberi perhatian ikhlas untuk mereka dalam pada membuat peruntukan-peruntukan di masa yang akan datang. Moga-moga cadangan ini dapat perhatian dan boleh menghasilkan perkara yang baik demi untuk pegawai-pegawai kita yang bertugas di kawasan Rantau Panjang. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

6.35 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bandar-bandar di sempadan terutamanya di bahagian utara adalah amat penting dan ini memang disedari oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pembangunan kawasan-kawasan di sempadan bukanlah merupakan satu usaha yang mudah oleh kerana usaha ini melibatkan berbagai aspek terutamanya dari segi keperluan sosio-ekonomi dan keselamatan.

Memandangkan keperluan-keperluan tersebut adalah dalam berbagai bentuk, maka Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan Program Pembangunan Bersepadu supaya program-program pembangunan di kawasan sempadan lebih menyeluruh dan berkesan.

Kajian yang mendalam adalah diperlukan sebelum program-program yang berkesan dirancangkan.

Pada masa ini Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah ke arah tersebut dan dengan itu kawasan-kawasan untuk pembangunan serta program-program pembangunan perlu dikenalpasti selepas kajian yang mendalam selesai dilaksanakan.

Kawasan-kawasan yang sedang dirancang dan akan dimajukan dalam tempoh RML ialah Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor di Kelantan, Laka Tenin atau Bukit Kayu Hitam di Kedah, Wang Kelian dan Padang Besar di Perlis. Kajian Dasar Perbandaran Negara yang akan diteruskan dalam tahun ini antara lain akan juga meneliti beberapa buah bandar di sempadan. Kajian ini akan mengenalpasti serta mencadangkan projek-projek pembangunan yang berkaitan bagi kawasan-kawasan ini dari segi perkhidmatan, perkhidmatan bandar, kegiatan ekonomi dan perumahan.

#### PENDAFTARAN KOLEJ GENERAL PRACTITIONERS MALAYSIA

6.36 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, semua siswa perubatan dikehendaki mengikuti latihan dan mendapat pengalaman sebagai General Practitioner ataupun family physician semasa dalam kerja mereka dan sebanyak 90% daripada jumlah doktor yang berdaftar di negara ini adalah General Practitioners. Mereka merupakan, dengan izin, front-line doctor, di mana pesakit-pesakit boleh mendapat rawatan apabila mereka sakit.

Dalam tahun 1972 memandangkan kepentingan untuk memberi pelajaran lanjutan kepada General Practitioner, penubuhan Kolej General

Practitioners dimajukan untuk perbincangan. Allahyarham Tun Dr Ismail yang merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri telah membentangkan satu Rang Undang-undang untuk mendapat pengesahan penubuhan Kolej General Practitioners melalui satu, dengan izin, Royal Charter. Rang Undang-undang ini telah dibentangkan untuk bacaan pertama di Parlimen tetapi malangnya Tun Dr Ismail telah meninggal dunia dan selepas itu Rang Undang-undang ini ditarik balik tanpa apa-apa penerangan.

Pada tahun 1982, Kolej General Practitioners telah memohon untuk didaftarkan sebagai satu persatuan. Semua syarat yang dikehendaki oleh Pendaftar Persatuan telah dipenuhi oleh Council Kolej tersebut tetapi tidak ada jawapan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sebab yang diberi mengapa Kolej General Practitioners belum lagi didaftarkan iaitu kerana ianya bercanggah dengan Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti, 1971. Alasan itu saya rasa tidak bijak dan, dengan izin, short-sighted. Kita hendaklah mengambil sikap yang realistik dan mengakui bahawa keadaan sekarang telah bertukar dan jauh berbeza dengan situasi tahun 1971.

Tiap-tiap tahun kita boleh lihat beribu-ribu pelajar kita berkejar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti atau kolej-kolej oleh sebab universiti-universiti swasta atau private tidak dibenarkan dibuka di tanahair kita. Akibatnya lebih kurang \$1 billion pertukaran wang asing hilang tiap-tiap tahun. Kerajaan sekarang mengalami masalah kekurangan wang. Ternyata Kerajaan tidak cukup wang untuk membina universiti-universiti dan kolej-kolej untuk memberi peluang kepada penuntut-penuntut kita.

Untuk meringankan bebannya, trend Kerajaan sekarang ialah untuk mengikuti polisi penswastaan, misalnya dalam lapangan industri-indudstri Telekom dan Penerbangan Awam. Dengan pandangan sama, pelajaran pun harus diswastakan termasuk penswastaan pelajaran yang lebih lanjut untuk General Practitioners. Kalau tidak, doktor-doktor terpaksa pergi ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran dan belanja beribu-ribu pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Menteri Kesihatan sedar bahawa wujudnya kolej yang sama dalam kebanyakan negara Komanwel seperti di Australia, Canada, India dan Singapura, termasuk Hongkong, Indonesia, Amerika Syarikat, Taiwan dan Jepun. Kolej General Practitioners Malaysia adalah juga merupakan ahli Pertubuhan General Practitioners Sedunia yang dikenali dengan nama World Organisation of National Colleges, Academics and Academic Association of General Practitioners and Family Physicians (WONCAAP). Pengerusi Council Kolej General Practitioners Malaysia, Dr M. K. Rajakumar adalah juga merupakan Presiden WONCAAP. Kolej General Practitioners Malaysia adalah merupakan satu badan yang diuruskan dengan baiknya dan kolej ini telah membekalkan pelajaran lanjutan bagi General Practitioners di merata negara ini lebih dari 15 tahun yang lalu. Peranan ini adalah amat penting untuk memastikan satu taraf perubatan yang tinggi di kalangan General Practitioner yang membentuk 90% daripada jumlah doktor-doktor di negara kita.

Kolej General Practitioners Malaysia juga menjalankan peperiksaan khas pada tiap-tiap tahun bersama dengan College and Practitioners Australia untuk General Practitioner yang ingin menjadi pakar

dalam lapangan general practice. Kolej General Practitioners Malaysia juga telah menasihatkan Universiti Malaya dalam penubuhan satu jabatan *primi care*. Dengan credential ini saya berharap Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Menteri Dalam Negeri tidak akan melambatkan kelulusan mendaftarkan Kolej General Practitioners Malaysia.

6.42 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas ucapan dan hujah-hujah Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi. Kementerian memang sedar bahawa sebuah badan yang dicadangkan iaitu Kolej General Practitioners Malaysia serta juga beberapa kolej yang lain, Kolej Physicians, Kolej Surgeons telah membuat permohonan untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan dan Kementerian belum lagi dapat memberi jawapan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam perkara ini. Tujuan kolej-kolej ini diwujudkan, dicadangkan adalah di antara lain untuk meningkatkan latihan lanjutan iaitu lanjutan Post Graduate dan sebagainya dalam golongan doktor-doktor di negara kita untuk menjalankan peperiksaan-peperiksaan yang perlu dan juga mendaftarkan mereka yang layak sebagai Member (Fellow) kolej-kolej tersebut sama seperti dijalankan oleh Kolej-kolej diraja dalam bidang perubatan di United Kingdom.

Dalam perkara ini Kementerian Kesihatan terpaksa mengambil perhatian bahawa sejak tahun 1981 universiti-universiti tempatan di negara kita iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia yang menjalankan kursus-kursus perubatan di peringkat ijazah telah mula beberapa program latihan lanjutan ijazah dalam bidang-bidang perubatan

dan beberapa kursus sedang dijalankan dan beberapa orang telah juga lulus dalam peperiksaan-peperiksaan yang dijalankan. Di Universiti Malaya sahaja kita dapat latihan lanjutan ijazah dalam Kajian Penyakit Perubatan Jiwa Kesihatan Awam dan di Universiti Kebangsaan satu senarai yang lebih panjang walaupun dimulakan lewat daripada Universiti Malaya dalam bidang Perubatan Umum, Perubatan Kanak-kanak, Bedah Umum, Perbidanan dan Sakitpuan, Bius, ENT, Mata, Otopidik, Perubatan Jiwa dan sebagainya. Kementerian terpaksa mengambil perhatian tentang perkembangan ini dan juga.....

**Dr Eng Seng Chai: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' K. Pathmanaban:** Boleh saya lanjutkan masa dalam tempoh yang dijadualkan dalam Standing Order.

**Dr Eng Seng Chai:** Pendek sahaja. Dalam senarai yang disebutkan tadi di kedua-dua universiti ini kita tidak nampak ada satu kursus general practice. Hari ini general practice dianggap di merata-merata tempat, di merata negara di seluruh dunia adalah satu science and art dan general practice adalah satu kursus khas sekarang dalam senarai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tidak dapat tahu ada satu kursus general practice, dan inilah satu kursus yang akan diadakan oleh MCGP (Malaysian College of General Practitioners).

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya rasa sama seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi. Jadi, beberapa perkembangan telah

berlaku dalam bidang latihan lanjutan ijazah dalam bidang perubatan dan Kementerian terpaksa mengambil perhatian tentang perkembangan itu. Juga bahawa Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti 1971 menghadkan latihan lanjutan seperti itu di peringkat kolej dan universiti kepada kolej-kolej yang didaftarkan atau dilesenkan dibenarkan di bawah Akta Kolej itu. Dan sejajar dengan kedua-dua ini perkembangan dalam bidang latihan dan peruntukan Akta tersebut, Kerajaan memang lebih berhasrat supaya segala pelajaran tinggi dan latihan-latihan ijazah lanjutan ini hendaklah menjadi tanggungjawab dan bidang kuasa universiti-universiti yang telah ditubuhkan dalam negara kita ini.

Saya diberitahu bahawa USM (Universiti Sains Malaysia) pada tahun ini akan mulakan beberapa kursus. Dalam perkara ini Kementerian juga sedar bahawa dalam menjalankan kursus-kursus ijazah lanjutan ini, kita harus menggunakan tenaga, khususnya, tenaga pengajar dengan buah fikiran semua sektor, semua pihak yang kena-mengena dalam bidang ini untuk mewujudkan satu perkembangan dalam latihan ijazah lanjutan ini yang baik dan cukup untuk negara kita. Kementerian dengan fikiran itu telah pun atau sedang giat membincangkan beberapa cadangan mengenai perkara ini dengan pihak Kementerian Pelajaran dan juga pihak universiti-universiti yang berkenaan yang kita mencadangkan itu adalah satu kerjasama dapat diwujudkan di antara pihak Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab atau universiti-universiti, pihak Kementerian Kesihatan sendiri sebagai satu pihak yang penting yang berminat dalam bidang latihan ini dengan universiti-universiti yang berkenaan dan juga professional bodies dan pihak sektor swasta dalam perkara ini. Kita harap satu usaha bersama diasaskan kerjasama di antara semua pihak ini

dapat diwujudkan untuk kita menentukan bahawa kemajuan dalam bidang yang begitu penting ini adalah satu yang sesuai, satu yang kena pada tempatnya dalam konteks undang-undang dan hasrat kita semua dalam perkara ini. Jadi, saya mintalah sabar sedikit dalam perkara permohonan dan sementara waktu saya diberi tahu.....

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta penjelasan.

**Dr Chen Man Hin:** Penjelasan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, ini bukannya satu polisi, monopoly policy, tidak mengakui lain-lain tempat pun ada pakar-pakar yang boleh memberi pelajaran yang baik. Saya hendak tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mahu lanjutkan satu polisi monopoli di mana dia ingat pihak universiti atau kolej sahaja boleh memberi pelajaran lanjutan atau post graduate education atau specialisation dan tidak mengakui ada lain pakar-pakar di bidang swasta juga ada satu talent boleh beri post graduate education? Misalnya, Kolej General Practitioners.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan atau Kementerian Kesihatan tidak berhasrat monopolikan apa-apa. Seperti saya katakan tadi perkembangan di negara kita harus menjadi asas untuk apa yang kita buat dalam perkara ini. Di dalam negara kita, saya ada beritahu tadi ada beberapa universiti yang sedang menjalankan program yang kita harap boleh berkembang dengan sewajarnya. Akta Universiti pula kita juga terpaksa mengambil perhatian kerana Akta itu adalah Akta Dewan ini sendiri dan Kementerian juga

terpaksa mematuhi perkara itu. Dalam perkara ini saya telah mencadangkan tadi.....

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Dato' K. Pathmanaban:** Tunggu dahululah.

**Dr Eng Seng Chai:** Tunggu, nanti tak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tak beri.

**Dato' K. Pathmanaban:** Bolehkah saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, teruskan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Dalam perkara ini saya telah sebutkan tadi bahawa Kementerian berhasrat, mungkin lebih daripada hasrat orang yang lain, bahawa kerjasama atau satu usaha bersama diwujudkan dalam perkara mengaturkan dan menjalankan kursus-kursus latihan post graduate ini dan kita harap usaha sama ini dapat diaturkan dan bahawa badan-badan yang berkenaan dapat bekerjasama dalam perkara ini dan dapat menentukan bahawa usaha kita berjaya. Itulah tujuan kita, bukan sesiapa yang jalankan kursus, tetapi apakah kita buat yang penting sekali.....

**Dr Eng Seng Chai:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tak bagi.

**Dato' K. Pathmanaban:** Nanti dahululah.

**Dr Eng Seng Chai:** Nanti habis.

**Dato' K. Pathmanaban:** Dengar dahulu, mungkin saya akan menjawab

juga syak-wasangka Yang Berhormat itu. Tunggulah!

Dalam perkara ini, saya ingin juga mengatakan bahawa walaupun pada masa ini tidak ada kursus dalam general practice di peringkat universiti kerana baru sahaja ijazah-ijazah lanjutan ini diwujudkan di universiti-universiti, mungkin perkara itu juga boleh diambil perhatian pada masa-masa yang akan datang. Dalam perkara ini satu usaha sama di mana buah fikiran, nasihat, kerjasama dan sebagainya daripada semua pihak dapat dikumpulkan untuk mewujudkan perkara-perkara seperti itu.

Dalam perkara ini, saya juga inginlah di sini menyentuh dan mengingatkan bahawa sepanjang yang saya tahu dan Kementerian tahu, Kolej General Practitioners Malaysia ini belum lagi didaftarkan dan kerana belum ada daftaran itu, badan yang dicadangkan itu tidak harus sementara waktu menjalankan sebarang aktiviti yang tidak dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan kerana ia akan bercanggah dengan Akta Pertubuhan dan juga mungkin dengan Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti 1971, saya meminta persefahaman dan kerjasama dalam perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.53 petang.*